

**Jilid III  
Bil. 39**



**Hari Khamis  
2hb November, 1989**

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETUJUH**  
*Seventh Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 7193]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan 1990 [Ruangan 7245]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan 1990 [Ruangan 7245]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar)
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).  
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).  
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).  
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).  
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).  
 „ DR V. DAVID (Puchung).  
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).  
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).  
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).  
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).  
 „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).  
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).  
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).  
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).  
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).  
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).  
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).  
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).  
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).  
 „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).  
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).  
 „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGU, P.B.S. (Kapit).  
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).  
 „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).  
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).  
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).  
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).  
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).  
 „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).  
 „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).  
 „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya).
- „ DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).

„ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).

„ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).

„ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).

„ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).

„ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,  
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

Khamis, 2hb November, 1989

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
pengerusikan Mesyuarat*

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**SISTEM KESELAMATAN  
JALANRAYA (KEJARA)**

**1. Tuan Law Lai Heng** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) setakat manakah keberkesanan sistem Keselamatan Jalanraya (KEJARA). Dapatkah ianya menyedarkan pemandu-pemandu kenderaan; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kemalangan jalanraya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sistem Keselamatan Jalanraya (KEJARA) adalah satu daripada beberapa langkah yang menyumbang kepada pengurangan kadar kemalangan jalanraya di negara kita. Didapati kadar kemalangan jalanraya menurun di Semenanjung Malaysia selepas sistem itu dilaksanakan berbanding dengan sebelumnya. Sebelum pelaksanaan KEJARA mulai April 1984, kadar kemalangan meningkat dari 59,084 dalam tahun 1980 kepada

72,634 dalam tahun 1981. Selepas pelaksanaan, terutama tahun kedua dan seterusnya, kadar kemalangan telah menurun dari 73,727 dalam tahun 1984 kepada 65,127 dalam tahun 1988. Sistem ini memberi kesan yang positif dalam menyedarkan pemandu kerana pesalah-pesalah akan diberi notis amaran setelah mereka mencapai 10 mata kesalahan ke atas. Apabila mereka mencapai 20 mata kesalahan, mereka akan menerima notis tunjuk sebab mengapa lesen memandu mereka tidak boleh digantung. Pengeluaran notis-notis ini mengingatkan pemandu-pemandu supaya tidak melakukan kesalahan lalulintas. Penggantungan lesen memandu akan menjejaskan tugas, pergerakan harian serta mata pencarian terutama bagi pemandu kenderaan perdagangan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan—

- (b) Kerajaan sentiasa berusaha mengurangkan kemalangan jalanraya ke paras yang paling minima. Di samping meningkatkan tindakan penguatkuasaan undang-undang oleh JPJ dan pihak Polis, langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk meningkatkan tahap keselamatan jalanraya termasuklah:

- (i) mengadakan ceramah dan dialog di organisasi-organisasi Kerajaan dan

- swasta yang mempunyai golongan pemandu yang besar;
- (ii) mengadakan aktiviti keselamatan jalanraya di kalangan murid-murid sekolah seperti pameran, tayangan filem dan pertandingan lalulintas;
  - (iii) melancarkan kempen menjelang musim cuti perayaan;
  - (iv) memperluaskan penyiaran filem dan rencana keselamatan jalanraya dan berita kemalangan jalanraya di akhbar, televisyen dan radio;
  - (v) memperkenalkan Borang Aduan Laporan Kesalahan Lalulintas oleh Pegawai Kerajaan Kum-pulan A;
  - (vi) memperkenalkan Borang baru Laporan Kemalangan yang dikenali sebagai Borang POL. 27 (Pindaan 87) dengan tujuan mengambil maklumat yang lebih terperinci agar perangkaan kemalangan jalanraya dapat disediakan dengan lebih tepat;
  - (vii) mengenalpasti kawasan yang kerap berlaku kemalangan jalanraya dan mencari dan mengenalpasti punca kemalangan dan cara-cara mengurangkannya;
  - (viii) mengeluarkan buku panduan keselamatan jalanraya bagi murid-murid sekolah;
- (ix) sedang dalam proses mencetak buku kurikulum keselamatan jalanraya bagi kanak-kanak prasekolah dan sekolah rendah;
  - (x) pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Memandu yang mana teknik memandu berhemah atau, dengan izin, defensive driving akan ditekankan;
  - (xi) sedang dalam perancangan untuk memajukan kelab-kelab keselamatan jalanraya di sekolah-sekolah;
  - (xii) sedang dalam perancangan untuk membina Pusat Keselamatan Jalanraya (Road Safety Council).

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat tadi mengatakan tahun 1984 lebih 73,000 kemalangan, tahun berikutnya ialah lebih daripada 65,000. Dalam jawapan Yang Berhormat dalam persidangan yang lepas, Yang Berhormat telah menyebutkan bahawa kemalangan jalanraya di Malaysia ini merupakan di antara yang tertinggi di dunia. Jadi, soalan saya ada dua: yang pertama, apakah sebab-sebab utama, adakah sebab mabuk, cuai atau pun lain-lain sebab? Yang keduanya, apakah sebab-sebab kemalangan ini oleh kerana dengan sistem KEJARA dan lain-lain lagi kempen tetapi kemalangan masih tinggi, adakah disebabkan oleh kedudukan jalan kita, adakah jalan kita ini ataupun bentuk alignment yang dibuat itu di antara yang mungkin menyebabkan kemalangan, dan adakah Yang Berhormat ingin menghubungi Menteri Kerjaraya supaya ada penyelarasan kalau sekiranya benar sebab-sebab kemalangan ini disebabkan oleh masalah jalanraya dan sebagainya

sebab jumlah kemalangan di Malaysia adalah di antara yang tertinggi di dunia?

**Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama mengenai sebab-sebab tadi, sebab utamanya memanglah kecuaiian manusia—di antaranya mabuk dan tidak memandu dengan berhemah adalah salah satu daripadanya dan banyak lagilah sebab-sebab disebabkan kecuaiian manusia iaitu sebab utama yang menyebabkan kemalangan. Sebab-sebab lain seperti jalan adalah juga di antaranya dan saya telah menyebut tadi bahawa kita telah mengenalpasti bahagian-bahagian jalan yang merbahaya yang selekohnya terlalu tajam dan Jabatan Kerjaraya ada wakilnya duduk dalam Majlis Keselamatan Jalanraya dan dengan pertolongan Jabatan Kerjaraya juga kita dapat mengenalpasti bahagian-bahagian jalan yang merbahaya yang kerap belaku kemalangan dan diperbaiki keadaannya iaitu melalui apa yang kita panggil 3E (Enforcement, Education dan Engineering).

#### PENGEDARAN DADAH—BADAN PEMBANTERAS

2. **Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah cadangan-cadangan yang akan dibentangkan oleh Kerajaan Malaysia di persidangan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang akan datang berkenaan dengan penubuhan satu pasukan bersenjata antarabangsa di bawah naungan PBB untuk membanteras kegiatan-kegiatan pengedaran dadah.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpendirian bahawa masalah dadah ini adalah berkaitan dengan soal keselamatan negara. Apa yang

Malaysia cadangkan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ialah bahawa sudah tiba masanya bagi masyarakat antarabangsa menyedari masalah-masalah dan batasan-batasan yang dihadapi oleh sesebuah Kerajaan untuk menghadapi masalah pengedaran dadah. Pada pandangan Malaysia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu adalah sebuah organisasi yang sesuai untuk menimbangkan bentuk-bentuk tindakbalas yang sepatutnya terhadap pengedar-pengedar dadah. Sehubungan dengan ini Malaysia akan menyokong semua usaha-usaha bersama untuk mewujudkan sebuah badan berkuasa antarabangsa di bawah naungan PBB yang boleh menolong negeri-negeri yang menghadapi masalah ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah sama ada cadangan Malaysia ini ialah ekoran dari apa yang berlaku di negeri Columbia baru-baru ini berkenaan dengan perang yang telah dilancarkan untuk membanteras masalah pengedaran dadah dan pada anggapan Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah cadangan Malaysia ini untuk menubuhkan satu pasukan bersenjata antarabangsa di bawah naungan PBB adalah satu cadangan yang praktik dilaksanakan.

Yang kedua ialah apakah sambutan yang telah diberi kepada cadangan Malaysia ini oleh negara-negara yang ada terlibat di dalam perang membanteras masalah pengedaran dadah?

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, pergolakan di Columbia tidak ada kaitan dengan cadangan Malaysia berkenaan dengan pertubuhan sebuah badan berkuasa antarabangsa bagi membanteras pengedaran dadah. Walhal kita telah melalui Perdana Menteri membawa perkara ini lebih-lebih awal lagi sebelum pergolakan di Columbia berlaku.

Keduanya kita kira cadangan itu adalah praktik sebab itu kita membawa usul itu di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Ketiganya setakat ini sambutan belum dapat diterima oleh kerana ia masih di dalam peringkat cadangan semata-mata.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya mendengar banyak negara yang memberi sokongan terhadap rancangan kita ini dan menentangpun nampak tidak berapa jelas. Jadi di kacamata Malaysia sebagaimana yang telah dibuktikan, manakah negara-negara yang menentang 100% akan usaha Malaysia ini? Manakah dan berapa buah negara-negara itu dan mengapa mereka itu menentang usaha ini dan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan supaya mereka ini dapat kita lembutkan hati mereka supaya menganggotai pertubuhan yang kita cadangkan nanti.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita belum lagi mengenalpasti satu pun negara-negara yang menentang 100% cadangan untuk kita wujudkan sebuah badan berkuasa antarabangsa berkenaan dengan pembanteras masalah pengedaran dadah. Maka soalan Yang Berhormat itu tadi tidak timbul.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Hashim bin Safin.

*(Soalan No. 3 Y.B Tuan Hashim bin Safin tidak hadir).*

#### DAGING ARNAB—PEMAKANAN

**4. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah sebab-sebab di sebalik keputusan yang dibuat oleh Kementeriannya untuk menggalakkan pemakanan daging

arnab dan nyatakan potensi pasaran bagi pengeluaran arnab, baik di dalam negeri dan di luar negeri.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian sedang menggalakkan pemakanan daging arnab berdasarkan beberapa sebab tertentu:

Daging arnab adalah sumber protin dari ternakan yang murah dan mudah ditenak serta senang dan cepat membiak. Arnab boleh ditenak di belakang rumah tanpa menggunakan tenaga yang banyak, memadai tenaga surirumah dan anak-anak. Peralatan sangkar boleh dibuat dari bahan-bahan murah. Makanan pula boleh diberi dari sayur-sayuran lebihan dapur.

Daging arnab juga adalah sejenis makanan yang lebih berkhasiat dibandingkan dengan daging lembu, kambing, ayam dan lain-lain. Kandungan zat protin dan garam galian adalah yang paling tinggi; sedangkan kandungan lemak dan kolesterol adalah yang paling rendah. Daging ini amat berkhasiat bagi mereka yang sedang pulih dari sakit atau wanita yang baru lepas bersalin. Ia juga baik bagi wanita yang menjaga berat badan dan lelaki yang berjaga-jaga dari serangan penyakit jantung.

Potensi pemasaran adalah sangat baik kerana pasaran tempatan sedang berkembang sementara pasaran di Eropah, Timur Tengah dan Timur Jauh terbuka luas.

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat sendiri dan juga Yang Berhormat Menteri Pertanian sama ada sudah pernahkah makan daging arnab?

Yang keduanya memandang bahawa begitu ramai yang memberi komen selama ini bahawa tidak ada sebab munasabah walaupun Yang Berhormat sudah beri, ramai yang menentang

akan menggalakkan penggunaan arnab sebagai bahan makanan. Jadi apakah langkah-langkah yang konkrit walaupun Yang Berhormat sudah beritahu tetapi betul-betul konkrit untuk menentukan orang yang jijik ini ada mengatakan binatang pet kemudian macam kucing, tikus dan sebagainya. Jadi apakah galakan supaya mereka ini didorong dan ditanam minat betul-betul menyedari bahawa pasaran dan juga potensinya akan menjadi baik. Dorongan supaya mereka ini minat tertanam supaya dapat pasaran arnab dibesarkan lagi di masa akan datang.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**  
Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang pertama sama ada saya pernah makan

<i>Daging</i>	<i>Kalori (setiap 100 gram)</i>	<i>Protin</i>
Ayam	129	18%
Arnab	118	20.7%
Lembu		

mengetahui tentang keadaan yang sebenar.

Sebagaimana saya mengatakan tadi, kandungan lemak dan kolesterol yang rendah sudah tentu dapat menjauhkan diri si pemakan daripada segala "arteriosclerosis" hendak sebut pun payah, iaitu kejadian berlakunya penampalan dinding saluran darah disebabkan oleh diet yang tinggi, kandungan lemaknya. Dan vertebrate pula boleh menikmati hidangan daging yang enak tanpa bimbang tentang berlakunya perdepositan tissue lemak yang tidak diinginkan dalam tubuh mereka. Dan dari itu, suka juga saya menyatakan bahawa daging arnab ini boleh dimakan oleh semua kaum malah oleh semua penganut agama. Di antara itu, suka saya nyatakan bahawa akhir-akhir ini ada orang memperkatakan bahawa hempedu arnab adalah baik untuk tenaga batin dan mengubati kemandulan.

ataupun tidak, begitu juga Menteri saya. Jawapannya kami pernah makan. Bukan setakat makan saya memelihara arnab itu pada hari ini. (*Ketawa*)

Yang kedua berhubung dengan daging arnab ini saya sukalah mengambil peluang ini untuk memberitahu kepada Yang Berhormat dan lain bahawa daging arnab ini bukan sahaja enak dari segi rasanya malah lebih berkhasiat jika dibandingkan dengan daging-daging yang lain sepertimana yang saya kata tadi kerana kandungan zat protin dan garam galian adalah tertinggi tetapi kandungan lemak, kolesterol dan kalorinya pula adalah lebih rendah. Ini saya hendak beri contoh kepada Yang Berhormat untuk

<i>Lemak</i>	<i>Kolesterol (setiap 1 kg)</i>	<i>Garam Galian</i>
9%	90 miligram	1.1%
3.8%	50 miligram	1.5%
18%	95 miligram	

Kemudian satu lagi, saya telah mengatakan kepada Yang Berhormat dan juga kepada Yang Berhormat yang lain, iaitu daging arnab ini memang laris dan popular sekali di Perancis di mana penggunaan per kapitanya pada hari ini melebihi 7 kilogram setahun. Bagi kami pada hari ini dari segi promosinya, kami telah melaksanakan promosinya secara rasmi pada bulan Januari 1989 di PWTC dan ini akan diperhebatkan lagi pada bulan Mac 1990 ini. Insya Allah, Kementerian kami akan tonjol sebenarnya satu species pada setiap tahun. Pada bulan November ini, kami akan mempromosikan daging rusa dan pada Disember, daging turkey dan pada bulan Mac 1990, daging arnab balik dan pada bulan April, daging lembu dan seterusnya. Jadi, ertinya pihak kami bukanlah bermain dalam soal ini, kami benar-benar ingin supaya rakyat benar-benar makan daging arnab ini.

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Seperti menjadi pengetahuan awam, arnab ini merupakan sejenis binatang ataupun haiwan yang jinak dan lemah, dan sepatutnya diberi perlindungan dan disayangi, bukan dimakan. (*Ketawa*) Jadi, pada pendapat saya, kalau kita memelihara arnab dan kemudian memakannya ia merupakan satu tindak-tanduk yang tajam, ganas dan boleh dikatakan zalim. Jadi, bolehkah Kementerian berkenaan menimbang-kan semula supaya kita jangan makan daging arnab ini? (*Ketawa*)

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, kita bukan memelihara seekor atau dua ekor arnab. Kalau hendak sebut, pada hari ini rakyat kita memelihara 69,307 ekor arnab (*Ketawa*) dan penternaknya berjumlah 110, dan kalau saya hendak bagi angkanya mengikut negeri pun, boleh saya beri.

#### CUKAI ATAS BARANG-BARANG KOMODITI

5. **Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah cukai-cukai dikutip oleh Kerajaan daripada setiap satu kilogram barang-barang komoditi seperti koko, lada hitam dan getah, apabila barang-barang komoditi itu dieksportkan. Adakah Kementerian bercadang mengurangkan cukai-cukai atas barang-barang tersebut supaya harga barang-barang itu boleh meningkat tinggi dan memperansangkan pekebun-pekebun kecil koko, lada hitam dan getah, memperluaskan tanaman mereka dan meningkatkan pengeluaran untuk negara.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, cukai yang dikenakan atas komoditi ialah duti eksport. Duti eksport ini tidak dikenakan atas koko, manakala bagi getah dan lada, duti eksport yang dikenakan adalah

berasaskan kepada struktur duti eksport yang berasingan atas kedua-dua komoditi ini yang mana adalah bergantung kepada harga warta yang diwartakan pada setiap bulan. Mengikut struktur-struktur duti tersebut, duti eksport hanya dikenakan ke atas getah apabila harga warta melebihi \$2.10 sekilogram. Manakala bagi lada hitam dan putih, duti dikenakan apabila harga warta masing-masing melebihi \$4.00 dan \$4.50 sekg. Oleh itu, duti yang dikutip atas komoditi-komoditi ini adalah berbeza-beza pada setiap bulan. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, bagi getah apabila harga yang diwartakan ialah \$2.50 sekg. duti yang dikutip adalah 4 sen sekg. sahaja manakala harga yang diwartakan ialah \$3.00 sekg., dutinya adalah 14 sen sekg. Mengenai lada hitam pula, duti yang dikutip adalah 5 sen sekg. apabila harga warta ialah \$50.00 sekg., dan 7.5 sen sekg. apabila harga wartanya \$55.00 sekg. Begitu juga bagi lada putih di mana duti yang dikutip ialah 2.5 sen sekg. apabila harga warta ialah \$50.00 sekg. dan 5 sen sekg. apabila harga wartanya \$55.00 sekg.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk mengurangkan duti eksport atas komoditi-komoditi tersebut. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengkaji perkara ini dari masa ke semasa bagi memastikan bahawa duti-duti yang dikenakan atas komoditi-komoditi seperti getah, lada, minyak kelapa sawit, timah dan lain-lain adalah sesuai dan munasabah.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin membangkitkan satu soalan terhadap duti eksport bagi lada sebab Malaysia merupakan sebuah negara yang mengeluarkan paling banyak lada di dunia ini dan lebih dari 90% lada yang dikeluarkan oleh Malaysia adalah

datang dari negeri Sarawak. Maka dijadikan cita-cita penanam lada supaya duti eksport itu dikecualikan sama sekali. Tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada katakana tadi bahawa dia tidak bercadang berbuat demikian. Soalan saya, sekiranya duti eksport bagi lada dikecualikan sama sekali, tidak dikenakan sama sekali, maka berapa wang akan tidak dikutip sebagai duti eksport—\$10 jutakah atau berapa juta ringgit? Sekiranya ia tidak merupakan satu amaun yang besar maka memang Kerajaan boleh menimbang permohonan penanam-penanam di negeri Sarawak untuk mengecualikan duti eksport sama sekali. Maka saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan akan memberi satu jawapan.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada soalan tambahan itu. Menurut angka-angka yang saya ada mengenai jumlah hasil kutipan duti eksport atas lada, kalau saya tidak silap, angka ini termasuk lada hitam dan putih semua sekali:

<i>Tahun</i>		<i>Jumlah Kutipan</i>
1983	—	\$ 0.6 juta
1984	—	\$ 5.5 juta
1985	—	\$19.0 juta
1986	—	\$12.4 juta
1987	—	\$14.5 juta
1988	—	\$ 9.1 juta

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, pandangan Ahli Yang Berhormat tadi itu akan diambil kira apabila masanya sesuai. Terima kasih.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat daripada jawapan tadi bagaimanakah Kerajaan hendak mengutip cukai ses di atas getah yang tidak dieksport sedangkan kita lihat estet-estet dia menuntut pulangan

wang ses ini berdasarkan kepada pengeluaran? Jadi, kalau sekiranya dia tidak eksport tetapi dia juga masih boleh menuntut wang ses daripada Kerajaan, jadi, bagaimanakah Kerajaan hendak mengutip cukai ses bagi getah-getah yang tidak dieksport?

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana saya tidak berapa pasti macam mana ses/duti itu dikutip atas komoditi-komoditi yang tidak dieksport. Caranya, saya ingat, kalau saya tidak silap, saya akan bawa balik kepada jabatan-jabatan yang berkenaan untuk memberitahunya.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Ses ini didasarkan kepada pengeluaran. Dia "claim" daripada Kerajaan berdasarkan kepada pengeluaran, tetapi Kerajaan tidak dapat mengenakan cukai kalau sekiranya getah itu digunakan dalam negeri. Kerajaan hanya kenakan cukai apabila ianya dieksport. Jadi, untuk getah yang tidak dieksport itu, bagaimanakah Kerajaan hendak kutip cukai pada hal ses ini dibayar oleh Kerajaan. Jadi, estet-estet akan mendapat keuntungan.

**Tuan Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa pasti, minta maaf, oleh kerana perkara ini adalah perkara yang spesifik sekali. Walau bagaimanapun, dari maklumat yang ada pada tangan saya sekarang bukan sahaja duti eksport dikenakan ke atas getah yang dieksport, ses tanaman semula dan ses penyelidikan dan kemajuan pun dikenakan ke atas komoditi-komoditi yang berkenaan. Terima kasih.

## AL-QURAN DALAM TULISAN RUMI

**6. Tuan Mohammad Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyak buku-buku agama yang mempunyai

petikan ayat Al-Quran dalam tulisan rumi yang telah dirampas oleh Lembaga Pengawalan Pelesenan dan Percetakan Teks Al-Quran. Nyatakan jumlah penerbit serta pengedar yang sudah dikenakan hukuman atau denda.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Pengawalan, Pelesenan dan Percetakan Teks Al-Quran tiada mengambil sebarang tindakan ke atas Al-Quran dalam tulisan rumi. Sepertimana yang diputuskan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan, tindakan yang sesuai akan dilaksanakan di bawah Enakmen Negeri-negeri secara beransur-ansur setelah Kerajaan Negeri mewartakan keputusan tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Tuan Chee Kam Hoy.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Bukan Chee Kam Hoy, Chew Kam Hoy. (*Ketawa*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Maaf, Yang Berhormat Chew Kam Hoy.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ke 7.

#### BANGUNAN SEKOLAH— MEMBAIKI

7. **Tuan Chew Kam Hoy** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) jumlah sekolah-sekolah rendah yang telah usang di negara ini; dan
- (b) jumlah kewangan yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk membaiki bangunan-bangunan lama itu mengikut aliran sekolah di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, Kementerian Pendidikan tidak mempunyai maklumat keseluruhan mengenai sekolah-sekolah rendah yang telah usang. Walau bagaimanapun, jika didapati bangunan sesebuah sekolah itu telah usang, Kementerian akan membina bangunan-bangunan baru di bawah projek gantian.

Peruntukan kewangan Kementerian Pendidikan adalah diagihkan kepada projek-projek pembangunan sekolah baru, bangunan tambahan dan bangunan gantian mengikut kelulusan yang dibuat oleh Agensi-agensi Pusat. Peruntukan tidak diagihkan mengikut aliran sekolah.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah anih Kementerian Pendidikan tidak mempunyai maklumat tentang sekolah-sekolah usang sebagaimana yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin mengetahui sama ada Kementerian Pendidikan bercadang untuk membentuk jawatankuasa ataupun apa-apa sahaja komiti yang boleh monitor tentang kedudukan sekolah-sekolah, terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar yang dikira usang dan tidak boleh digunakan supaya tidak terjadi peristiwa seperti di Kedah baru-baru ini. Walaupun itu sekolah rakyat, bukan sekolah Kerajaan tetapi maknanya sentiasa beringat iaitu "sediakan payung sebelum hujan" bagi menjamin keselamatan anak-anak sekolah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa bekerja dengan Jabatan Kerja Raya untuk menyasat keadaan sekolah-sekolah di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan dan penguasa tiap-tiap negeri sentiasa bekerja dengan Jabatan Kerja Raya Negeri masing-masing untuk menjaga bangunan-bangunan sekolah di bawah negeri. Selain daripada itu walaupun

kita merasa kasihan kepada bangunan-bangunan yang bukan ditadbir oleh Kerajaan, tetapi tangan kita sudah terikat sebab mengikut Akta-akta Kerajaan, Kementerian Pendidikan tidak berkuasa untuk mengawal ataupun mengambil tindakan mengikut peruntukan di Akta Pelajaran itu.

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Rancangan Malaysia Kelima akan habis tempohnya pada tahun 1990, saya ingin tahu daripada pihak Kementerian Pendidikan adakah jumlah sekolah-sekolah rendah yang telah usang ini dapat diperbaiki dalam jangkamasa Rancangan Malaysia Kelima dan juga mengenai peruntukkan untuk memperbaiki sekolah-sekolah ini ataupun bangunan-bangunan yang telah usang ini dapatkah dihabiskan dalam jangkamasa yang sama?

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dalam budget yang baharu kita hendak bincangkan ini sudah memberi peruntukan yang terbesar untuk sekolah-sekolah bantuan penuh. Untuk sekolah bantuan modal juga, sudah mencadangkan untuk Kerajaan menaikkan peruntukan dari \$2.0 juta sampai ke \$9.5 juta pada tahun hadapan.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Terima kasih, cuma saya hendak tanya untuk mendapat penjelasan. Apakah Yang Berhormat Timbalan Menteri maksudkan dengan perkataan sekolah usang. Adakah sama maknanya dengan sekolah buruk atau sekolah yang sudah lama. Saya hendak tahu kerana Kementerian tidak ada perangkaan jumlah sekolah yang usang, apa yang saya faham, kalau sekolah itu buruk diperbaiki, kalau sekolah itu usang dirobuhkan dan dibina yang baru. Jadi, saya percaya memang tidak ada Kementerian menyimpan statistik yang usang ini

kerana dia tidak menjadi bahan musium. Jadi, apa pendapat Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jawabkah atau minta penjelasan.

**Tuan Mohd. Noh bin Rajab:** Minta penjelasan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan dapat rekod-rekod berkaitan dengan sekolah-sekolah yang sudah disahkan merbahaya dari pihak Jabatan Kerja Raya, tetapi kita tidak ada statistik berkaitan sekolah-sekolah yang usang. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang sudah menjawab soalan yang disoal oleh Yang Berhormat yang lain.

#### PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK—PENGAMBILAN

**8. Tuan Taiman Lumaing** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan orang-orang Sabah yang telah diambil memasuki Perkhidmatan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) untuk setiap tahun sejak pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Jika ada, bagaimanakah komposisi kaum dan agama mereka yang telah diambil, dan benarkah bahawa orang dari Sabah dan Sarawak dianaktirikan dari segi layanan dan kenaikan pangkat dalam perkhidmatan tersebut.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pengambilan Pegawai-pegawai Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik (PTD) tidaklah berasaskan kepada negeri, kaum atau agama calon-calon yang memohon. Selain dari itu, iklan mengenai pengambilan pegawai-pegawai PTD ini juga dibuat di dalam akhbar-akhbar utama, radio dan televisyen di seluruh negara termasuk

negeri Sabah dan Sarawak. Sejak tahun 1963, lima orang yang berasal daripada Sabah telah diambil sebagai pegawai PTD.

Pengambilan mengikut tahun dan agama yang mereka anuti adalah seperti berikut:

Tahun	Tingkatan	Agama
1984	Tingkatan Tertinggi "G"	1 orang Islam
1988	Tingkatan Biasa	2 orang Islam 1 orang bukan Islam
1989	Tingkatan Biasa	1 orang Islam.

Adalah tidak benar bahawa pegawai-pegawai PTD yang berasal daripada Sabah dan Sarawak dianaktirikan dari segi layanan atau kenaikan pangkat. Ini terbukti kerana seorang daripada pegawai PTD yang berasal daripada Sabah telah mendapat peluang kenaikan pangkat dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik berdasarkan peraturan-peraturan yang tertentu seperti prestasi yang cemerlang dan tanpa mengambil kira negeri asal pegawai berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kenaikan pangkat pegawai-pegawai PTD sekarang ini adalah terlalu competitive, dengan izin. Bagi seorang Pegawai yang berpengalaman 10 tahun baharulah dinaikkan ke Tingkatan kanan dan 14 tahun baharulah dianya ditimbangkan untuk kenaikan ke jawatan Tingkatan Tertinggi "G".

**Tuan Joe Ojhi Supiring:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Fungsi Pegawai Tadbir dan Diplomatik ini adalah amat penting sekali dan ketika ini ia sering menimbulkan masalah seperti pengambilan kakitangan yang tidak begitu seimbang dan tidak terperinci, terutama sekali kependudukan. Soalan saya, adakah Jabatan Perdana Menteri mempunyai cadangan untuk mengkaji semula penyusunan Jabatan atau Bahagian ini untuk menseimbangkan secara adil dan

saksama bagi perlantikan, khususnya kepada setiap negeri seperti Sabah dan Sarawak, supaya pegawai-pegawainya lebih mengenalpasti keadaan goergraphical dan memahami kehendak rakyat tempatan secara terperinci?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menjalankan suatu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu untuk memberikan jumlah atau nisbah perlantikan mengikut negeri-negeri kerana perlantikan pegawai-pegawai dalam perkhidmatan PTD ini, pegawai-pegawai ini menjalankan urusan mereka dengan pengalaman dan pengetahuan mereka dan juga dengan kursus-kursus yang diberikan untuk seluruh negara. Pengalaman dan pekerjaan ini bergantunglah kepada kewajipan yang ditugaskan kepada mereka. Jadi, kalau kita hendak menimbangkan memberi nisbah bagi Negeri Perlis, Perak, Sabah dan Sarawak, ini akan menjadi suatu masalah kepada Kerajaan, ianya akan menimbulkan lebih sukar lagi bagi kita memilih pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan yang cukup untuk perlantikan ke jawatan PTD ini.

**Dr Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ingin saya tanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, memandangkan bahawa bilangan pegawai-pegawai PTD yang berasal dari Sabah dan Sarawak tidak begitu besar, sama ada Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan satu kempen untuk menjelaskan skim ini kepada orang-orang yang beminat di Sabah dan Sarawak dengan tujuan mendapat pengambilan pegawai PTD yang lebih ramai pada masa yang akan datang.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah jelaskan tadi bahawa urusan pengambilan pegawai-pegawai PTD ini diiklankan di seluruh negara, di dalam akhbar-akhbar yang ternama dalam negara ini dan juga

melalui radio dan televisyen. Bagi seseorang yang berminat, yang mempunyai kelayakan, sudah pasti mereka mengetahui bidang tugas PTD dan mereka tahu tugas-tugas itu perlu diisi dan juga mereka tahu bilakah jawatan ini akan diisi apabila diiklankan kelak.

### **BANJIR KILAT—MENGATASI**

**9. Tuan P. Patto** minta Menteri Pertanian menyatakan bagaimana Jabatan Parit dan Taliair akan mengatasi masalah banjir dan banjir kilat yang sering berlaku di beberapa kawasan dalam kawasan Majlis Bandaraya Ipoh di mana Sungai Kinta, Sungai Pari, Sungai Pinji dan lain-lain sungai terlibat yang sentiasa menyebabkan beribu-ribu penduduk di beberapa Taman Perumahan dan kampung, seperti Taman Hock Aun, Taman Merdeka, Lim Gardens, Ipoh Groove, Kg. Klebang Cheplor, Kg. Sri Kinta dan lain-lain, menderita siang dan malam apabila berlakunya banjir ataupun banjir kilat.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, kawasan-kawasan perumahan dan kampung-kampung berhampiran dengan Sungai Pari dan Sungai Kinta yang disebutkan oleh Yang Berhormat memang mengalami banjir. Bagaimanapun, bagi kawasan-kawasan yang berhampiran dengan Sungai Pinji, banjir tidak lagi berlaku semenjak tahun 1988, iaitu selepas Sungai Pinji diperdalam dan diperlebar pada akhir tahun 1987.

Untuk mengatasi masalah banjir sekitar kawasan Bandaraya Ipoh, Projek Mencegah Banjir Sungai Pari telah diluluskan. Kerja membaiki Sungai Pari Fasa I baru bermula dan dijadualkan siap pada awal tahun 1991. Buat sementara ini, kerja-kerja mencuci dan membersihkan sungai telah dilaksanakan bagi meringankan kesan banjir.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan, tidakkah benar bahawa salah satu daripada sebab utama kenapa berlaku banjir dan banjir kilat setiap kali hujan turun di kawasan Majlis Bandaraya Ipoh, adalah kerana pembinaan Lebuh-raya Ipoh/Changkat Jering yang mengkhakikan tanah khususnya tanah-tanah yang tinggi dan dengan penghakisan tanah dan juga apabila hutan dan belukar dibersihkan untuk pembinaan Lebuh-raya Ipoh/Changkat Jering maka banjir dan banjir kilat sering berlaku? Dan kalau Yang Berhormat mengakui bahawa inilah sebab utama, adakah pihak Kementerian beliau bercadang untuk mendapat ganti rugi daripada Kementerian Kerjaraya yang bertanggungjawab penuh atas banjir dan banjir kilat ini?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, soal banjir kilat ini memang berlaku di beberapa tempat. Soal ini sebenarnya boleh dikatakan berpunca dari berbagai-bagai sebab. Kadangkala kita dapati bahawa pihak Kementerian, sama ada Kementerian Pertanian sendiri yang mana JPS menjadi jabatan yang bertanggungjawab dan juga Kementerian lain memang sentiasa memberi perhatian yang berat. Saya rasa tidak timbul soal ganti rugi dan segala-galanya, soal pada hari ini soal kita menjalankan tugas. Jikalau berlaku banjir kita akan mengatasi dengan cara-cara yang tertentu. Umpamanya pada hari ini dari segi Bandaraya Ipoh, saya suka nyatakan berhubung dengan Sungai Pari umpamanya, kita pada hari ini telah menghulur kontrak kepada syarikat yang tertentu untuk mendalam dan melebar sungai itu dan kita juga menjalankan tugas-tugas mengalas konkrit di kawasan yang berkenaan daripada Sungai Kinta kepada Kuala Sungai Tambun bertujuan untuk mengendur soal banjir di kawasan

tersebut. Ini bermakna bahawa bukan itu sahaja kawasan yang kita akan tekankan dari segi mengendurkan suasana banjir, mana-mana kawasan sahaja yang timbul atau yang munculnya soal banjir ini pihak Kementerian tidak akan berdiam diri.

### MODAL PELABURAN ASING

**10. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) kedudukan jumlah pelaburan luar yang telah terlibat dengan pelaksanaan projek dan penanaman modal di dalam negara dalam tempoh sepuluh bulan tahun 1989;
- (b) kedudukan pegawai-pegawai luar dan kakitangan tempatan yang terlibat;
- (c) kedudukan jumlah pengeluaran untuk pasaran luar dan dalam negeri; dan
- (d) bagaimanakah pencapaian penanaman pelaburan mengikut negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Dato Dr K. S. Nijhar):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) bagi tempoh Januari-September, 1989 cadangan modal pelaburan dalam projek-projek yang diluluskan adalah sebanyak \$9,381.6 juta di mana cadangan modal pelaburan asing ialah \$6,566.1 juta.
- (b) Projek-projek ini dijangka mewujudkan sebanyak 118,050 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan termasuk juga beberapa jawatan pegawai asing. Saya tidak dapat memberi pecahan secara terperinci oleh kerana perangkaan ini adalah diperingkat cadangan sahaja.

(c) Di antara 588 projek yang telah diluluskan bagi tempoh yang sama, 477 projek akan mengeksploit lebih daripada 50% daripada pengeluarannya; dan

(d) Pengagihan pelaburan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Cadangan Modal Pelaburan ('000)</i>
Wilayah Persekutuan	\$ 56.2 juta
Kuala Lumpur	
Selangor	\$3,149.5 juta
Pulau Pinang	\$ 805.1 juta
Perak	\$ 264.6 juta
Johor	\$2,016.0 juta
Negeri Sembilan	\$ 158.9 juta
Melaka	\$ 467.5 juta
Kedah	\$ 533.4 juta
Pahang	\$ 794.8 juta
Kelantan	\$ 10.5 juta
Terengganu	\$ 114.1 juta
Perlis	\$ 13.3 juta
Sabah	\$ 607.1 juta
Sarawak	\$ 390.1 juta
	<hr/>
	\$9,381.6 juta

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut pecahan dari segi negeri-negeri, didapati bagi negeri Kelantan \$10.5 juta merupakan satu angka yang begitu kecil. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan sebab-sebabnya dan apakah langkah untuk mengatasi bagi menambahkan pelaburan bagi negeri Kelantan ini ataupun kerana kegagalan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian?

**Dato Dr K. S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, saya akui di Kelantan pelaburannya \$10.5 juta sahaja, tetapi untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan Pusat telahpun mengambil langkah-langkah sesuai untuk mengembangkan lagi pelaburan di negeri-negeri yang masih mundur seperti Kelantan dengan memperkenalkan Akta Penggalakan Pelaburan, 1986 yang merangkumi

sektor-sektor perkilangan, pertanian dan juga pelancongan. Di samping itu, insentif-insentif baru seperti taraf perintis telah juga diperkenalkan bagi industri-industri kecil yang boleh dibangunkan di negeri-negeri seperti Kelantan. Usaha-usaha ke arah ini telah juga dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dengan menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Penyelarasan Perindustrian dengan pihak Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia dengan memperkenalkan insentif-insentif tertentu di peringkat Kerajaan Negeri, seperti mengurangkan harga tanah perindustrian, memanjangkan tempoh bayaran tanah perindustrian dan untuk membina kemudahan asas untuk menarik pelaburan kawasan-kawasan kurang maju seperti Kelantan.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya nafikan, Kerajaan tidak gagal di dalam langkah-langkah untuk mempercepatkan serta mempertingkatkan pelaburan-pelaburan di negeri-negeri kurang maju seperti Kelantan. Keputusan melabur di dalam negeri Kelantan atau negeri-negeri lain ialah di tangan Lembaga pengarah syarikat-syarikat berkenaan. Walau bagaimanapun, kita boleh syor syarikat-syarikat berkenaan untuk melabur di negeri Kelantan. Itu keputusan dia. Oleh kerana Malaysia mengamalkan sistem ekonomi bebas, itu sahaja kita boleh buat pada masa ini.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu memberitahu apakah kelemahan-kelemahan atau kekurangan yang didapati di negeri Kelantan yang mengakibatkan pelaburan di negeri Kelantan itu hanya \$10.5 juta sahaja. Bolehkah Yang Berhormat menjelaskan apakah kekurangan dan kelemahan yang didapati dalam negeri Kelantan.

**Dato Dr K. S. Nijhar:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat untuk soalan tambahan itu. Kelantan tidak ada kelemahan. Industrialisation ini baru sahaja dilaksanakan dalam masa 20-30 tahun dalam negeri kita dan pada masa akan datang bila industrialisation dipercepatkan lagi, pada masa itu Kelantan pun boleh dicepatkan perindustrian ini.

#### **KWSP—WANG TAK DITUNTUT**

**11. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan Menyatakan bagaimana pihak KWSP mempunyai \$750 juta yang masih tidak dituntut; sama ada ini membayangkan ketidakcekapan Lembaga KWSP; nyatakan jumlah yang tidak dituntut ini yang dimasukkan ke dalam dana Kerajaan dan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kepentingan para pencarum dilindungi.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jawapan kepada pertanyaan ini telahpun dijawab pada 24-10-1989, iaitu ketika saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapan tersebut.

#### **TELEFON—KELEWATAN MEMBEKALKAN**

**12. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kelewatan yang lama (sehingga setahun) dalam membebankan talian telefon kepada pemohon-pemohon di seluruh negara oleh Syarikat Telekom Malaysia (STM) dan jika benar, beri sebab-sebab berlaku kelewatan ini dan nyatakan apakah yang dilakukan oleh Kementerian beliau bagi mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sedar memang masih terdapat keadaan di setengah kawasan di mana pemohon-pemohon terpaksa menunggu buat beberapa ketika untuk mendapat perkhidmatan telefon mereka. Ini adalah kerana kebanyakannya tertumpu kepada kawasan-kawasan yang agak jauh daripada ibusawat telefon yang sedia ada sekarang.

Untuk mengatasi masalah ini pihak Syarikat Telekom Malaysia telahpun membuat rancangan untuk meluaskan rangkaian-rangkaian talian supaya perkhidmatan dapat diberikan kepada pemohon-pemohon dan penunggu-penunggu berkenaan secepat mungkin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di akhir tahun 1983 dahulu terdapat 199,831 penunggu yang telah memohon untuk mendapatkan perkhidmatan telefon. Tetapi pada masa sekarang jumlah ini hanya tinggal lebih kurang 65,000 dan 26,000 daripadanya adalah penunggu-penunggu yang menunggu lebih daripada 1 tahun. Walaupun begitu, di banyak tempat di seluruh negara perkhidmatan telefon boleh diperolehi serta-merta tanpa terpaksa menunggu untuk mendapatkannya. Di tempat yang ada lebihan kapasiti ibusawat ialah 1.1 juta dan pasangan kabel yang berlebihan ialah 1.7 juta.

Ini adalah hasil daripada perancangan yang telah dibuat oleh Kerajaan melalui Jabatan Telekom yang lalu yang telah memperuntukkan sejumlah wang yang besar bagi membekalkan talian rangkaian tempatan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk masa depan pihak Kementerian telah meminta supaya

Syarikat Telekom Malaysia di dalam perancangan perniagaannya membuat peruntukan yang sewajarnya untuk mengembangkan lagi rangkaian talian. Sambil itu pula, pihak Kementerian untuk tahun depan dan seterusnya untuk Rancangan Malaysia Keenam sedang membuat persiapan dan rancangan untuk memastikan bahawa rangkaian talian dan juga ibusawat akan diperluaskan lagi untuk memastikan bahawa bilangan penunggu dapat dikurangkan seterusnya.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya sama ada STM masih memberi layanan kepada permohonan-permohonan telefon yang dikemukakan oleh penduduk setinggan. Kalau tidak, mengapa?

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Telekom Malaysia tidak ada halangan untuk menyampaikan bekalan telefon ke kawasan setinggan selagi diizinkan oleh Kerajaan Negeri.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian pemohon-pemohon untuk perkhidmatan telefon tidak dapat dilayan oleh STM oleh sebab mereka diminta untuk membayar capital contribution yang tinggi sedikit sebanyak \$1,000, \$2,000 atau \$3,000 sebab kawasan yang mereka menduduki adalah jauh sedikit dari pusat bandar, mungkin 20-30 kilometer dari pusat bandar. Soalan saya ialah adakah pihak Kerajaan bercadang untuk meminda peraturan-peraturan yang ada sekarang supaya sedikit flexibility dapat dijalankan oleh STM apabila menghendaki capital contribution dalam memberi perkhidmatan telefon itu supaya dikurangkan.

**Tuan Abdul Ghani bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada amalan yang ada, mereka yang menunggu adalah kerana tidak ada

bekalan talian dan juga tidak ada ibusawat yang terdekat untuk disampaikan talian tersebut. Maka untuk mereka dan untuk kawasan di sekeliling mereka, ianya memerlukan pelaburan modal daripada pihak Syarikat Telekom Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam soal ini terkandung di dalam lesen yang diberikan kepada Syarikat Telekom Malaysia ialah kewajipan mereka untuk menyampaikan bekalan tersebut dengan menanggung keseluruhan daripada pelaburan modal. Sambil itu pula, pihak Kementerian juga sedang membentuk satu dasar supaya dapat digunakan sebagai panduan oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia untuk meluaskan bekalan tersebut. Kita sedar bahawa harapan rakyat di mana juga sama ada di ceruk mana pun di negara kita ini mengharapkan bekalan telefon pada satu hari, bahkan pada hari ini juga dan kita tidak mahu bahawa melalui dasar penswastan mereka tertinggal. Oleh yang demikian, pihak Kementerian akan membentuk satu perancangan dalam pembangunan Rancangan Malaysia Keenam untuk memastikan terkandung di dalamnya rancangan untuk menyampaikan bekalan telefon.

Satu lagi perkara ialah seperti yang saya sebutkan tadi ialah dalam business plan STM, kita pastikan terkandung juga peruntukan itu. Di dalam usaha Syarikat Telekom Malaysia untuk menyenaraikan sahamnya di pasaran terbuka, kita juga hendak mendedahkan bahawa keperluan itu adalah satu keperluan yang wajib supaya siapa pun hendak melabur mesti faham bahawa satu daripada syarat hendak menjadi pelabur dalam Syarikat Telekom Malaysia juga menanggung kewajipan untuk menyampaikan bekalan di merata negara kita.

### JAMBATAN PULAU PINANG— TIKET KONSESI TOL

**13. Tuan Teoh Teik Huat** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pemandu-pemandu kenderaan yang ingin membeli tiket-tiket konsesi tol Jambatan Pulau Pinang telah diberitahu supaya menunggu selama satu bulan sementara stesyen-stesyen pam minyak dan gerai-gerai di tepi jalan di sepanjang kawasan Seberang Jaya berupaya menjual tiket-tiket konsesi ini kepada pemandu-pemandu kenderaan dengan keuntungan. Jika ya, jelaskan kenapa ini boleh terjadi.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhah Wan):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerjaraya sedar bahawa penjualan tiket-tiket konsesi atau pre-paid vouchers untuk kereta kelas dua di Tol Jambatan Pulau Pinang telah dihentikan dua kali iaitu dalam bulan September 1989 selama seminggu dan dalam bulan Oktober 1989 selama seminggu juga oleh kerana kehabisan stok. Kementerian Kerjaraya telah diberitahu oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia bahawa atas sebab-sebab keselamatan pre-paid vouchers dicetak di Jabatan Percetakan Negara, akan tetapi atas satu-satu sebab yang tidak dapat dielakkan pre-paid vouchers tidak dapat disiap dalam tempoh yang dikehendaki.

Kementerian Kerjaraya telah mengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia memberi jaminan supaya merancang percetakan pre-paid vouchers dengan lebih sempurna agar masalah kehabisan stok tidak berulang lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

**Tuan P. Patto:** Ada tiga minit lagi.

**Tuan Chian Heng Kai:** Ada tiga minit lagi dan boleh mengambil soalan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sila duduk! Setiausaha.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cuklup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 14 hingga 30 adalah diberi di bawah ini)*

#### PEMASARAN KARYANEKA

**3. Tuan Hashim bin Safin** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah peratus jumlah hasil-hasil kraftangan Malaysia yang telah dieksport ke negara manakah barangan kraftangan Malaysia dieksport.

**Tuan Othman bin Abdul:** Melalui Syarikat Pemasaran Karyaneka Sdn. Bhd. sahaja sehingga bulan September 1989 sebanyak 4.3% hasil-hasil kraftangan Malaysia telah dieksport iaitu bernilai sebanyak \$146,622. Nilai jualan sepanjang tempoh tersebut berjumlah lebih kurang \$3.42 juta. Negara-negara pengimport terdiri dari United Kingdom, Kanada, Australia, Jerman dan Singapura.

Nilai eksport dijangka meningkat dengan wujudnya INFOKRAF yang memainkan peranan sebagai sebuah Pusat Dagangan Kraf di bawah tanggungjawab Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia untuk menyelaraskan aktiviti urusniaga di kalangan pengeluar dan pembeli.

Nilai eksport keseluruhan bagi barangan yang dikategorikan sebagai kraf bagi tahun 1988 berjumlah kira-kira \$72.1 juta.

#### JAWATAN PENOLONG KANAN/ KO-KURIKULUM

**14. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan sehingga hari ini, ada berapakah Penolong Kanan Kokurikulum yang tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin yang masih bertugas di Sekolah-sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina dalam negeri Pulau Pinang dan adakah benar bahawa Jawatankuasa Jumaah Menteri telah memutuskan bahawa sungguhpun jawatan Penolong Kanan (Ko-kurikulum) boleh diisi oleh guru-guru yang tidak berkelulusan formal dalam bahasa Mandarin tetapi mereka boleh bertutur dalam bahasa tersebut. Jika ya, kenapa Kementerian Pendidikan masih membenarkan guru-guru yang tidak boleh bertutur bahasa Mandarin mengajar di sekolah-sekolah tersebut.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Jemaah Menteri menyatakan guru-guru yang akan dilantik untuk mengisi jawatan-jawatan Penolong Kanan Ko-kurikulum boleh juga dilantik daripada guru-guru yang sesuai walaupun mereka itu tidak mempunyai kelulusan formal dalam Bahasa Mandarin tetapi hendaklah disahkan oleh Kementerian Pendidikan bahawa mereka dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan sempurna.

Menyentuh soalan Yang Berhormat mengenai bilangan guru-guru tersebut di Pulau Pinang ialah seramai 13 orang.

Guru-guru yang dimaksudkan boleh menyampaikan pelajaran dengan menggunakan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Setakat ini didapati bahawa guru-guru tersebut dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan tanpa sebarang masalah.

### PENGEDAR DADAH YANG DITANGKAP

**15. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sudah berapa ramai pengedar-pengedar dadah warga-negara asing dan rakyat tempatan telah dapat ditangkap dan dijatuhkan hukuman mati hingga ke hari ini.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sehingga kini 4,004 orang pengedar dadah telah ditangkap melibatkan 3,588 orang rakyat Malaysia dan 416 orang warganegara asing. Dari jumlah ini, 280 adalah dikenakan hukuman mati yang 230 adalah rakyat Malaysia dan 50 orang warganegara asing.

### IJAZAH UNIVERSITI TAIWAN— PENGIKTIRAFAN

**16. Tuan Lim Guan Eng** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada pihak Kementerian ingin mengiktirafkan universiti-universiti dari Taiwan dan India; kalau ia, bila, dan kalau tidak mengapa; dan
- (b) mengiktiraf diploma dan kursus ijazah Kolej Tunku Abdul Rahman dan kalau ia, nyatakan kursus ijazah diploma dan kalau tidak sebab-sebab mengapa.

**Tuan Woon See Chin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat:

- (a) Pengiktirafan sesuatu sijil dari universiti atau institusi pengajian sama ada dari dalam atau luar negeri adalah dilaksanakan oleh sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Pengiktirafannya adalah berdasarkan kepada keperluan negara dengan berpandukan kepada kriteria-

kriteria yang menjadi dasar kerajaan. Setakat ini ijazah-ijazah dari negara-negara berkenaan didapati tidak menepati dasar atau kriteria-kriteria yang ditetapkan dan oleh itu pengiktirafan terhadapnya tidak dapat diberikan. Dasar seperti ini dilakukan bukan sahaja terhadap ijazah-ijazah universiti dari negara Taiwan dan India, malah ada ijazah-ijazah dari universiti negara Mesir, Indonesia dan Arab Saudi tidak diiktiraf atas dasar ia tidak bersesuaian dengan keperluan negara.

- (b) Setakat ini Kerajaan telah mengiktiraf kelayakan-kelayakan berikut iaitu Diploma Perdagangan (Perakaunan Kewangan) Diploma Perdagangan (Pengurusan Perniagaan), "Certificate in Computer Studies" dan "Certificate in Computing with Accounting", yang kesemuanya daripada Kolej Tunku Abdul Rahman.

### SUKAN SEA XV—KUTIPAN

**17. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah kutipan dari penaja-penaja utama, penaja-penaja biasa dan Kerajaan diterima oleh Kementerian atau Badan Penganjur Sukan SEA yang lepas. Penaja manakah yang telah menyumbangkan paling banyak dan yang manakah yang paling sedikit;
- (b) berapakah dari kutipan itu telah dibelanjakan dan berapakah bakinya. Kalau ada apakah kegunaan baki wang kutipan itu;
- (c) dengan sambutan yang begitu hangat dari setiap lapisan rakyat Malaysia terhadap Sukan SEA, apakah Kerajaan bercadang

hendak menjadi tuan rumah bagi sukan ASIA dan Sukan OLIMPIK di masa akan datang.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan  
(Cik Teng Gaik Kwan):**

- (a) Kutipan bagi Sukan SEA Ke XV tergolong kepada 2 kategori iaitu dalam bentuk sumbangan kewangan dan juga barangan (in kind). Bagi penyumbang dalam bentuk wang tunai boleh dibahagikan kepada 4 kategori:

<i>Jenis Penaja</i>	<i>Jumlah Pungutan</i>
Kategori 1—Penaja Utama	\$2,776,770.00
Kategori 2—Lain-lain Penaja	\$3,565,000.00
Kategori 3—Sumbangan Kerajaan	\$6,035,000.00
Kategori 4—Sumbangan bagi Larian Obor	\$1,390,000.00

Syarikat Matsushita Sales & Services Sdn. Bhd. merupakan penaja terbesar dengan jumlah tajaan sebanyak \$1,610,700.00 Dalam bentuk "cash" manakala penaja yang terkecil ialah penaja Larian Obor sebanyak \$100.00 bagi seorang pelari.

- (b) Mengenai perbelanjaan dan baki kutipan, sukacita dimaklumkan bahawa jumlah keseluruhannya belum dapat dipastikan sehingga penyata perbelanjaan akhir disediakan. Setakat ini urusan pembayaran bil masih berjalan dan akaun belum boleh ditutup lagi. Jawatankuasa Kewangan Sukan SEA XV sedang berusaha untuk menyediakan penyata akhir terimaan dan bayaran secepat mungkin.

Kegunaan apa-apa baki daripada Akaun Amanah Sukan SEA XV akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola Sukan SEA sebaik sahaja penyata akhir terimaan dan bayaran disediakan dan disahkan oleh Jabatan Audit Negara.

- (c) Selepas kecemerlangan Sukan SEA XV 1989, Kerajaan memang bercadang untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan ASIA jika permohonan Majlis Olimpik Malaysia dalam tahun 1989 itu diterima nanti. Untuk menjadi tuan rumah kepada Sukan OLIMPIK itu adalah satu impian kepada negara kita, walau bagaimanapun ini tidak pula mustahil. Elok jika sekiranya negara kita dapat membuktikan terlebih dahulu kemampuan kita dalam mengendalikan sukan di peringkat ASIA nanti.

**PISANG YANG DIEKSPORT**

**18. Dr V. David** minta Menteri Pertanian menjelaskan:

- (a) apakah jenis buah pisang yang diekspor oleh negara;
- (b) apakah negara-negara yang mengimportnya; dan
- (c) sila beritahu jenis-jenis buah ini yang diekspor dan kuantiti yang dikeluarkan.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:**

- (a) Jenis-jenis utama pisang yang diekspor ialah pisang emas, pisang rastali, pisang berangan, pisang embun dan pisang nipah.
- (b) Lebih 90% eksport pisang ialah ke Singapura. Negara-negara lain yang mengimport dari Malaysia ialah termasuk Hong Kong (hampir 6%), Brunei, negara-negara EEC seperti Denmark, Belgium dan United Kingdom; Jepun dan Timur Tengah.
- (c) Pada tahun 1988, sejumlah 29,592 metrik tan pisang dengan nilai M\$7.2 juta telah diekspor. Pada tahun 1989 untuk tempoh Januari hingga Mei, sejumlah 10,606.38 metrik tan pisang

dengan nilai \$2.9 juta telah dieksport. Pecahannya seperti berikut:

	Kuantiti (Tonne)	M\$
Pisang Emas	1480.02 (14%)	332.536
Pisang Rastali	216.14 (2%)	67.304
Pisang Berangan	126.98 (1%)	37.783
Pisang Embun	0.64	197
Lain-lain	8,782.60 (83%)	2,455,945
	10,606.38 (100%)	2,893,765

## BANDUAN LARI DARI PENJARA JOHOR BAHRU

19. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimanakah lapan orang tawanan lelaki yang menunggu perbicaraan kerana kesalahan mengedar dadah melepaskan diri dari Penjara Johor Bahru; dan
- (b) mengapakah Abdullah Ang dibenarkan keluar penjara sewaktu masih dalam tahanan.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**  
Oleh kerana siasatan masih lagi berjalan mengenai kes kelarian 8 (lapan) orang banduan tersebut, maka saya tidaklah bercadang untuk memberi sebarang ulasan.

Mengenai soalan (b) pula saya telah pun menjelaskan kepada Dewan ini mengenai perkara yang serupa pada 31-10-1989. Jadi, saya tidaklah hendak membuat apa-apa tambahan.

## PEKERJA CACAT— PENGAMBILAN

20. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah pencapaian yang dibuat setakat ini dalam usahanya untuk mendapatkan semua jabatan dan badan berkanun memperuntukkan 2 peratus dari pengambilan pekerja mereka kepada orang-orang cacat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Untuk makluman Ahli

Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak satu peratus (1%) daripada jumlah pekerjaan dalam sektor awam untuk orang-orang cacat dan bukan dua peratus (2%) seperti yang dinyatakan dalam soalan Ahli Yang Berhormat.

Setakat ini beberapa langkah telah diambil untuk melaksanakan dasar tersebut iaitu:

- (1) Satu Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10 Tahun 1988 telah dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada semua agensi Kerajaan untuk memberi garis panduan dan arahan terhadap pelaksanaan dasar tersebut;
- (2) Semua Kerajaan Negeri juga telah menerima dasar ini untuk dilaksanakan di peringkat negeri;
- (3) Satu Jawatankuasa telah diwujudkan di Kementerian Kebajikan Masyarakat untuk mengawasi pelaksanaan dasar tersebut, dan
- (4) Kementerian Kebajikan Masyarakat juga sedang berusaha bersama-sama dengan Pertubuhan-pertubuhan Sukarela untuk menyebarkan maklumat tentang dasar baru ini supaya dapat memaklum dan menggalakkan orang-orang cacat yang berkelayakan bagi memohon pekerjaan apabila jawatan-jawatan di sektor awam diiklankan.

## TAMBANG KAPALTERBANG KE TANAH SUCI

21. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Perdana Menteri menyatakan sama ada bayaran menunaikan fardu haji di Tanah Suci akan dinaikkan pada Musim Haji yang akan datang dan adakah tempoh masa menunaikan fardu haji dipendekkan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Setakat ini bayaran menunaikan fardu haji telah dinaikkan dari \$5,000/- seorang di Semenanjung Malaysia kepada \$5,500/- seorang. Kenaikan ini adalah bagi menampung kenaikan tambang kapalterbang dan sewa rumah di Makkah dan Madinah. Walau bagaimanapun, jika terdapat baki dari bayaran ini, Tabung Haji akan mengembalikannya kepada jemaah haji setibanya mereka di Jeddah. Tabung Haji akan memendekkan tempoh keseluruhan jemaah haji berada di Tanah Suci dari 25 sehingga 40 hari berbanding tahun 1989 di mana tempohnya adalah 25 hari sehingga 50 hari.

#### TAHUN MELAWAT MALAYSIA— REAKSI RAKYAT

**22. Tuan M. G. Pandithan** minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan setakat ini, bagaimanakah reaksi pihak-pihak swasta dan rakyat Malaysia di negara ini terhadap Tahun Melawat Malaysia 1990. Apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ini untuk mempergiatkan lagi kempen Tahun Melawat Malaysia 1990.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman):** Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada keseluruhannya berpuas hati terhadap reaksi rakyat Malaysia dan pihak swasta terhadap program Tahun Melawat Malaysia 1990.

Rakyat umum pada dasarnya telah maklum dan mengetahui tentang program Tahun Melawat Malaysia 1990 semenjak ianya dilancarkan secara rasmi pada 1 November 1988, ini dapat dilihat juga dari reaksi yang mereka tunjukkan melalui berbagai bagai komen di dalam akhbar-akhbar tempatan yang menyentuh program Tahun Melawat Malaysia 1990 dan industri pelancongan keseluruhannya.

Pihak swasta menunjukkan reaksi yang juga menggalakkan, mereka telah memberi kerjasama yang amat baik terhadap program Tahun Melawat Malaysia 1990. Kerjasama ini dapat dilihat misalnya sumbangan media massa yang telah memberikan liputan yang luas terhadap aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan sama ada berbentuk iklan, penyiaran renca dan komen yang berkaitan.

Para pengusaha pelancongan (hotel, pengangkutan dan lain-lain) telah mengatur program-program tertentu bagi memperbaiki perkhidmatan mereka termasuk mengaturkan jadual "package tour" di samping melatih kakitangan. Para syarikat-syarikat besar (multinational) juga memberi sumbangan mereka seperti menjadi penaja/penganjur bersama beberapa acara Tahun Melawat Malaysia 1990 di papan-papan iklan, "banners" dan "buntings".

Di dalam mempergiatkan kempen Tahun Melawat Malaysia 1990, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan terus melaksanakan beberapa program seperti berikut:

#### (1) *Dalam Negeri—*

- (i) Mewujudkan hubungan rapat dengan:
  - (a) media massa;
  - (b) para pengusaha pelancongan (hotel, pengangkutan, agen pengembaraan dan lain-lain);
  - (c) Kementerian, Jabatan Kemajuan/Kerajaan Negeri; dan
  - (d) syarikat-syarikat multinational perwakilan-perwakilan asing.

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sentiasa berhubung rapat dengan

pihak-pihak di atas bagi tujuan menjamin program Tahun Melawat Malaysia 1990 mendapat perhatian yang sebaik-baiknya.

(ii) *Penggantungan Papan-papan Iklan/Poster/Pengeluaran Bahan-bahan Cenderamata*

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan juga berusaha membina papan-papan iklan di tempat-tempat tumpuan orang ramai bagi menarik perhatian mereka tentang program Tahun Melawat Malaysia 1990. Daripada masa ke semasa Kementerian juga mengeluarkan poster-poster, bahan-bahan cenderamata yang bertujuan menyebarkan maklumat tentang Tahun Melawat Malaysia 1990.

(2) *Luar Negeri—*

Khusus bagi kempen Tahun Melawat Malaysia 1990 ke luar negeri, Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan meneruskan lawatan-lawatan penggalakan ke negara-negara luar seperti Amerika, India, Eropah, Jepun, Cina, Australia. Di samping itu usaha-usaha mengiklankan program-program ini melalui akhbar-akhbar, majalah-majalah dan pembinaan papan-papan iklan di luar negeri juga diperhebatkan. Papan-papan iklan telah dibina di Los Angeles, Madras, Bangkok, London, Jepun, Hong Kong dan Frankfurt. Pengedaran bahan-bahan maklumat tentang pelancongan, hubungan dengan media massa asing. Ini termasuk menganjurkan lawatan-lawatan mereka

ke Malaysia untuk mengenali lagi negara ini sebagai destinasi pelancongan supaya dapat mereka menulis rencana dalam majalah/akhbar di negara masing-masing.

**PELABURAN ASING—PELUANG PEKERJAAN**

**23. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) apakah sepuluh buah negara yang mempunyai pelaburan terbesar di Malaysia sehingga Julai 1989 dengan memberi butir-butir lanjut bilangan projek yang diluluskan dan amaun yang dilaburkan oleh setiap negara;
- (b) apakah anggaran angka peluang-peluang pekerjaan yang diwujudkan dari pelaburan tersebut di atas;
- (c) berkaitan dengan Taiwan dan Hong Kong, berapakah jumlah bilangan pelabur-pelabur Taiwan dan Hong Kong di Malaysia sehingga Julai 1989, apakah bentuk pelaburan mereka, berapa banyak dari jumlah ini usahasama dengan rakyat Malaysia. Bagaimanakah potensi tentang pelaburan Taiwan dan Hong Kong lebih banyak di Malaysia dalam sedikit masa hadapan.

**Dato Dr K. S. Nijhar:** Bagi tempoh tahun 1980 hingga Julai, 1989 sejumlah 5,308 projek perkilangan telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Daripada jumlah ini, 2,959 terdiri daripada projek-projek perkilangan yang diluluskan dengan penyertaan negara asing dengan peluang pekerjaan yang akan diwujudkan

sebanyak 430,528. Jumlah modal pelaburan asing dalam projek tersebut adalah sebanyak \$19,291.4 juta.

- (a) Bagi tempoh tahun 1980—Julai, 1989, sepuluh buah negara yang mempunyai modal pelaburan asing yang terbesar di Malaysia, serta butir-butir mengenai bilangan projek yang diluluskan, dan jumlah modal pelaburan asing yang akan dilaburkan adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Bilangan Projek</i>	<i>Modal Pelaburan Asing (\$ juta)</i>
Jepun ..	530	4,895.3
Taiwan ..	372	2,192.0
Singapura ..	773	2,042.4
Amerika Syarikat	236	1,522.9
United Kingdom	218	1,415.8
Netherland ..	20	977.4
Hong Kong ..	236	860.4
Perancis ..	20	666.9
Australia ..	125	563.2
Jerman Barat	102	402.3

- (b) Jumlah peluang pekerjaan yang akan diwujudkan bagi projek-projek yang mempunyai modal pelaburan asing dari sepuluh buah negara yang terbesar itu adalah seperti berikut:

<i>Negara</i>	<i>Peluang Pekerjaan</i>
Jepun .. ..	85,128
Taiwan .. ..	65,886
Singapura ..	96,602
Amerika Syarikat	55,294
United Kingdom	16,999
Netherland ..	2,529
Hong Kong ..	54,353

*Negara* *Peluang Pekerjaan*

Perancis .. ..	3,019
Australia .. ..	11,298
Jerman Barat ..	12,988

- (c) Bagi tempoh tahun 1980 hingga Julai, 1989 sejumlah 372 projek perkilangan telah diluluskan dengan penyertaan dari negara Taiwan. Daripada jumlah ini, 84 adalah projek yang dimiliki sepenuhnya oleh negara Taiwan dan 288 adalah projek usahasama dengan rakyat Malaysia. Pelaburan dari Taiwan lebih tertumpu dalam industri elektrik dan elektronik dengan modal pelaburan sebanyak \$556.9 juta. Ini diikuti dengan industri kimia dan barang-barang kimia (\$276.3 juta), pengilangan makanan (\$272.2 juta) dan industri tekstil dan barang-barang tekstil (\$251.0 juta). Bagi negara Hong Kong pula, 236 projek perkilangan telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 51 adalah projek yang dimiliki sepenuhnya oleh negara Hong Kong dan 185 adalah projek usahasama dengan rakyat Malaysia. Pelaburan dari negara Hong Kong lebih tertumpu dalam industri tekstil dan barang-barang tekstil dengan modal pelaburan sebanyak \$262.4 juta. Ini diikuti dengan industri kayu dan barang-barang kayu (\$177.4 juta), elektrik dan elektronik (\$102.9 juta) dan industri pengilangan makanan (\$90.6 juta).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh Januari—Ogos, 1989, daripada 400 permohonan yang diterima dengan penyertaan dari negara asing untuk menubuhkan projek perkilangan, 119 adalah

permohonan dengan penyertaan dari negara Taiwan dengan modal pelaburan sebanyak \$1,299.5 juta. Manakala 24 permohonan telah diterima dengan penyertaan dari negara Hong Kong dengan modal pelaburan sebanyak \$291.1 juta. Berdasarkan kepada jumlah permohonan yang diterima dari kedua-dua negara tersebut adalah dirasai bahawa pelaburan dari negara Taiwan dan Hong Kong mempunyai potensi yang baik di masa hadapan.

#### HUTANG NEGARA-NEGARA KETIGA—SARANAN PERDANA MENTERI

**24. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) adakah anjuran Perdana Menteri dalam sidang NAM—Negara-negara Berkecuali—di Belgrade supaya hutang negara-negara ketiga pada pihak tertentu dimansuhkan lebih ditujukan untuk mengatasi masalah hutang negara kita sendiri;
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk mengemukakan pandangan yang sama dalam perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu dan sidang CHOGM di Kuala Lumpur dan di mana-mana saja selepas ini; dan
- (c) sehingga ini apakah reaksi negara-negara yang memberi pinjaman.

**Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Kenyataan Y.A.B. Perdana Menteri di Persidangan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Belgrade pada 4 September 1989, telah men-

dapat sambutan yang baik di kalangan negara-negara anggota NAM. Selain daripada isu-isu antarabangsa seperti hubungan kuasa-kuasa besar, keamanan dunia, perdagangan antarabangsa dan alam sekitar, Y.A.B. Perdana Menteri juga menyentuh masalah hutang yang dihadapi oleh setengah negara-negara membangun.

- (a) Masyarakat antarabangsa, terutama negara-negara maju, perlu diingatkan tentang betapa seriusnya masalah hutang yang sedang dihadapi oleh setengah negara-negara membangun. Langkah-langkah yang betul-betul revolusionari perlu diambil untuk menolong mengatasi masalah hutang negara-negara itu. Jika tidak, kebajikan, pembangunan dan kestabilan negara-negara itu akan terancam dan ini akan mendatangkan kesan yang negatif terhadap keamanan dunia. Satu daripada langkah-langkah yang dikemukakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri ialah supaya negara-negara peminjam membahagikan atau sepenuhnya hutang negara-negara yang betul-betul tidak dapat membayar balik hutang mereka itu. Malaysia tidak perlu mendapat layanan yang istimewa seperti ini kerana keadaan ekonomi dan kewangan Malaysia adalah kukuh dan stabil dan Malaysia tidak pernah gagal membayar-balik hutangnya. Rakyat Malaysia sepatutnya merasa bangga tentang hakikat ini.
- (b) Malaysia akan terus memainkan peranan yang wajar di forum antarabangsa untuk mengemukakan isu hutang ke perhatian masyarakat antarabangsa, dengan harapan agar penyelesaian yang lebih berpatutan

dapat dicapai untuk meringankan masalah hutang yang begitu serius yang sedang dihadapi oleh setengah negara-negara membangun.

- (c) Negara-negara peminjam perlu sedar bahawa sistem ekonomi dan kewangan antarabangsa akan terjejas jika masalah hutang yang dihadapi oleh setengah negara-negara membangun dibenarkan berterusan. Penyelesaian masalah hutang itu akan mendatangkan manfaat jangka panjang kepada negara-negara peminjam dan kenyataan Y.A.B. Perdana Menteri di Belgrade diharap dapat memberi dorongan ke arah proses ini.

#### UNDANG-UNDANG MURTAD

**25. Tuan Haji Ghazali bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan adakah wujudnya undang-undang murtad di dalam negara ini. Kalau ada sudahkah diselaraskan bagi dikuatkuasakan di negeri-negeri dan kalau belum bilakah ia akan diadakan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman ahli Yang Berhormat, tidak ada undang-undang murtad di Malaysia dan Kerajaan tidak bercadang mewujudkannya.

#### PERJUDIAN—MENGHARAMKAN

**26. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa kegiatan perjudian telah meningkat, sejak Kerajaan menghalalkan judi melalui pemberian lesen, apakah Kerajaan bercadang untuk menarik balik dan mengharamkan perjudian atas desakan berbagai golongan rakyat.

**Dato' Loke Yuen Yow:** Kegiatan perjudian di negara ini adalah terkawal dan Kerajaan telah pun mengambil beberapa tindakan. Sebagaimana yang telah saya maklumkan dalam Dewan yang mulia ini pada 28 Jun 1989, syarat-syarat yang lebih ketat bagi mengawal kegiatan perjudian dengan lebih berkesan lagi seperti memasang papantanda di luar pusat-pusat perjudian yang berbunyi "Judi Adalah Haram Di Sisi Agama Islam", melarang sama sekali kanak-kanak di bawah umur 18 tahun dan murid-murid sekolah memasuki pusat-pusat perjudian dan mengadakan kawalan yang lebih ketat di pintu masuk ke bilik-bilik mesin slot. Selain dari itu lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan lagi dan jika perlu lesen-lesen perjudian yang telah dikeluarkan akan di tarik balik oleh Kerajaan. Sekarang ini kegiatan perjudian telah berkurangan dan adalah terkawal. Di samping itu kajian mengenai segala aspek perjudian dibuat dari masa ke semasa mengikut keadaan.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum juga bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang terdiri daripada berbilang kaum di mana sebahagian daripada rakyat suka berjudi. Adalah sukar bagi Kerajaan untuk menghapuskan sama sekali kegiatan perjudian. Sekiranya kegiatan perjudian ini diharamkan sama sekali maka kegiatan judi haram akan berleluasa pula. Kegiatan judi haram ini jika tidak dibendung dan dikawal akan menimbulkan berbagai masalah dari segi sosial dan keselamatan dan oleh itu perlu dikawal. Tujuan Kerajaan mengeluarkan lesen-lesen perjudian adalah untuk mengawal dan mengurangkan kegiatan judi haram.

#### AIDS

**27. Dato' Dr Affudin bin Haji Omar** minta Menteri Kesihatan menyatakan setakat ini berapa orangkah yang

dikesan sebagai pembawa kuman AIDS di negara ini; memandangkan bahawa negara jiran iaitu Thailand dan Filipina mempunyai beribu-ribu pembawa kuman ini, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyekat kemasukan penyakit ini melalui pekerja-pekerja dan pelancong-pelancong yang keluar masuk dari negara-negara itu.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah pun dijawab pada 16-10-1989 kepada soalan mulut oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahman Bakar dari Marang.

#### DAFTAR PENGUNDI BERTINDIH DI SABAH

**28. Tuan Nurnikman bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk membetulkan senarai daftar pengundi bagi negeri Sabah di mana dilaporkan lebih 20,000 nama pengundi telah mempunyai nombor kad pengenalan yang sama. Apakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan gerakan pendaftaran semula di Sabah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato Dr Haji Sulaiman bin Haji Daud):** Soal pertindihan pengundi yang didaftarkan mengikut nombor kad pengenalan yang sama bukan perkara baru. Ia mungkin disebabkan oleh kesalahan memasukkan data khususnya nombor kad pengenalan sama ada oleh pendaftar-pendaftar yang dilantik di dalam semua kawasan pilhanraya atau di peringkat memasukkan data ke dalam komputer. Walau bagaimanapun kesilapan seperti ini adalah kesilapan kecil dan tidak akan menimbulkan masalah kepada pengundi-pengundi kerana pembedaan kesi-

lahan kad pengenalan boleh dibuat di tempat-tempat mengundi. Di Sabah, Suruhanjaya telah juga mengesan 5,000 pengundi yang mendaftar lebih daripada sekali dan pertindihan daftar seperti ini telah diperbaiki. Bagi pertindihan-pertindihan atas sebab lain Suruhanjaya sedang menjalankan gerakan menerusi semua pemilih dan memperbaiki butiran mengenai mereka.

#### PAJAKAN TANAH— MEMBAHARUI

**29. Dr Tan Seng Giaw** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Kemajuan kajian Kerajaan dalam perkara memperbaharui tempoh pajakan tanah di Wilayah Persekutuan, khususnya di kawasan Kepong Jinjang;
- (b) apakah langkah-langkah yang digunakan untuk mencegah daripada berlakunya penyelewengan termasuk penipuan di dalam proses untuk memperbaharui tempoh hakmilik tersebut. Bagaimana para penduduk akan diberitahu apabila sampai masanya untuk membuat permohonan. Sekiranya ada pihak yang ketiga yang berlagak seperti Jabatan tanah, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan;
- (c) apakah faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan Kerajaan menentukan sama ada tempoh pajakan adalah bagi 60 tahun, 90 tahun atau pegangan bebas dalam hal hakmilik tanah, khususnya di sekitar Wilayah Persekutuan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Drs Suleiman bin Mohamed):** Kajian yang teliti telah

dijalankan oleh Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bagi tujuan memperbaharui tempoh pajakan tanah kawasan Kampung Baru Jinjang Utara dan Jinjang Selatan. Kajian ini melibatkan 2,546, lot di Kampung Jinjang Utara dan 794 di Jinjang Selatan. Kajian yang dibuat adalah Pelan Susunatur, kegunaan tanah semasa, kemudahan awal dan lain-lain masalah tanah. Sehingga ini Jabatan tanah telah pun menyiapkan kajian bagi kawasan Jinjang Utara dan bagi kawasan Jinjang Selatan kajian dijangka siap akhir tahun ini.

Tindakan untuk memperbaharui hakmilik tanah tersebut adakah dikendalikan oleh pemilik-pemilik tanah dengan Pejabat Tanah dan Galian Persekutuan. Sehingga ini Pentadbiran Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan tidak menerima apa-apa aduan mengenai penyelewengan atau penipuan berkaitan dengan urusan permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan di kawasan itu.

Mengenai tempoh pajakan tanah, keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan adalah berdasarkan kepada syarat-syarat tertentu kepada kes-kes permohonan. Bagi kebanyakan kampung-kampung baru di Wilayah Persekutuan, sambungan tempoh pajakan ditetapkan selama 99 tahun.

## RANCANGAN TUMPUAN MINGGU DI TV

**30. Tuan P. Patto** minta Menteri Penerangan menyatakan mengapa Rancangan "Tumpuan Minggu" dalam Bahasa Tamil di Televisyen Malaysia telah diberhentikan dan adakah Kementerian beliau bercadang untuk membawa balik rancangan tersebut serta juga menambahkan lagi

rancangan-rancangan bercorak Budaya India dan Cina dalam Televisyen Malaysia, jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Haji Jaffrey):** RTM sentiasa mengkaji dan menilai rancangan-rancangan terbitannya dari semasa ke semasa. Mengikut pandangan Kementerian ini, rancangan-rancangan seperti Tumpuan Minggu (Bahasa Tamil), Skop (Bahasa Inggeris), Fokus (Bahasa Malaysia) dan Lembaran Minggu (Bahasa Mandarin) perlu ditukarkan untuk memupuk hasrat perpaduan yang lebih bermakna. Rancangan-rancangan Majalah yang diterbitkan oleh RTM haruslah lebih menumpukan kepada ciri-ciri "Commonalities" dan mengurangkan unsur-unsur "Communal".

Kerana itu, rancangan-rancangan Majalah dalam bahasa sesuatu kaum telah dikaji semula dan hasil dari kajian ini, Kementerian di antara lain mendapati rancangan-rancangan ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan. Oleh itu, rancangan-rancangan sedemikian telah diganti dengan rancangan-rancangan yang bercorak kebangsaan dengan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Nasional untuk menyatupadukan rakyat.

Dengan cara ini, sebarang masalah yang dihadapi oleh sesuatu kaum di Malaysia akan juga disedari dan sama-sama difahami oleh masyarakat keturunan lain bertujuan menimbulkan kesedaran bersama, memupuk perpaduan rakyat serta menonjolkan identiti kebangsaan. Oleh yang demikian, perkara-perkara yang lazimnya dipaparkan di dalam Rancangan "Tumpuan Minggu" kini sudah pun diselitkan dalam program-program Ehwah Semasa lain seperti Berita, Dimensi, Selamat Pagi Malaysia dan Wawancara yang ditonton oleh semua keturunan dan lapisan rakyat Malaysia.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1990

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN  
USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN 1990

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4 (3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$9,257,427,310 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1990, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1990 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 27 Tahun 1989, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut". (1hb November, 1989)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli Yang Berhormat dari Murudu boleh menyambung ucapan.

3.33 ptg.

**Tuan Joe Ojhi Supiring (Murudu):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Petang kelmarin saya telah pun

menghuraikan tentang tuntutan-tuntutan aspirasi kita semua mengenai dengan hasil atau buah-buah kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang kadar kemiskinan. Pertama ialah isu kemiskinan di Sabah. Isu ini adalah sangat hangat diperkatakan di Sabah kerana kadar kemiskinan di Sabah adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Pada tahun 1987 peratusan isi rumah miskin di Sabah adalah 35.2% yang mana ini sangat tinggi berbanding dengan purata negeri-negeri seterusnya di Semenanjung yang hanya 17.3%. Semua elemen kepada pertumbuhan ekonomi jangka panjang ialah peningkatan dan kewujudan sumber tenaga yang cukup dan sesuai. Bagaimanapun, kekurangan tenaga mahir ini adalah suatu yang seringkali menjadi masalah kepada Sabah sejak Rancangan Malaysia Pertama lagi. Kadar literasi di Sabah pada tahun 1970 ialah 44.4% dan pada tahun 1980 adalah 58.2%. Ini adalah menyedihkan kerana setelah merdeka selama lebih dua dekad kadar kenal huruf masih juga terlalu rendah. Kadar literasi ini masih jauh lebih rendah berbanding dengan purata nasional iaitu 58% pada tahun 1970 dan 72.2% pada tahun 1980.

Kadar literasi yang rendah di Sabah ini adalah sebahagiannya disebabkan oleh kepincangan atau ketidakcukupan dalam sistem pendidikan kita. Perangkaan tahun 1980 menunjukkan bahawa 57.2% daripada penduduk yang berumur di antara enam hingga sembilan belas tahun adalah di bangku sekolah, manakala 23.2% pula tidak menerima langsung sebarang bentuk pendidikan formal dan 86% daripada mereka yang tidak menerima pendidikan formal ini adalah datangnya daripada luar bandar. Ini menunjukkan bahawa kekurangan kemudahan pelajaran di luar bandar adalah sangat serius. Perbelanjaan ke

atas kemudahan pelajaran di Sabah iaitu purata sebanyak \$29.7 juta setahun dari tahun 1966 hingga 1986 adalah amat tidak mencukupi. Purata perbelanjaan untuk setiap pelajar pada tahun 1966 hingga 1986 adalah sebanyak \$159.39 setahun atau \$13.03 sebulan bagi setiap murid. Ini adalah sangat tidak mencukupi kerana bilangan pelajar yang menghadiri persekolahan adalah cuma 50% hingga 60% daripada jumlah yang layak untuk menghadiri persekolahan. Lebih daripada itu kebanyakan sekolah di Sabah khususnya di luar bandar adalah kekurangan kemudahan dan fasalita. Pendidikan seperti perpustakaan, bahan-bahan pengajaran, buku-buku teks, makmal sains, guru-guru, asrama, malah meja dan kerusi. Biasanya sekolah-sekolah tidak dapat menampung pelajar-pelajar dan bilik darjah juga dan seringkali penuh sesak. Bilik darjah yang sepatutnya hanya menampung seramai 35 hingga 40 orang murid terpaksa pula dipenuhi dengan seramai 55 murid atau ke atas. Oleh itu tumpuan guru untuk setiap murid adalah begitu terhad yang mana ini kesemuanya menurunkan mutu kemajuan pelajaran bagi setiap murid.

Jika dilihat pencapaian pelajaran murid di Sabah dalam peperiksaan SRP, SPM, STPM dan sebagainya adalah jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan pencapaian di Semenanjung Malaysia. Ini bukanlah disebabkan oleh kekurangan daya kecerdasan murid-murid tersebut tetapi lebih disebabkan oleh persekitaran di mana mereka memperoleh pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyambut baik dengan peruntukan yang dihaskan kepada program sokongan pendidikan atau bantuan pendidikan khas kerana ia adalah perpatutan memandangkan kepada keadaan sebilangan kecil pelajar-pelajar rendah menengah dan lepas sekolah yang membimbangkan. Saya

juga bersetuju bahawa amalan asas bermula di peringkat pra-sekolah rendah untuk memberi tunjukajar asas perikemanusiaan amatlah baik. Seterusnya penekanan kepada pembinaan peribadi yang sempurna dan lengkap seperti selok-belok perniagaan, ekonomi, rumahtangga, pertanian khususnya perhubungan keluarga. Dengan cara ini atau sistem pendidikan sedemikian maka hasrat Kerajaan untuk meningkatkan moral rakyat negara akan tercapai di masa hadapan, malahan belia . . .

**Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:** Minta penjelasan, saya dengar semuanya masalah dan kekurangan. Jadi, adakah Yang Berhormat juga setuju dengan saya bahawa kerana saya dapati di Sabah ini paling banyak parti politik, AKAR, ADIL, apa lagi, USNO, BERJAYA, James Ongkili punya satu, UMNO pun ada, DAP pun ada. Jadi, tidakkah banyaknya parti ini juga menyebabkan keadaan yang semua tidak kuat, tidak cukup agaknya?

**Tuan Joe Ojhi Supiring:** Saya ingat saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi. Jadi, dengan cara ini atau sistem pendidikan sedemikian maka hasrat Kerajaan untuk meningkat moral rakyat negara akan tercapai di masa hadapan. Malahan belia lepasan sekolah juga sekurang-kurangnya mempunyai bekalan kemahiran untuk menjadi alternatif kepada masa depan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang menjejaskan kemajuan pelajaran di kalangan rakyat Sabah ialah kekurangan insentif dari segi pemberian biasiswa dari pihak Kerajaan Persekutuan khasnya daripada JPA dan MARA.

Sehingga kini hampir semua pelajar-pelajar Sabah yang mendapat tempat di universiti dan institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negeri, cuba mendapatkan bantuan biasiswa dan

pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan Yayasan Sabah. Kerajaan Negeri Sabah dan Yayasan Sabah memang mahu membantu rakyatnya dan kini telah terpaksa mengikat perut demi untuk kemajuan rakyatnya, tetapi oleh sebab kemampuan yang terhad, maka Kerajaan Negeri dan Yayasan Sabah tidak dapat melayani kesemua desakan tersebut. Di sinilah sebenarnya masa di mana rakyat Sabah memerlukan bantuan JPA dan Kementerian Pendidikan untuk menyalurkan sebahagian daripada peruntukan mereka yang berbilion-bilion ringgit untuk kemajuan pendidikan rakyat Sabah.

Saya menyeru pihak-pihak berkenaan agar dapat mengambil berat terhadap masalah pendidikan di Sabah. Janganlah kita membiarkan di antara warganegara kita di Sabah yang merasakan bahawa peluang-peluang tidak diberikan secara adil dan saksama.

Bercakap tentang kesihatan, Tuan Yang di-Pertua, tahap kesihatan di Sabah boleh digambarkan dengan jelas dengan kewujudan penyakit-penyakit seperti malaria yang masih berleluasa di Sabah. Menurut data rasmi tahun 1987 terdapat 25,000 kes telah dilaporkan di Sabah yang mana ini adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kes yang direkodkan di Semenanjung Malaysia yang lebih sedikit daripada 10,000 kes. Ini sungguh mencemaskan kerana Sabah mewakili 18% daripada jumlah penduduk Malaysia. Kejadian kes malaria ini adalah sebahagian daripada masalah kesihatan yang dihadapi oleh rakyat Sabah. Selain daripada itu terdapat juga masalah-masalah utama yang lain seperti kadar kematian kanak-kanak yang tinggi. Kekurangan kemudahan-kemudahan kesihatan dan nisbah doktor kependudukan yang tinggi. Dan semua perkara ini harus dianggap prioritas oleh Kerajaan Pusat dan saya merayu kepada Kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan

supaya menekankan atau memberikan penekanan ke atas kesegeraan masalah tersebut dan diambil kira.

Beberapa petanda yang dikenal-pasti adalah sungguh mencemaskan. Contohnya, dari segi bilangan katil hospital untuk setiap seribu orang penduduk misalnya iaitu 2.2% sahaja pada tahun 1986 dan nisbah doktor dengan kependudukan pula ialah 1:5,584 orang bagi tahun 1985.

Kadar kematian kanak-kanak di bawah umur satu tahun untuk setiap seribu kanak-kanak ialah 21.2% pada tahun 1986 dan setakat ini belum ada seorang pegawai pemakanan (nutritionist) di Sabah. Masalah kesihatan di Sabah ini adalah semakin membimbangkan, ianya juga unik. Saya katakan sedemikian kerana Sabah tidak seperti negeri-negeri lain terpaksa melayan dan menyediakan berbagai kemudahan kepada seramai lebih kurang 500,000 orang pendatang haram dan pelarian-pelarian Filipina dan Indonesia yang telah datang sejak awal tahun 1970-an lagi. Menurut satu anggaran kasar Jabatan Perkhidmatan Perubatan Sabah, purata pendatang-pendatang asing yang datang mendapatkan rawatan di hospital-hospital Kerajaan adalah 30% setiap hari.

Di sebelah pantai timur Sabah seperti Sandakan, Lahad Datu, Semporna dan Tawau di mana sebahagian besar daripada pendatang-pendatang haram dan asing ini menetap, bilangan mereka yang mendapatkan rawatan akan mudah mencapai 70% setiap hari. Akibat daripada ini ialah kekurangan kemudahan kesihatan untuk menampung permintaan orang-orang tempatan yang membayar cukai kepada Kerajaan dan ini terpaksa pula berebut-rebut dengan pendatang haram yang tidak membayar apa-apa cukai untuk mendapat kemudahan-kemudahan awam. Terdapat banyak kes di mana ibu-ibu tempatan yang melahirkan anak di hospital terpaksa

meninggalkan hospital dua hari selepas bersalin kerana pihak hospital terpaksa melayani beberapa orang yang lain termasuk pendatang-pendatang haram. Ini amat berbeza dengan keadaan dahulu di mana ibu-ibu tersebut boleh tinggal di hospital satu hingga dua minggu selepas bersalin. Suatu amalan yang seringkali dibuat pada ketika ini ialah orang-orang tempatan terpaksa pergi ke klinik-klinik swasta untuk mendapatkan rawatan kerana mahu mengelakkan daripada kesesakan di hospital-hospital dan berebut dengan orang-orang-orang yang tidak berhak.

Di klinik-klinik swasta pula orang-orang tempatan itu terpaksa membayar bayaran yang tinggi. Menurut perangkaan sosial Malaysia, Sabah juga mencatat bilangan penyakit berjangkit yang tertinggi di Malaysia iaitu 39,747 kes pada tahun 1980 dan 42,283 pada tahun 1985. Ini meningkat 61%. Ini adalah sangat jauh berbeza jika dibandingkan dengan kes di Wilayah Persekutuan yang hanya mencatatkan 0.8% pada tahun 1980 dan 0.6% pada tahun 1985. Penyakit berjangkit ini termasuklah cholera, dysentery, T.B., diphteria, tetanus, polioyelitis, campak dan malaria. Jelaslah bahawa masalah kesihatan di Sabah adalah amat . . .

**Tuan Nurnikman bin Abdullah:**

Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya bahawa hutang-hutang yang ditanggung oleh hospital-hospital Kerajaan yang jumlahnya berjuta-juta ringgit itu termasuklah hutang yang tidak dibayar oleh pendatang-pendatang tanpa izin ataupun pendatang haram yang ada di Sabah pada ketika ini? Terima kasih.

**Tuan Joe Ojhi Supiring:** Tuan Yang di-Pertua, besar kemungkinan sebilangan besar daripada hutang-hutang yang tidak terbayar daripada

rawatan perubatan 70% datangnya daripada pesakit-pesakit orang-orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan tahunan untuk menambahkan kemudahan-kemudahan kesihatan ini perlu dilipatgandakan. Purata peruntukan sebanyak \$4.1 juta dalam Rancangan Malaysia Pertama dan \$5.2 juta bagi Rancangan Malaysia Kedua dan \$29.1 juta bagi Rancangan Malaysia Keempat kepada Sabah adalah sangat tidak mencukupi untuk meletakkan khidmat kesihatan di Sabah ke tahap yang memuaskan. Kementerian Kesihatan perlulah menggubal strategi-strategi khusus serta membuat prioritas yang baik dalam hal ini. Penekanan kepada pembinaan pusat-pusat kesihatan, dispensari, saya minta supaya penekanan yang positif dan serius diadakan dalam kawasan-kawasan di seluruh negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan kemudahan infrastruktur sistem pengangkutan yang cukup dan sesuai adalah satu prasyarat pada pertumbuhan ekonomi yang pesat. Kekurangan kemudahan ini sudah pastilah akan menghadkan pengangkutan barang-barang dan perkhidmatan dari satu tempat ke satu tempat yang lain yang mana boleh membantu perkembangan ekonomi. Buku Rancangan Malaysia Kelima mengatakan "bahawa kecukupan keberkesanan kemudahan infrastruktur pengangkutan dan sistem perhubungan akan memudahkan pemindahan sumber-sumber pengeluaran dan mereka yang menggunakannya. Sesungguhnya Sabah mempunyai banyak potensi untuk mengeluarkan sumber-sumber yang mana jika terdapat kemudahan, sudah pasti sumber-sumber ini akan dapat menambahkan keluaran dalam negara Malaysia.

Analisa terhadap maklumat yang ada menunjukkan bahawa Sabah mempunyai jarak jalanraya per kapita yang paling tinggi di Malaysia pada tahun 1985 iaitu 5.9 km. untuk setiap seribu orang penduduk. Daripada kepanjangan jalanraya di Sabah iaitu 7,555 km pada tahun 1955, cuma 33.3% ataupun 2,525 km sahaja yang diturap, yakni sangat jauh berbeza dengan purata nasional iaitu 66.3%. Purata di Semenanjung Malaysia ialah 79.7%.

Dari segi rangkaian jalanraya density untuk setiap satu kilometer persegi, Sabah adalah terletak nombor dua dari belakang iaitu pada 0.1% selepas Sarawak yang mempunyai angka 0.04%. Kewujudan infrastruktur jalanraya yang baik di Sabah ini adalah sangat penting sebagai satu alat untuk membawa perubahan lebih-lebih lagi bagi masyarakat kita yang menetap di luar bandar. Oleh itu pembinaan jalanraya-jalanraya yang baru dan walaupun tidak diturap ia sudah pasti dapat memperbaiki saluran komunikasi di antara kawasan-kawasan mundur dengan pusat-pusat bandar. Malangnya tumpuan dalam Rancangan Malaysia Kelima adalah lebih kepada penyiapan projek penyambungan dan pembaikan jalanraya-jalanraya yang ada khususnya dalam persekitaran bandar.

Sehingga kini peruntukan kepada pembaikan jalanraya yang telah sedia ada di Sabah adalah sangat tidak mencukupi. Keadaan jalanraya di bandar-bandar juga belum memuaskan lebih-lebih lagi di luar bandar. Contohnya jalanraya Kota Kinabalu-Sandakan di mana 2/3 daripadanya adalah dibentuk di atas batu-batu besar yang terdapat banyak lubang. Walaupun jalanraya ini kononnya telah disiapkan pada tahun 1972 di jalanraya utamanya yang lain seperti Papar/Beaufort, Kota Kinabalu/Ranau, Kota Kinabalu/Tambunan dan Kota Kinabalu/Kudat juga terdapat banyak kerosakan dan permukaannya tidak rata. Keadaan jalanraya ini

bukan sahaja menghampakan orang-orang yang menggunakannya tetapi juga telah mengakibatkan banyak kemalangan.

Oleh itu peruntukan-peruntukan yang cukup untuk memperbaiki dan maintenance jalanraya-jalanraya ini adalah amat perlu. Lebih-lebih lagi pada masa ini Kerajaan kita berusaha dengan sedaya-upaya menarik pelabur-pelabur dan pelancong-pelancong asing.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, saya minta cuba gulung.

**Tuan Joe Ojhi Supiring:** Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa adanya kecenderungan yang kuat daripada pelabur-pelabur asing untuk meninggalkan negeri-negeri jiran dan terus ke Malaysia pada masa yang akan datang. Sesungguhnya pelabur-pelabur asing telah pun memulakan penyimpanan ke Malaysia. Dengan ini saya dengan bersungguh-sungguh meminta Kerajaan Persekutuan supaya membantu terutama sekali dalam memajukan Sabah sebagai destinasi pelaburan yang menarik. Kerajaan Negeri Sabah sangat berminat di dalam perkembangan sektor pembuatan, pelancongan dan akuakultur. Di dalam negeri, kesemua ini adalah sektor-sektor yang berkembang dan dikenal pasti sebagai penggerak ekonomi negeri pada kurun akan datang. Sebagai tambahan saya juga meminta Kerajaan Persekutuan untuk mengenal pasti kemungkinan untuk mewartakan beberapa kawasan yang sesuai dijadikan zon perdagangan bebas atau free trade zone memandangkan hanya negeri Sabah sahaja kawasan yang tidak mempunyai free trade zone.

Penglibatan Kerajaan Sabah dalam perusahaan berat seperti Sabah Forest Industry, Sabah Gas Industry dan Sabah Shipyard merupakan petunjuk keengganan sebahagian pelabur-pelabur asing mengadu untung di

Sabah. Sebagai contoh di antara bulan November dan Disember 1988 hanya 6 dari 198 projek baru yang telah diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang diperuntukkan kepada negeri Sabah. Dari sejumlah 5 projek baru bumiputera yang telah diluluskan oleh Kementerian pada tahun 1987, 4 adalah dipunyai atau dijalankan government link agencies and corporation.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merayu kepada kementerian-kementerian Kerajaan Pusat supaya menteri-menteri dan juga kakitangan-kakitangan kanan kerajaan mengambil masa untuk melawat Sabah lebih kerap lagi bagi mengenal pasti gambaran atau keadaan infrastruktur yang sebenar supaya pihak kementerian Pusat dapat memasukkan projek-projek daripada negeri Sabah sebagai prioritas. Dengan lawatan ini juga mereka dapat menyusun segala bentuk infrastruktur dalam pelan induk negara khususnya pembangunan perindustrian.

Seperkara lagi yang saya suka sarankan dalam Dewan ini iaitu mengenai dengan penglibatan rakyat Malaysia yang berasal daripada Sabah untuk menduduki dalam jawatan-jawatan di Jabatan-jabatan Persekutuan dengan agensi-agensi Persekutuan di Sabah. Kita telah mengenal pasti bahawa sebilangan besar daripada jawatan yang wujudnya ini adalah jawatan yang mudah dijawati oleh orang-orang Sabah Misalnya dalam kategori C dan D di mana wujud lebih kurang 10,000 lebih jawatan, hanya 3,108 pejawat daripada Sabah. Ini amatlah menjejaskan kewibawaan Pegawai Tadbir dan Diplomat dalam penyusunan dan pengendaliannya.

Saya tidaklah bertujuan lain selain daripada terdesak apabila kita memikirkan tentang jumlah pengangguran daripada Sabah yang sangat merunsingkan. Dalam perkara ini saya menyarankan kepada Jabatan

Perdana Menteri supaya JPA lebih realistik dalam mengendalikan pengisian kekosongan jawatan dalam jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun Persekutuan di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rumusan, masalah di Sabah ini adalah sungguh anih. Di dalam satu keadaan, kita sedia maklum bahawa Sabah terkenal dengan Gunung Kinabalu, gunung yang tertinggi di Asia Tenggara, reffisia terbesar di dunia, flora yang terbesar di dunia dan rakyatnya yang peramah dan lemah lembut. Tetapi di dalam satu keadaan lain kita juga terletak di bawah paras kemiskinan dan kesengsaraan.

Sabah adalah salah satu aktor yang telah memungkinkan Malaysia terbentuk dalam tahun 1963 dan satu syarat kepada komitmen dan sumbangannya ialah negeri atau wilayah ini akan dibangunkan dengan pesat. Kita di Sabah adalah rakyat Malaysia yang patriotis dan komited kepada pembangunan bangsa Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, ada satu minit lagi.

**Tuan Joe Ojhi Supiring:** Oleh itu saya ingin merayu kepada Kerajaan Pusat supaya dapat mengurangkan amalan pembangunan yang tidak seimbang dan seterusnya mencapai integrasi nasional yang kukuh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kota Belud.

3.57 ptg.

**Tuan Maidom P. Pansai (Kota Belud):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak rakyat kawasan Kota Belud bangun untuk turut membahas ucapan

Belanjawan negara 1990 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia pada petang 27-10-1989 di Dewan yang mulia ini. Terima kasih di atas kesempatan yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan kerana mengadakan belanjawan negara yang melibatkan kelegaan semua lapisan masyarakat. Bagaimanapun ternyata bagi saya bahawa masyarakat peniaga lebih menikmati keselesaan dengan adanya penghapusan dan pengurangan kadar cukai misalnya company tax yang telah dikurangkan daripada 40% kepada 35% dan development tax, dengan izin daripada 5% kepada 4% bermula pada tahun 1990 dan banyak lagi yang lain. Maka ianya adalah merupakan satu penggalakan kepada golongan masyarakat peniaga dalam bidang syarikat dan industri pembangunan.

Cadangan untuk mengecualikan cukai bagi concrete bricks, dengan izin, serta kayu gergaji tertentu atau certain categories of sawn timber adalah jelas membuktikan betapa Kerajaan mengambil berat, tentang penekalan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan. Tetapi dalam keadaan belanjawan yang sedemikian ini jelas mencerminkan bahawa golongan masyarakat peniaga diberikan perhatian yang lebih daripada masyarakat miskin yang hanya bergantung kepada perladangan, persawahan, pertanian dan tangkapan ikan bagi hidup mereka.

Yang jelasnya, tidak ada satu usaha yang konkrit yang boleh dianggap sebagai penggalakan. Bagi rakyat miskin yang mencari hidup di bidang tersebut iaitu misalnya penanam padi, penoreh getah dan lain-lain hasil pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu meskipun saya menyokong belanjawan ini, tetapi saya masih ingin untuk

mengemukakan beberapa pandangan untuk pengetahuan dan pertimbangan pihak kerajaan seperti berikut.

Isu kemiskinan. Saya mahu bercakap isu kemiskinan dalam konteks negeri Sabah juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membicarakan soal kemiskinan ini kerana bila kita bercakap mengenai kemiskinan ianya tentulah ada hubungan dengan masyarakat di luar bandar yang hanya bergantung hidup sebagai peladang, pesawah, petani yang bergantung kepada hasil padi, penoreh getah, dan bergantung kepada tangkapan ikan sebagai seorang nelayan. Jika Kerajaan bertujuan untuk melibatkan mereka untuk turut sama merasa selesa dengan Belanjawan tahun 1990 itu, seharusnya Kerajaan mengambil tindakan untuk menaikkan harga padi dan lain-lain hasil pertanian, harga getah dan sebagainya sebagai galakan kepada mereka yang mencari nafkah menerusi cara sedemikian itu. Di samping itu pemberian subsidi seperti bahan tanaman, baja atau perkakas menangkap ikan haruslah juga diberi pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam dekad yang lepas, Sabah telah muncul sebagai salah sebuah negeri dalam Malaysia yang mengalami pertumbuhan yang paling pesat dengan mencatat kadar pertumbuhan tahunan bagi Keluaran Negara Kasar sebanyak 9.4% di antara 1972 dan 1980, berbanding dengan purata nasional sebanyak 8.1% dalam jangka masa yang sama Rancangan Malaysia Keempat. Dalam tempoh 1980-1985 kadar purata pertumbuhan tahunan KNK Negeri telah jatuh ke 7.2% sementara purata nasional adalah 5.8% Rancangan Malaysia Kelima. Dengan ini jelas bahawa dari segi pertumbuhan ekonomi, prestasi Sabah secara umumnya adalah lebih baik berbanding dengan prestasi negara keseluruhannya, walaupun

purata pertumbuhan tahunan bagi KNK Negeri telah jatuh dalam tempoh 1980 hingga 1985 berbanding dengan dekad seterusnya.

Menurut statistik rasmi, orang-orang miskin juga mendapat manfaat daripada pertumbuhan yang pesat ini. Bilangan isi rumah miskin di Sabah dikatakan telah menurun dari 58.3% dalam tahun 1976 kepada 33.1% dalam tahun 1984 berbanding dengan 39.6% dalam tahun 1976 dan 18.4% di Semenanjung Malaysia. Walaupun begitu, menurut kajian pendapatan isi rumah terbaru yang dijalankan oleh unit Perancangan Ekonomi, tahap kemiskinan di Sabah telah meningkat kepada 35.2% dalam tahun 1987 yang berleluasa di luar-luar bandar. Maka dengan itu strategi-strategi pembangunan di luar bandar untuk mengurangkan insiden kemiskinan penduduk perlu dinilai dari masa ke semasa dan seterusnya memberikan penekanan bagi pemberian projek yang dianggap sesuai dengan keperluan yang conducive, dengan izin, kepada peningkatan hidup mereka.

Mengintegrasikan program pembasmian kemiskinan ke dalam rancangan pembangunan dan proses pengendalian—usaha pembasmian kemiskinan perlu ditunjukkan dengan jelas dalam semua rancangan strategik Kerajaan untuk pembangunan. Keutamaan patut diberi kepada projek-projek yang boleh memberi manfaat kepada majoriti penduduk yang miskin dalam pengagihan dana. Timbul juga keperluan untuk mengendalikannya secara sistematik kesan berbagai program pembangunan ke atas keadaan sosio-ekonomi penduduk dengan tekanan khas kepada yang miskin. Akhirnya, petunjuk-petunjuk sosial dan ekonomi perlu diadakan sebagai sistem amaran awal untuk Kerajaan supaya langkah pembetulan boleh diambil dengan segera.

Meningkat tahap komunikasi infra orang-orang miskin ataupun komunikasi infra, infra-communication, dengan izin, boleh dipertingkatkan menerusi promosi, literal culture dan tabiat membaca bagi semua kumpulan umur menembusi kanak-kanak yang belumlah ke sekolah. Program pra-sekolah yang bersesuaian perlu diperhebatkan. Pendidikan sekolah rendah dan menengah perlu diberi kepada orang miskin. Kelas pendidikan untuk orang dewasa juga perlu disusun untuk mereka yang buta huruf. Di mana perlu Yayasan Sabah, KEMAS dan organisasi sukarela yang lain boleh membantu di dalam penyusunan program pendidikan pra sekolah. Pada masa yang sama Jabatan Pendidikan hendaklah menekankan pembekalan kemudahan pendidikan, sekurang-kurangnya pada peringkat sekolah rendah dan menengah di kawasan pendalaman. Perpustakaan Negeri perlu menyumbang dalam usaha untuk meningkatkan komunikasi infra di kalangan orang-orang miskin melalui perkhidmatan perpustakaan bergerak. Meningkatkan penglibatan orang-orang miskin dalam membuat keputusan pada peringkat tempatan.

Adalah diketahui umum bahawa kebanyakan program pembasmian kemiskinan tidak berupaya untuk mencapai objektifnya kerana aspirasi keperluan dan keutamaan orang-orang miskin diabaikan. Ini ternyata dipengaruhi oleh nilai dan kepercayaan kumpulan sasaran. Untuk mengatasi masalah ini, adalah perlu untuk menggalakkan penglibatan orang-orang miskin dalam proses membuat keputusan, sekurang-kurangnya pada peringkat tempatan, terutamanya berkenaan dengan perkara yang boleh mempengaruhi hidup mereka, aspirasi keperluan dan keutamaan mereka akan jelas dilihat dalam keputusan yang dibuat untuk menjamin keberkesanan orang-orang miskin dalam proses membuat keputusan. Mereka perlu didedahkan kepada

perjalanan sistem birokrasi pada peringkat tempatan. Begitu juga kepada operasi jentera perancangan dan implimentasi negeri dan juga Kerajaan Persekutuan. Kursus sivik yang memberi fokus kepada hak asasi warganegara dan pertuturan awam perlu disusun. Nampaknya selama ini tekanan hanya diberi kepada penyusunan kursus untuk pemimpin-pemimpin dan kini sudah tiba masanya untuk menyedari bahawa rakyat biasa termasuk orang-orang miskin juga memerlukan pendedahan dalam menjalankan tanggungjawab dan hak asasi mereka secara berkesan.

Mendirikan Institusi Kredit untuk orang-orang miskin. Biasanya orang-orang miskin mempunyai kemahiran untuk terus hidup tetapi bukan modal. Oleh itu adalah perlu untuk membekalkannya dengan modal yang cukup melalui satu skim kredit yang direka khas untuk memenuhi keperluan mereka. Kemahiran dan modal yang sedia ada akan membolehkan mereka untuk melepaskan diri dari getiran keganasan kemiskinan. Modal ini boleh digunakan untuk melabur dalam tanaman baru, binatang ternakan, pemerosesan dan pemasaran hasil pertanian, memperolehi peralatan untuk menangkap ikan, mendirikan perniagaan kecil dan lain-lain. Buat masa ini terdapat beberapa kemudahan kredit yang tersusun untuk kemudahan orang-orang miskin. Walaupun begitu, untuk mendapatkan kemudahan ini orang-orang miskin perlu mempunyai barang gadaian, jaminan atau prosedur yang rumit dan ini berupaya untuk menghalang orang miskin daripada memperolehi modal tersebut. Maka dengan itu tindakan yang diambil oleh Kerajaan untuk menyediakan pinjaman tanpa cagaran untuk rakyat miskin seperti yang telah dinyatakan dalam Belanjawan Negara 1990 tersebut adalah amat bijak dan tepat pada masanya. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan.

Selain daripada itu, saya rasa adalah lebih baik dan lebih berkesan lagi jika satu institusi skim kredit yang menggunakan pendekatan "bank gramin" di Bangladesh untuk tujuan aktiviti penciptaan pendapatan boleh dijadikan sebagai model untuk mendirikan jenis bank yang sama untuk membantu orang-orang miskin di sini. Saya telah difahamkan bahawa satu projek percubaan yang bernama Projek Ikhtiar yang menggunakan pendekatan bank tersebut telah pun ditubuhkan di Sabak Bernam, Selangor. Projek itu adalah di antara lainnya yang telah disentuh dalam Belanjawan 1990.

Baru-baru ini pendekatan tersebut telah juga dibuat sebagai ujian atau percubaan melalui projek bernama Projek Usahamaju, anjuran Institute Development Studies (IDS) di Sabah dan Koperasi Pembangunan Desa (KPD) dan hasilnya jelas menampakkan dapat memberi masa depan yang cerah kepada rakyat. Dengan itu, Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk meng-institusikan projek tersebut demi untuk memberi manfaat kepada rakyat termiskin dan adalah menjadi harapan saya agar Kerajaan Persekutuan tidak akan mengeneipikan negeri Sabah daripada Projek Ikhtiar ini.

Saya juga ingin bercakap mengenai infrastruktur dan kemudahan asas luar bandar. Belanjawan tahun 1990 telah memperuntukkan sebanyak \$524 juta bagi tujuan itu. Adalah diharapkan agar Sabah dan Sarawak dapat diberi keutamaan bagi pengagihan peruntukan tersebut memandangkan kedua-dua negeri itu masih jauh ketinggalan secara perbandingan dengan Semenanjung Malaysia dalam konteks perhubungan jalanraya, iaitu kalau di Sabah dan Sarawak dalam peringkat pembinaan jalanraya tanah, di Semenanjung Malaysia sudah meningkat kepada jalan gravel dan kalau Sabah dan Sarawak sudah ada jalan gravel, maka di Semenanjung

sudah ada highway dan bila di Sabah dan Sarawak mulai membina highway, maka di Semenanjung pula sudah di peringkat super highway.

Justeru itu memandangkan bahawa jalanraya adalah satu-satunya sistem perhubungan daripada sesebuah kampung itu dengan dunia luar di mana hasil pengeluaran bandar juga adalah amat bergantung sepenuhnya dengan jalanraya, maka pembekalan perhubungan jalanraya haruslah diberi penekanan demi untuk memberi rakyat miskin di luar bandar untuk memasarkan hasil pengeluaran di tempat itu ke lain tempat tanpa bergantung kepada orang tengah. Dengan itu tempat-tempat atau kampung-kampung serta kawasan tanah yang mempunyai potensi untuk perusahaan pertanian haruslah dibekalkan dengan projek jalanraya dan di mana-mana jalanraya yang telah dibina oleh Kerajaan sama ada menerusi Kerajaan Tempatan, Pejabat Daerah, Jabatan Kerjaraya atau lain-lain agensi yang belum diturap, hendaklah diturap atau dinaikkan tarafnya ke semi grouting. Keutamaan semestinya diberikan dalam pengagihan peruntukan yang secukupnya bagi pelaksanaan projek tersebut kerana ianya bukan sahaja mendatangkan manfaat kepada rakyat miskin itu sendiri, tetapi juga untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Bekalan tenaga elektrik luar bandar. Sebanyak \$1,144 juta telah diberikan peruntukan yang merangkumi pembekalan air dan juga pembekalan tenaga elektrik luar bandar. Dalam hal ini, Kerajaan tentu sedar bahawa bekalan air, bekalan tenaga elektrik tidak kurang pentingnya kerana ianya adalah salah satu daripada keperluan asas yang begitu "effective" untuk mempengaruhi perubahan cara hidup masyarakat ke arah kemajuan iaitu khasnya dalam erti kata mengubah cara

hidup daripada sebelum merdeka kepada setelah mencapai kemerdekaan seperti sekarang ini.

Dalam Belanjawan yang telah dibentangkan tahun lalu terdapat beberapa juta ringgit yang telah diperuntukkan bagi tujuan ini dan berikutan dengan itu, saya telah pun mengemukakan beberapa permohonan untuk mendapat bekalan tenaga elektrik di kawasan saya, Kota Belud. Tetapi malangnya bila saya bertanya menerusi soalan bertulis untuk jawapan mulut dalam Sessi Parlimen yang sedang berlangsung sekarang ini, saya mendapat jawapan bahawa tidak ada satu pun projek bekalan tenaga elektrik yang telah diluluskan untuk kawasan tersebut pada tahun ini. Dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Kerajaan mengapakah demikian? Apakah sebab-musababnya? Apakah ini disebabkan oleh laporan Lembaga Letrik Sabah maka kawasan saya tidak ada satu pun projek bekalan tenaga elektrik yang diluluskan pada tahun ini.

Untuk pengetahuan pihak yang berkenaan, terdapat beberapa buah kampung dalam kawasan saya iaitu daerah Kota Belud telah pun mendapat surat daripada Lembaga Letrik Sabah yang . . .

**Dr Eng Seng Chai:** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun hendak apa?

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Tidak cukup bilang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila bilang Setiausaha—17. Bunyikan loceng.

*Loceng dibunyikan.*

*(Ahli-ahli dikira, 38 Ahli hadir)*

**Tuan Yang di-Pertua:** 38 Ahli—sudah cukup kuorum. Yang Berhormat dari Kota Belud, sila teruskan.

**Tuan Midom P. Pansai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan, kawasan saya iaitu daerah Kota Belud telahpun mendapat surat daripada Lembaga Letrik Sabah yang menyatakan bahawa permohonan mereka untuk bekalan tenaga elektrik akan dipertimbangkan kelulusannya dalam Rancangan Malaysia Kelima. Sekarang Rancangan Malaysia Kelima akan tamat pada tahun 1990. Jadi bila lagi kelulusan projek yang dikatakan itu akan dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, saya minta pihak berkenaan menyasat perkara ini dan mengambil tindakan yang seperlunya demi untuk kelulusan projek-projek bekalan elektrik di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin memperkatakan sesuatu tentang kadar bayaran meter atau tarif tenaga elektrik terutama sekali di Sabah. Dalam belanjawan tahun 1990 terdapat beberapa jenis cukai yang dikurangkan. Syabas kepada Kerajaan kerana itu adalah membuktikan bahawa Kerajaan begitu mengambil berat tentang penggalakan pertumbuhan ekonomi negara dan saya rasa sebab penggunaan tenaga elektrik ini melibatkan semua golongan masyarakat termasuklah rakyat miskin, maka adalah sepatutnya kadar atau tarifnya dikurangkan demi untuk meringankan bebanan rakyat miskin lebih-lebih lagi di negeri Sabah yang mana tarifnya jauh lebih tinggi berbanding dengan yang ada di Semenanjung Malaysia. Sekurangnya ia dipersembahkan kalau tidak lebih rendah lagi disebabkan memandangkan keadaan di mana gangguan bekalan tenaga elektrik sering berlaku atau dengan izin, frequent interruption in power supply.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sedikit mengenai kemajuan asas kesihatan di negeri Sabah.

Kepentingan pembekalan perkhidmatan asas kesihatan yang lebih baik kepada masyarakat harus diti-tikberatkan kerana kesihatan yang tidak baik bukan sahaja menyusahkan rakyat tetapi juga menurunkan produktiviti dan membebankan rakyat miskin. Dalam hal ini, Kerajaan sepatutnya mempertimbangkan penghapusan bayaran rawatan di hospital bagi rakyat miskin.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab perkara mengenai kemudahan asas kesihatan ini adalah amat penting maka saya ingin menerangkan keadaan masalah semasa di negeri Sabah. Menurut Presiden Medical Association of Malaysia, Dr Syed Muhammad, di Malaysia 75% doktor Kerajaan dan swasta tinggal di kawasan bandar dan 60% penduduk tinggal di luar bandar—Laporan dalam Jun, 1988. Di Sabah pula lebih kurang 70% daripada 1.4 juta penduduk tinggal di kawasan luar bandar. Bilangan pusat kesihatan yang terdapat di Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Labuan pada masa ini ialah:

Hospital Besar—3; Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Hospital Daerah—13.

Dispensari Luar Bandar—65.

Klinik Desa—187.

Klinik Kesihatan Ibu dan Kanak-Kanak—19.

Kemudahan kesihatan yang tersedia bagi penduduk tinggal di luar bandar Sabah hanya di peringkat dispensari atau klinik desa sahaja. Ini bererti perkhidmatan perubatan moden di kawasan terpencil Sabah adalah terhad atau sama sekali tidak ada. Misalannya di Semenanjung Kudat. Kawasan diliputi 3 daerah iaitu Kudat, Kota Marudu dan Pintas. Jumlah anggaran penduduk 95 ribu. Bilangan hospital daerah—satu. Bilangan katil di hospital—180. Nisbah katil pesakit/penduduk—1:528.

Daerah Kinabatangan, luasnya lebih kurang 25% daripada jumlah luas negeri. Anggaran penduduk ialah 30 ribu. Bilangan hospital daerah—tiada. Kemudahan kesihatan—5 dispensari dan 6 klinik desa. Nisbah dispensari atau klinik desa, penduduk 1:2730.

Daerah Pensiangan, anggaran penduduk ialah 10 ribu. Bilangan hospital daerah—tiada. Kemudahan kesihatan—1 klinik desa dan 3 pusat kesihatan. Nisbah klinik desa atau pusat kesihatan—penduduk 1:2500.

Implikasi masalah tersebut atas penduduk luar bandar di Sabah ialah:

data di atas menunjukkan bahawa kemudahan kesihatan yang mempunyai perkhidmatan moden di luar bandar langsung tidak mencukupi. Penduduk-penduduk luar bandar terpaksa menghabiskan wang yang banyak dan masa yang lama untuk mendapat rawatan doktor di hospital yang terdekat. Perkara ini menjadi lebih rumit dengan kekurangan kenderaan atau jalanraya dari kawasan-kawasan terpencil ke pekan-pekan yang mempunyai hospital.

Jumlah kes penyakit berjangkit (communicable diseases) di Sabah bukannya berkurangan malahan bertambah ke tahap yang mengejutkan. Di antara penyakit-penyakit berjangkit seperti malaria adalah yang paling banyak. Pada tahun yang lalu, 1987 jumlah kes malaria di Sabah sahaja ialah 25,515 atau 71.69% kalau dibandingkan dengan hanya 10,075 kes untuk seluruh negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Perkara ini menjadi lebih sukar diatasi kerana sebab-sebab yang berikut:

(a) kekurangan kemudahan kesihatan yang moden dan lengkap di kawasan luar bandar;

(b) kekurangan aktiviti-aktiviti pengetahuan kesihatan atau dengan izin, health education di kawasan luar bandar;

(c) kemasukan orang-orang asing atau pendatang haram yang tidak terkawal di hospital besar Tawau dan Sandakan.

35% pesakit yang dirawat setiap hari adalah pendatang haram. Ramai daripada mereka adalah pembawa penyakit-penyakit berjangkit. Mereka juga bersaing dengan penduduk tempatan untuk menerima perkhidmatan yang percuma dari pusat-pusat kesihatan Kerajaan yang tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, demi untuk mengatasi masalah seperti yang dinyatakan itu, saya ingin membuat beberapa cadangan seperti yang berikut ini:

Pertama, Kerajaan hendaklah menggubal satu polisi yang berpatutan tentang rawatan kesihatan untuk pendatang haram supaya keutamaan harus diberikan kepada penduduk tempatan.

Kedua, jika Kementerian Kesihatan tidak dapat melaksanakan projek-projek pembinaan hospital pada masa ini sekurang-kurangnya ia memberikan peruntukan yang tetap pada setiap tahun untuk menambahkan kadar Pusat Kesihatan, Klinik Desa dan Perkhidmatan Doktor Udara dari Yayasan Sabah.

Ketiga, menambahkan bilangan Pegawai Pelajaran Kesihatan (Health Education Officer) dan kakitangan bahagian tersebut untuk memberi penerangan yang mencukupi tentang kesihatan dan kawalan penyakit yang berjangkit.

**Kekurangan pakar perubatan:** Di semua Hospital Daerah, pegawai yang tertinggi, the most senior officer ialah Pegawai Perubatan Kanan yang hanya menjalankan pembedahan yang minor

dan rawatan secara am. Kes-kes yang serius haruslah dirujuk ke Hospital Besar di Kota Kinabalu, Sandakan atau Tawau. Walau bagaimanapun sehingga masa kini masih tidak ada Doktor Pakar Bedah, (Pathology) yang menetap di ketiga-tiga Hospital Besar di negeri Sabah, melainkan di negeri Sarawak yang ada tiga doktor pakar tersebut. Selain daripada Doktor Pakar Bedah (Pathology), di Sabah masih kekurangan Doktor Pakar Bius (Anaesthetist), Doktor Pakar Hidung, Telinga dan Tekak (E.N.T. Surgeon), Dermatologist dan Radiologist. Permintaan ini pernah dibuat melalui satu Memorandum kepada Kerajaan Pusat pada tahun 1984 dan sehingga ini belum diisikan.

Tuan Yang di-Pertua, implikasi masalah tersebut atas penduduk Sabah: kekurangan pakar-pakar perubatan menjadi satu perkara serius, misalnya setiap tahun tidak kurang dari 7,000 pembedahan dijalankan di Sabah. Ada kalanya pembedahan terpaksa ditangguhkan sebab pathologist dari Sarawak tidak dapat meluangkan masa. Walaupun pesakit-pesakit yang tidak dapat dirawat di Sabah selalunya dirujuk ke Hospital Besar, Kuala Lumpur tetapi perbelanjaan untuk menghantar satu pesakit ke Kuala Lumpur untuk mendapat rawatan adalah banyak dan prosesnya pun mengambil masa yang lama. Selain daripada itu keadaan di Hospital Besar, Kuala Lumpur seringkali congested disebabkan banyak pesakit-pesakit dihantar dari luar kawasan Kuala Lumpur. Banyak pesakit-pesakit terpaksa mencari rawatan doktor pakar swasta di dalam atau di luar negeri untuk penduduk kampung yang tidak berkeupayaan, peluang untuk mereka mendapat rawatan seperti itu adalah rumit sekali. Cadangan saya dalam perkara ini ialah satu Pathologist harus ditempatkan di Sabah.

Pengumuman Yang Berhormat Menteri Kesihatan tentang Doktor-doktor Pakar untuk semua Hospital

Daerah supaya dapat mengurangkan kesesakan di Hospital Besar di Kuala Terengganu pada 20hb Mac, 1988 harus diberi keutamaan di negeri Sabah atau sekurang-kurangnya Doktor-doktor Pakar di semua bidang harus ditetapkan di Hospital Besar di Sabah, memberi peluang kepada Doktor-doktor Perubatan di Sabah untuk mendapatkan latihan pakar "training to become specialist", dengan izin, di luar negeri membolehkan Doktor-doktor Pakar Swasta untuk berkhidmat separuh masa di Hospital Besar Sabah sehingga adanya Doktor Pakar Kerajaan.

Kekurangan tenaga pekerja di bidang perubatan, jumlah doktor-doktor di Sabah pada tahun ini adalah:

Doktor Kerajaan ..	112 orang
Doktor Swasta ..	136 ..
	<hr/>
Jumlah ..	248 ..
	<hr/>

Jumlah penduduk di Sabah 1.4 juta orang, nisbah doktor untuk penduduk 1:5,645. Nisbah Doktor Kerajaan untuk penduduk 1:12,500.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah mengumumkan bahawa Sabah akan mendapat 69 doktor tambahan pada hujung tahun 1989. Dengan tambahan tersebut nisbah doktor untuk penduduk masih tinggi iaitu 1:4,416 atau nisbah Doktor Kerajaan untuk penduduk 1:7,713. Di seluruh Malaysia jumlah doktor sebanyak 5,500 iaitu Kerajaan dan Swasta:

Doktor Kerajaan	2,700 orang
Nisbah doktor penduduk luar bandar .. .. .	1:5,000
Nisbah doktor penduduk amnya ..	1:2,400

Menurut Menteri Kesihatan target nisbah untuk seluruh Malaysia pada tahun 1990 iaitu dalam Rancangan

Malaysia Kelima ialah satu doktor untuk 2,000 penduduk. Jika diambilkira bilangan doktor di Sabah dan dibandingkan dengan angka untuk seluruh negara Sabah masih jauh ketinggalan dalam perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat gulung?

**Tuan Maidom P. Pansai:** Okay.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi hal mengenai kesihatan, tetapi oleh sebab tidak ada masa, maka saya beralih kepada satu perkara lagi iaitu mengenai pendatang haram.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan rasa penghargaan yang tidak ternilai dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia kerana dalam ucapannya kita merasmikan Kongres Parti Bersatu Sabah (PBS) di Auditorium Yayasan Sabah pada tanggal 29-9-1989, beliau telah menyentuh mengenai masalah pendatang haram di Sabah dengan menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia akan berusaha mencari jalan untuk membantu bagi mengatasi masalah tersebut.

Bagi kami rakyat di Sabah kenyataan sedemikian adalah merupakan satu jaminan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga satu bukti yang jelas bahawa beliau sesungguhnya begitu mengambil berat ke atas permasalahan rakyat yang tinggal di pelbagai negeri adalah Persekutuan Malaysia, termasuklah negeri Sabah. Dalam begitu banyak perkara yang telah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan perasmian itu meskipun semuanya amat penting sekali. Tetapi bagi saya tiada satu yang paling menggembirakan selain daripada

jaminannya untuk berusaha bagi menyelesaikan masalah kehadiran pendatang haram di Sabah, kerana masalah ini bukanlah satu perkara baru, malahan ianya adalah satu masalah warisan sejak daripada beberapa Kerajaan yang pernah memerintah negeri Sabah, ianya dianggap sebagai satu masalah yang membimbangkan semua lapisan rakyat memandangkan bahawa kehadiran pendatang haram di negeri Sabah telah mendatangkan banyak masalah sosial, bilamana kebanyakan mereka terlibat dalam kegiatan jenayah seperti mencuri, pecah rumah, rompakan, merogol dan berbagai-bagai lagi kes jenayah sehingga ke tahap yang membimbangkan. Ini diakui oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri Yang Berhormat Dato' Megat Junid bin Megat Ayob, sebagaimana telah dilaporkan dalam muka depan akhbar *Sabah Times* keluaran 17-8-1988 yang berbunyi seperti berikut, dengan izin.

**“MEGAT—MOST CRIMES INVOLVE OUTSIDER, (CRIMES IN SABAH)** Kuala Lumpur, Tuesday—“Crime committed in Sabah are more serious than those in Peninsular Malaysia and have given rise to a crime shock situation in the state, ‘Deputy Home Minister Dato’ Megat Junid Megat Ayob said today.”

Nah! inilah dia bukti keseriusan masalah tersebut di negeri itu. Bukti yang kedua ialah perkara yang dibuat oleh Pesuruhjaya Polis Sabah sendiri Dato' Haji Syed Osman bin Syed Ali, sebagaimana yang dilaporkan di muka depan akhbar *Daily Express* keluaran 8-1-1988 yang berbunyi seperti berikut, dengan izin,:

“Kota Kinabalu—“More than 65% of crimes in Sabah were committed by foreigners and police will intensify anti crimes operations,” Sabah Police Commissioner, Haji Syed Osman Syed Ali said today.”

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan tadi adalah daripada polis yang menyatakan 65% kes jenayah di Sabah dilakukan oleh orang asing. Siapa dia orang asing? Tentulah mereka yang telah datang tanpa izin. Syabas kepada Polis kerana jaminan yang diberikan untuk memperhebatkan tindakannya untuk membanteraskan kegiatan jenayah, tetapi dengan itu sahajalah belum mencukupi, tindakan positif Kerajaan Persekutuan harus diambil untuk menghantar pendatang haram ini kembali ke negeri asalnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah cukup masa, bolehkah habiskan ayat itu?

**Tuan Maidom P. Pansai:** Saya gulung sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Pada baru-baru ini Ketua Pembangkang DAP telah melawat Sabah di mana beliau telah menyelar Kerajaan Sabah atas kegagalannya untuk menyelesaikan masalah kehadiran pendatang haram di negeri itu. Tetapi apa yang berlaku sebenarnya bahawa Kerajaan Sabah kini sejak dari mula lagi memang telah berusaha dengan segala tenaga yang ada padanya mungkin di bawah bidangnya. Sebagaimana yang kita ketahui bersama bahawa masalah pendatang haram adalah secara langsung di bawah bidangnya Kerajaan Persekutuan. Bagi Kerajaan Negeri Sabah ia hanya dirancang, yang melaksanakannya ialah Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini harus disedari bahawa dalam menyelesaikan masalah kehadiran para pendatang haram tersebut meskipun tumpuan usaha adalah terletak kepada penghantaran kembali pendatang haram itu balik ke negeri asalnya, tetapi juga jalan yang efektif harus dicari untuk memastikan agar mereka yang dihantar balik ke negeri asal

mereka itu tidak akan menyusup kembali masuk ke negeri ini, khasnya negeri Sabah secara haram.

Selain daripada itu saya bagi pihak rakyat Sabah merayu kepada Kerajaan Persekutuan agar menyokong permintan negeri Sabah supaya Consul Filipina didirikan di negeri itu dengan seberapa segera. Hal ini amat penting supaya kebajikan dan kegiatan-kegiatan pelarian dan pendatang haram Filipina dapat dijaga. Kerajaan Persekutuan hendaklah berbincang dengan Kerajaan Filipina berhubung dengan perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan Maidom P. Pansai:** Satu minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang saya utarakan tadi itu bukanlah perkara baru, malahan dalam setiap ucapan yang saya buat sama ada ucapan perbahasan atas Titah Ucapan Di-Raja ataupun Belanjawan seperti ini saya telah berulang kali membawa perkara ini, Namun demikian, kami Ahli-ahli Parlimen daripada Sabah selalu diselar dan dibidas oleh ahli-ahli ALIRAN di Sabah atau dengan izin, "ALIRAN Members in Sabah" yang menuduh bahawa kononnya kami Ahli-ahli dari Sabah tidak pernah menyuarakan masalah rakyat di Sabah, seolah-olah menganggap bahawa semua Ahli daripada Sabah hanya datang ke Parlimen untuk memanasakan kerusi sahaja. Tuduhan mereka seperti ini adalah amat dikesalkan dan adalah menjadi harapan saya agar ahli-ahli ALIRAN dari Sabah ada di Dewan ini sebagai pemerhati ataupun sebagai pelawat supaya ianya akan dapat menyaksikan bahawa tuduhan itu adalah sama sekali tidak benar dan sengaja direka-reka untuk memburuk-burukkan usaha kami Ahli-ahli daripada Sabah yang kami buat selama ini.

Oleh kerana masa tidak cukup, maka saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, hanya sekian sahaja dari saya dan semoga pandangan-pandangan yang saya utarakan itu akan diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Bagan Serai.

4.30 ptg.

**Tuan Chew Kam Hoy (Bagan Serai):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 1990 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan ini boleh dikatakan merupakan satu berita baik kepada semua rakyat. Kepada orang politik, mereka menganggap ia sebagai Belanjawan pilihanraya. Walau bagaimanapun, rakyat memang bersyukur kepada Kerajaan kerana membentangkan satu "Budget" yang tidak membebankan mereka. Akan tetapi, bagi sebahagian rakyat yang berpandangan jauh, mereka bimbang tentang apakah keadaan, apakah scenario akan berlaku selepas tahun 1990. Mereka bimbang juga adakah Dasar Ekonomi Baru akan dilanjutkan atau digantikan dengan dasar yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak 19 tahun Kerajaan telah menganggap perpaduan negara akan dicapai melalui sistem kuota untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Dengan keyakinan ini Kerajaan terus melaksanakan Dasar Ekonomi Baru selama 20 tahun yang akan tamat tempohnya pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini, selepas 19 tahun kita melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, mungkin ada wajarnya untuk kita sekarang

bertanya, apakah yang telah kita capai sehingga hari ini? Adakah kita telah mencapai perpaduan negara yang sering dibangkitkan? Adakah matlamat Dasar Ekonomi Baru dicapai seperti yang dikehendaki dan diharapkan?

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa Dasar Ekonomi Baru telah mencapai banyak kejayaan, membawa banyak kemajuan kepada negara dan rakyat terutamanya ia telah berjaya mengurangkan kemiskinan di Semenanjung Malaysia daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 17.3 peratus pada tahun 1987 dan ekuiti pemilik bumiputera dalam sektor korporat pun telah meningkat daripada 2 peratus pada tahun 1970 kepada 25.4 peratus pada tahun 1987.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pencapaian yang begitu cemerlang, kenapa sehingga hari ini kita masih menyentuh tentang perpaduan negara? Tidakkah perpaduan ini sepatutnya telah tercapai dengan masa selama ini? Kenapa kesannya masih dirasai jauh daripada yang dibayangkan? Kenapa pula masyarakat bukan bumiputera terus merasai ketidakseimbangan dan ketinggalan atau, dengan izin, a sense of alienation and deprivation?

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya masalah utama yang menggugat perpaduan negara ialah kesan-kesan buruk daripada sistem kuota yang diamalkan. Sistem ini yang kita anggap 19 tahun dahulu sebagai suatu jentera yang berkesan untuk membawa keseimbangan pembangunan antara semua kaum untuk mencapai keharmonian dan perpaduan nasional telah tidak mendorong kita sebagaimana yang diharapkan. Kenapa jadi begini, kenapa? Ini adalah kerana sistem kuota yang diamalkan itu sangat berbau perkauman dan ia bukan diasaskan atas prinsip keperluan dan kecemerlangan atau, dengan izin, "needs and merits". Sistem ini telah membangkitkan banyak punca-punca dan kesan-kesan yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali yang menjadi mangsa ialah ekonomi negara. Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang dikehendaki di bawah Industrial Coordination Act dan Jawatankuasa-jawatankuasa seperti Capital Issue Committee dan Foreign Investment Committee, dengan izin, telah menjadi sekatan dan halangan kepada perkembangan ekonomi kita secara sihat.

Perniagaan baru tidak dapat diwujudkan kerana lesen pembuatan tidak dapat diperolehi tanpa penyertaan bumiputera. Perniagaan yang sedang giat pula tidak dapat berkembang sehingga ekuiti syarikat ini di susun semula mengikut kehendak Dasar Ekonomi Baru. Kesulitan mendapat rakan kongsi bumiputera juga menjadi satu masalah yang serius. Oleh yang demikian, siapakah yang seharusnya dipersalahkan?

Sekatan-sekatan yang tidak habis-habis ini telah menjejaskan projek-projek atau perniagaan-perniagaan yang berpotensi berkembang. Segalanya terpaksa ke jalan buntu. Suasana yang begitu mendukacitakan ini juga telah menjejaskan semangat usahawan-usahawan tempatan. Akhirnya perkembangan pelaburan sektor swasta menjadi lembap dan akibatnya ekonomi nasional menjadi mangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita pernah mengambil tindakan untuk memperbaiki keadaan ini dengan pinjaman besar dari luar negeri untuk meningkatkan pelaburan dan perbelanjaan awam supaya ekonomi akan bergerak dan program rancangan-rancangan menyusun semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan tidak terjejas atau berhenti setengah jalan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan ini hanya menghasilkan perkembangan ekonomi sementara sahaja. Apabila

pelaburan awam gagal dan tidak menerima sebarang dividen, akibat yang buruk timbul seperti yang kita mengalami pada tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini ekonomi kita telah pulih semula, tetapi apa yang tinggal kepada kita tidak banyak kerana kebanyakan keuntungan harus telah digunakan untuk membayar hutang balik dan men "service"kan faedah yang begitu besar. Pada masa ini kita terpaksa menggunakan 21 peratus daripada peruntukan Belanjawan kita untuk tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem kuota telah mendorong kebudayaan subsidi dan penggantungan keperluan ke atas pemberian Kerajaan. Sebagaimana yang pernah disentuh oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dasar Ekonomi Baru tidak dapat mencapai matlamatnya dengan sepenuhnya kerana ia selalu disalahgunakan sebagai jentera untuk kekayaan cepat dan bukan sebagai satu alat, satu usaha untuk memperbaiki kehendak sosial masyarakat umumnya. Cara perlindungan di bawah sistem kuota pun telah menjadikan rakyat hilang keupayaan sendiri. Ramai rakyat menganggap mereka tidak perlu berusaha kuat untuk kecemerlangan dan kecekapan tetapi bergantung semata-mata atas hubungan yang tepat dan siapa yang dikenali rapat, dengan izin, the key to success depends on whom you know and what connection do you have.

Tuan Yang di-Pertua, kemiskinan bukannya satu petanda kaum bumiputera sahaja kerana kaum-kaum lain di Malaysia pun ada menghadapi masalah yang serupa. Jadi, pembasmian kemiskinan tidak boleh ditumpukan kepada satu kaum tertentu sahaja. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru yang berat sebelah selama ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati dan polarisasi.

Baru-baru ini saya terima sungutan daripada seorang ayah yang anaknya memperolehi keputusan SPM yang sungguh cemerlang dengan agregat 7, malang sekali ia gagal dapat memasuki Universiti Teknologi Malaysia. Saya harap Menteri Pendidikan boleh buat satu siasatan tentang perkara ini. Di sini saya beri nama murid itu—Neo Hock Aun, Nombor Rujukan P. 8916525.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin 19 tahun adalah jangka masa tersangat singkat untuk pakar perubatan mencari ubat untuk AIDS tetapi ianya memang cukup lama untuk kita semua meneliti dan mengesan kesalahan dasar-dasar lalu dan kesan-kesan buruk sistem kuota. Kita harus sedar sekarang bahawa pertumbuhan ekonomi adalah satu syarat penting demi untuk kejayaan pelaksanaan rancangan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, tiada perkembangan ekonomi bermakna kemiskinan tidak dapat dibasmikan dan tiada upaya menyusun semula apa pun. Dasar Ekonomi selepas 1990 mestilah bercorak atau berorientasikan kepada perkembangan apa jua dasar atau sistem yang mengandungi kesan negatif atas perkembangan ekonomi harus dibasmikan terlebih dahulu. Jikalau kita sedar bahawa sistem kuota telah menjadi halangan, saya rasa kita mesti berani menukarkannya dengan pendekatan yang lain tanpa menjejaskan kedudukan kaum bumiputera . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam):** *(Bangun)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun di belakang sana, hendak beri jalan tak?

**Tuan Chew Kam Hoy:** Hendak minta apa? Penjelasakah atau . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Penjelasan.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Tidak payahlah, Tuan Yang di-Pertua, masa saya pun tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mengambil langkah pertama yang berani itu untuk memberi kelonggaran Dasar Ekonomi Baru kepada pelabur asing dan tindakan ini telah mengakibatkan kedatangan pelaburan asing beribu-ribu juta kepada negara kita. Jika kelonggaran yang sama dapat diberi kepada pelabur tempatan yang sedia ada di kalangan kita sendiri, saya yakin lebih banyak pelaburan tempatan dapat digalakkan.

Saya ingin mengingatkan dan menasihatkan Kerajaan bahawa terlalu banyak pelaburan asing tanpa peningkatan pelaburan tempatan yang sama merupakan penjajahan ekonomi tidak langsung. Rupa pelaburan asing sekarang bukan bercorak memindahkan teknologi kepada kita, mereka datang untuk memeralatkan kedudukan GSP kita dan juga mengeksploitasikan buruh murah di negara kita. Bagaimana kita boleh merasa bangga dengan kedudukan negara Malaysia sebagai pengeluar utama barangan di dunia sedangkan hampir ke semua kilang di negara dimiliki oleh orang asing.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengambil kesempatan semasa kedudukan nilai matawang kita lemah, kedudukan GSP dan buruh murah untuk mewujudkan satu asas perindustrian tempatan yang kukuh. Saya percaya kita boleh melakukannya jika kita sedia membebaskan pelabur dari segala sekatan dan rintangan, memberi insentif yang sewajarnya kepada mereka supaya mereka dapat bersaing dalam arena perniagaan antarabangsa. Kita harus mendapatkan balik wang ringgit asing dan

keuntungan supaya ia dapat disalurkan untuk pelaksanaan rancangan-rancangan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan masih jujur dan ikhlas mencapai perpaduan negara, sistem kuota yang bercorak perkauman harus dihapuskan dahulu. Sistem kuota itu tidak menjamin keseimbangan pembangunan bagi semua kaum.

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Baharu):**  
(Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bangun minta apa?

**Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Minta penjelasan.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Jika point of order, saya berilah, kalau penjelasan tak payahlah. Peruntukan daripada sumber-sumber negara untuk rancangan tanah yang sesuai dan pembangunan yang lain mesti didasarkan kepada keperluan dan kecemerlangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bekas Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato' Musa Hitam dalam ucapannya, dengan izin, di Fourth Pacific Economic Cooperation Conference pada bulan Mei 1985, menyatakan: "helping hands" yang diberikan kepada kaum yang ketinggalan tidak bermakna spoon feeding them, "Within the Malaysian context especially, it merely misgiving them the necessary exposure to opportunities to advance, while at the same time emphasizing the need for hardwork, self-discipline and productivity".

Tuan Yang di-Pertua, jika segala program untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat tidak dilaksanakan atas prinsip ini, kaum yang miskin, kaum

yang dalam ketinggalan yang tidak akan membebaskan diri dari keadaan ini bila-bila pun.

Tuan Yang di-Pertua, suasana sekarang adalah suasana yang kenang dengan pihak-pihak termasuk saya sendiri, berteka-teki bila pilihanraya umum akan diadakan. Saya berasa susah hati bagi pihak rakyat yang bukan bumiputera kerana ada banyak janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan dalam pilihanraya 1986 masih belum ditunaikan. Janji-janji seperti pindaan seksyen 21 (2) Akta Pendidikan, 1961 dan pengiktirafan sijil dan diploma Kolej Tunku Abdul Rahman, sampai sekarang saya pun tak boleh faham, saya pun rasa hairan mengapa kedua-dua janji ini yang tidak melibatkan peruntukan kewangan, tidak menjejaskan kedudukan bumiputera, macam mana janji-janji itu yang senang ditunaikan tidak dapat ditunaikan. Tambahan pula sekarang Majlis Perundingan Ekonomi Negara masih belum . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Minta penjelasan.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Tuan Yang di-Pertua, tak payahlah.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Takut!

**Tuan Chew Kam Hoy:** Bukan takut, saya hendak elakkan permintaan . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya hendak minta penjelasan.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Tidak payah. Kalau ada point of order saya berilah.

Tuan Yang di-Pertua, tambahan pula Majlis Perundingan Ekonomi Negara masih belum menyelesaikan tugas sebenarnya. Ini pula mereka

kena berhadapan dengan satu lagi pilihanraya umum dan mungkin lebih banyak janji-janji akan dibuat.

Saya berasa sebelum semua janji-janji ini ditunaikan, sebelum Majlis Perundingan Ekonomi Negara menyelesaikan tugas kerjanya dan sebelum Kabinet Kerajaan membuat keputusan tentang Dasar Ekonomi Negara selepas tahun 1990, saya rasa pilihanraya awal tidak patut diadakan. Pilihanraya kali ini tidak harus bercorak politik sahaja tetapi menjadi satu forum untuk rakyat memilih dan menentukan nasib mereka atas peluang mengkaji dasar-dasar pembangunan negara. Dengan demikian, pilihanraya akan menjadi lebih bermakna bukan sahaja memilih parti politik yang akan memerintah negara tetapi juga memilih dasar pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini baharulah kita boleh anggap nasib rakyat Malaysia selalunya terletak di tangan mereka sendiri dan baharulah kita boleh mengakui bahawa Kerajaan yang dipilih memerintah adalah boleh dikatakan sebuah Kerajaan "Government of the people, by the people and for the people".

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada Artikel 12 (3) dan (4) dalam Perlembagaan Persekutuan bahawa hak milik agama bagi seseorang yang di bawah umur 18 tahun terletak di tangan ibu bapa atau penjaganya. Baru-baru ini Kerajaan Negeri Selangor Darul-Ehsan telah meluluskan pindaan kepada Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu apa

wakil MCA di Dewan Undangan Negeri Selangor buat, yang 6, 7 orang itu, mengapa MCA juga ikut luluskan. Sekarang ini MCA . . .

**Tuan Chew Kam Hoy:** Saya belum. . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Batu Berendam, dia belum tahu lagi sama ada dia hendak beri jalan atau tidak.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum habis ayat saya lagi dan dia sudah jadi tidak sabar.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan sama ada Yang Berhormat akan benarkan saya membuat penjelasan selepas dia habis sahaja perkara ini.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Selepas ini saya akan beri penjelasan, okay? Beri saya habis ayat ini dahulu. Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kerajaan Negeri Selangor Darul-Ehsan telah meluluskan pindaan Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 di mana Perkara 67, dalam Enakmen itu membenarkan seorang kanak-kanak bukan Islam yang sudah mencapai umur baligh mengikut hukum syarak memeluk agama Islam. Saya berpendapat. . . .

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Saya belum habis lagi.

**Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar:** Saya minta penjelasan, kalau boleh beri, ini sudah habis, kata tadi hendak beri.

**Tuan Chew Kam Hoy:** Penjelasan tidak beri. Tidak boleh, tidak habis lagi, ada lagi satu ayat. Saya berpendapat pindaan ini bercanggah dengan Peruntukan Perlembagaan

Persekutuan. Saya berharap Kerajaan Persekutuan akan mengambil tindakan untuk menyelesaikan penjagaan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Ulu Rajang.

4.55 ptg.

**Tuan Justine Anak Temenggong Jinggut (Ulu Rajang):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Belanjawan 1990 yang baharu sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Saya ingin juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu belanjawan yang telahpun disokong oleh semua masyarakat di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan ucapan saya kepada mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Sarawak. Dari perangkaan di negeri Sarawak yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri mengenai tenaga kerja dan peluang kerja di negeri Sarawak, jelaslah menunjukkan bahawa dasar mengurangkan kadar kemiskinan ditumpukan di dalam bidang pertanian. Lebih 80% rakyat di luar bandar di Sarawak terlibat dengan kegiatan pertanian untuk sara hidup. Kadar kemiskinan di sektor ini adalah amat tinggi, walau bagaimanapun peruntukan Kerajaan di bidang pertanian di luar bandar di negeri Sarawak semenjak tahun 1964 hingga 1985 adalah menurun. Perangkaan kajian semula dalam Rancangan Malaysia Keempat telah menunjukkan bahawa kadar ini menurun daripada 34% pada Rancangan Malaysia Pertama (1966-1970) kepada 10.9% di Rancangan Malaysia Keempat.

Pada tahun 1985-1988 peruntukan yang dinyatakan di Dewan Undangan Negeri Sarawak ialah 8.1%. Semenjak tahun 1970 hingga kini, berdasarkan

Buletin Perancangan Negeri Sarawak sumbangan sektor-sektor pertanian kepada KNK Sarawak telah menurun. Di dalam tahun 60an pertanian dan perhutanan merupakan sektor yang utama menyumbang kepada ekonomi Sarawak. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penekanan yang lebih ke atas gas dan petroleum sebagai penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sarawak.

Ini merobahkan dalam penekanan dari pertanian kepada sektor luar bandar yang memberi impact yang jelas kepada masyarakat di Sarawak. Oleh itu, saya menyarankan agar tindakan merancang program berikut adalah penting dilaksanakan:

Pertama, Kemudahan Asas dan Infrastruktur—Pembinaan jalan tidak kira bagaimana teruknya pembinaannya akan membuka peluang kepada Kerajaan Negeri menyalurkan berbagai kemudahan kepada rakyat. Rakyat kini hanya bergantung kepada pengangkutan sungai dan merentas hutan belantara. Jalan akan membantu menurunkan harga barang keperluan makanan dan kemudahan barang pertanian dan komoditi yang diangkut. Secara langsung ia memberi peluang meninggikan pendapatan kepada petani-petani kerana wujudnya sistem pasaran yang semakin baik. Oleh itu, saya mencadangkan kepada Kerajaan Pusat untuk menaikkan taraf jalan pembalakan yang sedia ada untuk tujuan ini.

Kedua, Bekalan Elektrik—kemudahan elektrik akan menambahkan masa bekerja penduduk luar bandar. Cahaya yang terang akan memudahkan anak-anak sekolah belajar dan membuat kerja rumah. Turut penting ialah rakyat akan lebih terdedah dengan dunia luar melalui televisyen dan ini akan mengubah sikap supaya rakyat bekerja gijah untuk membangun.

Ketiga, Bekalan Air—Bekalan air, Tuan Yang di-Pertua, yang bersih akan meningkatkan lagi taraf kemudahan luar bandar, khususnya suri rumah. Sungutan ini biasa terdengar dari penduduk di mana sering paip air dan bekalan elektrik yang dipasang tidak pula membekalkan air dan eletrik di rumah panjang atau di kampung-kampung, kerana talian dan paip air dipasang melalui kawasan mereka yang nampaknya hanya untuk orang bandar. Saya berharap sungutan penduduk luar bandar bukan bererti mereka membangkitkan sentimen atau perasaan anti pembangunan bandar, apa yang diminta ialah soal persamaan hak dari segi peruntukan pembangunan.

#### *Input Pertanian*

Kawalan ke atas harga barang keluaran pertanian akan memberi lebih kesan, mengurangkan kadar kos pengeluaran petani-petani dan juga meningkatkan lagi keupayaan pekerja-pekerja mereka. Saya memohon agar satu bentuk kawalan diinstitusikan dan hasil keluaran tempatan dan juga keperluan-keperluan asas dan mustahak diseimbangkan secara lebih harmoni di antara tiga wilayah iaitu Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Satu dasar harga yang harmoni di antara wilayah-wilayah ini akan membantu meninggikan lagi perasaan kekitaan di mana orang Sabah dan Sarawak tidak dibebankan dengan membayar harga yang lebih di dalam pengeluaran ataupun pembelian. Kalau tidak diatasi masalah ini mereka merasakan bahawa mereka telah dijajah secara ekonomi. Sistem sokongan harga kepada keluaran tertentu pertanian khususnya lada hitam adalah perlu.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa peratusan keluarga di Negeri Sarawak yang diertikan sebagai berada di bawah paras kemiskinan telah menurun kepada

6% dalam tempoh tiga tahun dari 3hb Disember, 1984 hingga 31hb Disember 1987. Di satu keadaan kenaikan harga papan gergaji telah memberi sumbangan menurunkan kadar kemiskinan. Satu komoditi yang penting yang telah memberi sumbangan yang amat memerangsangkan dalam mengurangkan kadar kemiskinan ialah lada hitam di mana Sarawak menyumbangkan 95% dari keluaran negara. Pada tahun 1984 harganya di paras rekod yang paling rendah, manakala pada tahun 1987 pada satu rekod yang paling tinggi. Adalah dianggarkan 45,000 keluarga penduduk luar bandar terlibat di dalam menanamkan lada hitam ini. Kira-kira 85% dari keluarga-keluarga yang terlibat dengan aktiviti pertanian campuran dan hampir semuanya menanam 200 hingga 400 rumpun pokok. Di bawah pertanian commercial purata \$12 hingga \$16 dibelanjakan setiap rumpun pokok sebelum diperolehi hasilnya yang mengeluarkan lebih kurang 3 kilogram lada hitam. Di dalam pertanian secara campuran harga satu kilo lada hitam ialah \$3 sampai \$3.50 satu kilogram di mana 40% dari harga adalah untuk kos buruh.

Jumlah sepenuhnya pengeluaran lada hitam Sarawak di tahun ini ialah di antara 2,800 tan ke 22,000 tan di mana kira-kira 7% dari keluaran dunia. Tahun hadapan dianggar akan meningkat kepada 25% iaitu 16% daripada keluaran negara kasar. Pada tahun 1980an, satu kajian telah dijalankan oleh ESCAP atau dengan izin, Economic and Social Commission for the Asia Pacific, menunjukkan adalah tidak mustahil untuk mewujudkan satu sistem mengenai kestabilan harga yang dikenali dengan Price Management Scheme, dengan izin, untuk lada hitam di Negeri Sarawak. Jika dikenali dengan baik dan dibiayai dengan sewajarnya skim ini akan memberi sumbangan kepada urusanniaga di bidang ini. Bagi pihak

pengeluar lada hitam yang merupakan juga pelabur yang mengeluarkan satu jaminan yang jelas bahawa masa depan mereka tidak terganggu berikutan tanaman dirosakkan oleh serangga terutama penyakit, maka saya minta agar satu sistem bantuan harga atau, dengan izin, a price support system diadakan bagi mengkaji semula skim atau masa depan tanaman ini. Kepentingan lada hitam ini adalah disedari wajar dan selaras dengan tindakan kita untuk mengurangkan kemiskinan di Negeri Sarawak sebagaimana yang ditegaskan sebentar tadi. Satu subsidi untuk penduduk termiskin atau "hard core" adalah amat perlu tetapi juga untuk jangka panjang kestabilan harga adalah satu-satunya cara untuk menjamin dan mengekalkan masa depan pengeluaran tanaman ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Surat Beranak dan Kad Pengenalan. Sarawak telah pun merdeka melalui Malaysia lebih kurang 26 tahun. Walau bagaimanapun, masalah mengenai Surat Beranak dan Kad Pengenalan bertambah serius khususnya bagi penduduk di luar bandar. Kebanyakan daripada mereka ini sekarang tidak dapat mengundi khususnya Kaum Punan, mereka tidak dapat melabur di Amanah Saham Nasional dan tidak dapat bekerja walaupun di tempat sendiri ada tempat bekerja, masalah ini jika tidak diatasi dengan secepat mungkin akan menjadi masalah yang sangat serius kerana mereka menjadi, dengan izin, "stateless citizens" walaupun mereka dilahir di Malaysia dan ibu bapa serta saudara mereka adalah warganegara Malaysia. Masalah yang sebenarnya adalah berpunca daripada lambat mendaftarkan kelahiran anak-anak mereka atau "late registration". Ini adalah disebabkan oleh sebab-sebab yang berikut.

Pertama, tidak sedar atau ignorance. Kebanyakan daripada penduduk di luar bandar terdiri daripada orang yang

tidak mempunyai pelajaran untuk menyedari keperluan yang tertentu. Oleh kerana itu mereka melaporkan kelahiran anak mereka lambat.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah kemiskinan dan mereka tinggal jauh daripada service centres ataupun pejabat Kerajaan. Kebanyakan daripada penduduk luar bandar di Negeri Sarawak masih tinggal berkelompok jauh daripada pusat bandar. Oleh yang demikian adalah sukar bagi mereka melaporkan kelahiran anak-anak mereka. Ini adalah memandangkan untuk perjalanan daripada Rumah Panjang mereka kepada pusat bandaraya atau town centre, dengan izin, tersebut adalah memakan belanja yang begitu besar.

Jadi, maka dengan ini saya berunding kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mengambil tindakan untuk mengatasi masalah tersebut. Tindakan pertama, ialah untuk memberi peruntukan yang lebih kepada Pejabat Pendaftar Daerah di Negeri Sarawak supaya pegawai tersebut dapat melawat Rumah Panjang untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk luar bandar. Pada masa sekarang pihak Pegawai Pendaftar di Daerah-daerah seperti Kapit, Belaga, Baram dan Lawas dan lain-lain tidak dapat melawat kawasan-kawasan tertentu yang terpencil kerana kekurangan peruntukan. Ini adalah perlu kerana kebanyakan daripada borang-borang yang diisi oleh sipemohon selalunya salah dan kadang kala penduduk luar bandar kurang faham mengisi borang tersebut yang begitu "complicated".

Tuan Yang di-Pertua, kestabilan mana-mana negara demokrasi adalah bergantung bukan sahaja kepada pembangunan ekonomi tetapi tertakluk kepada kekesanan atau keutuhan sistem politiknya. Kekesanan bererti prestasi sebenar

yang menunjukkan bahawa sesuatu sistem itu telah mencapai faedah-faedah asas Kerajaan di mana seluruh penduduk telah menyaksikannya. Pengiktirafan atau keutuhan ialah melibatkan keupayaan satu sistem meningkat dan mengekalkan kepercayaan institusi-institusi politik yang wujud ini yang telah memainkan peranannya yang sebenar kepada masyarakat. Kedudukan sistem politik demokrasi ini adakala tertakluk seluruh kepada isu-isu utama yang juga dirujuk khususnya kepada latarbelakang sejarah dan persoalan ini telah pun kita selesaikan. Oleh itu dari sudut akhlak dan intelektual, seseorang itu dianggap tidak membantu kepada pembangunan masyarakatnya jika perwatakan seseorang itu tidak memiliki kekuatan rohani untuk meningkatkan lagi dalam dirinya serta kemampuan yang menyeluruh untuk menyatakan tanggungjawab bagi memperbaiki masyarakatnya.

Kita tidak mahu melihat wujudnya satu golongan atau kumpulan individu yang mempunyai kepentingan untuk dirinya dari berbagai sudut yang sebenarnya akan menjahanamkan masa depan negara dan masyarakatnya. Tingkah-laku yang berterusan yang tidak bertanggungjawab ini akan menimbulkan kesan buruk secara langsung kepada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada kita percaya atau tidak dalam corak perkauman yang sebenarnya dalam kehidupan masyarakat di Malaysia ini ialah setiap orang tidak mampu dan tidak lagi praktikal untuk kita hidup secara terpisah di antara satu sama lain. Realiti pembangunan dan kemajuan sebenarnya untuk hidup yang lebih sempurna hanya boleh tercapai apabila kita bergaul dan bercampur, saling tolong-menolong di antara satu sama lain dan faedahnya akan diperolehi melalui kerjasama. Inilah realiti yang

sebenarnya dalam kehidupan dan realiti ini akan kekal selama-lamanya. Inilah asas konsep yang sebenarnya bagi Barisan Nasional untuk berperanan kerana matlamat kita adalah bukan kemenangan mana-mana parti tetapi lebih jauh daripada itu di mana pembangunan negara dan rakyat serta menghimpunkan seluruh sumber-sumber dan menjadikan sebagai satu alat mengukuhkan lagi parti-parti politik di bawah Barisan Nasional. Dengan ini parti-parti Barisan Nasional yang memerintah boleh menyalurkan seluruh sumber-sumber yang ada. Kekuatan yang ada ini bagi membantu rakyat seluruhnya. Saya yakin bahawa matlamat sebenarnya negara untuk meninggikan lagi taraf hidup rakyat berbanding dengan apa yang sebenarnya dilakukan oleh penjajah.

Di kebanyakan majoriti Kerajaan yang ada adalah berdasarkan kepada satu parti atau satu bangsa sahaja. Sesungguhnya Kerajaan tidak boleh memperolehi majoriti sekiranya Kerajaan berasaskan kepada satu parti sahaja atau satu bangsa sahaja. Kita sesungguhnya memerlukan satu tolak ansur dan persetujuan bersama dari berbagai bangsa dalam usaha kita memerintah negara ini ke arah yang lebih aman dan harmoni. Oleh itu kita perlulah mempertahankan perhubungan yang baik di antara berbagai kaum, berbagai agama ke arah mereka untuk bekerjasama, saling berganding-bahu secara langsung, pembangunan dan kemajuan akan tercapai ke segenap peringkat lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mahu menuntut kemerdekaan harapan kita adalah tinggi menggunung dan kita perlu menetapkan matlamat untuk menjadi sebuah negara terbaik yang mempunyai identiti kita sendiri dan mempunyai cara yang tersendiri untuk membangunkan masa depan negara melebihi apa yang dilakukan oleh penjajah dahulu. Di kebanyakan

negara-negara membangun telah mengalami keruntuhan kerana mereka secara beralahan telah memusnahkan demokrasi walaupun tidak mengarahkan kepada sebuah Kerajaan Tentera atau bersifat "anarchy", bukan sahaja disebabkan oleh mereka mengambil peluang mentafsirkan demokrasi sebagai satu permainan untuk mencari populariti sahaja.

Saya sedar kebelakangan ini wujud adanya satu usaha secara perlahan-lahan untuk menjahanamkan peraturan dan undang-undang yang seterusnya akan merosakkan kestabilan negara ini. Kita harus sedar ketika kita memperjuangkan kemerdekaan negara ini kita mempunyai matlamat secara langsung untuk memastikan kehidupan yang sempurna dan generasi yang akan datang. Malangnya masih ada lagi golongan yang tidak menjadikan asas kemerdekaan negara bahkan sebaliknya mereka menggunakan kemerdekaan ini untuk kepentingan sendiri dan idealisme masing-masing bagi memenuhi cita-cita diri dan kumpulan masing-masing.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati adalah amat malang terdapatnya ahli-ahli politik yang tidak mempunyai disiplin yang cukup dan mereka tidak mempertahankan maruah bangsa dan negara dan menjadikan politik satu permainan untuk berkuasa semata-mata dan sebaliknya memusnahkan masa depan masyarakat. Kita harus sedar dunia maju menjangka bahawa negara-negara membangun harus melaksanakan demokrasi tetapi mereka tidak pun membantu kita untuk meningkatkan disiplin. Seluruh dunia juga mengharapkan kita untuk membangun dan pada cita-cita yang sama mereka menggunakan mass media untuk menjahanamkan disiplin dan negara

kita. Inilah percanggahan yang kita sebutkan sebagai, dengan izin, Post War Era of development.

Negara-negara membangun di satu pihak cuba menjadi wira demokrasi dan pembangunan dan di satu pihak yang lain negara-negara maju cuba menggunakan mass media untuk merosakkan kestabilan negara-negara tertentu. Matlamat akhirnya mereka mengamalkan apa yang dipanggil sebagai pendekatan yang double standard, dengan izin. Kuasa-kuasa besar juga nampaknya menyokong negara-negara yang mengamalkan fahaman diktator dan tidak menyokong negara-negara yang mengamalkan konsep liberal.

Adalah menjadi satu irony, dengan izin, dewasa ini di mana kuasa-kuasa bercakap mengenai demokrasi dan di peringkat akhir mereka seolah-olahnya menyokong dictatorship. Ini disebabkan mereka memulakan satu idea yang agak tinggi dan mereka menjangkakan untuk mendapat perubahan yang segera, tetapi malangnya mereka tidak dapat menjawab untuk mengawal perubahan-perubahan yang cepat ini.

Sebenarnya kita berada dalam satu keadaan yang menakutkan selepas Perang Dunia Kedua. Oleh itu, saya mohon agar yang hadir pada hari ini memikirkan sedalam-dalamnya agar kita dapat kekal menjadi matlamat dan akhirnya akan kehilangan kedudukan dalam memerintah. Fahaman mengejar populariti semata-mata tidak akan dapat mengekalkan kedudukan sebenarnya sebagai orang ahli dalam Kerajaan.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan mengenai latarbelakang ini saya berpendapat setelah tiba masanya berdasarkan apa yang telah kita cuba dalam tempoh beberapa

tahun yang lepas setelah daripada apa yang kita lihat di sekeliling kita mengenai kejayaan dan kegagalan negara-negara membangun. Ini semuanya memerlukan kita memahami keadaan sebenarnya dan sebagai untuk mewakili rakyat, kita harus membina pasukan yang baik untuk berkhidmat kepada negara dan bukannya menjadi golongan yang sekadar merayakan atau gembira dengan kedudukan selepas dilantik dan kemudian berhenti sekadar itu sahaja. Kita harus memahami bahawa tahap-tahap kedudukan dalam politik adalah sangat penting dan oleh itu nampaknya permainan populariti ini akan berakhir dalam mainan golongan ahli politik.

Budak yang sering patuh-mematuhi di antara satu sama lain di mana masing-masing berpendapat mereka juga boleh sampai ke atas menjadi orang yang nombor satu. Negeri Sarawak telah mengalami pengalaman ini pada pilihanraya tahun 1987. Kita sedar bahawa populariti kita bukanlah jawapan kepada kemenangan dalam pilihanraya. Dalam pilihanraya tersebut kita telah melihat berbagai tipu-helah, fitnah dan pembohong telah digunakan. Janji-janji palsu telah disebar luas dalam masyarakat yang simple dan mereka telah mempercayai janji-janji itu, tetapi kini janji-janji palsu tersebut telah dilupakan oleh ahli-ahli politik, namun rakyat sebenarnya masih belum lupa. Kelemahan dan kebencian telah diluahkan, oleh itu kita harus berhati-hati untuk berhadapan dengan satu golongan ahli politik yang menggunakan kedudukan untuk menipu rakyat. Sekiranya golongan ahli-ahli politik ini diberi kebebasan dalam masyarakat negeri Sarawak akan penuh dalam melakukan sesuatu yang baik. Pengalaman negeri Sarawak dalam pilihanraya tahun 1987 di mana ahli-ahli politik tertentu telah mengatakan bahawa pembangunan tidak penting. Kita harus

sedar bahawa sebenarnya kemasukan Sarawak ke dalam Malaysia adalah untuk pembangunan dan kita harus sedar bahawa satu perkara sahaja yang menarik perhatian seluruh masyarakat di negara ini yang masing-masing bertujuan untuk pembangunan itu sendiri.

Pembangunan bagi saya adalah satu faktor boleh mendorong kita membina bersatu padu di kawasan-kawasan yang terdiri daripada berbagai kaum, berbagai agama dan berbagai kepentingan. Dalam keadaan ini pun kita dapati bahawa ramai ahli-ahli politik tertua atau parti tertua yang mendakwa bahawa pembangunan tidak langsung berkaitan, tidak membawa apa-apa makna. Inilah kebohongan yang mereka bawa dan juga kejahilan yang ada pada mereka adalah satu yang jahil di mana kita mengabaikan pembangunan kerana pembangunan mempunyai pendekatan disiplin dan ianya boleh dicapai melalui satu pengorbanan dan perhatian yang besar. Mana-mana ahli politik yang mengabaikan pembangunan adalah golongan yang tidak serius untuk membantu keutuhan sebuah Kerajaan. Untuk membangun akan melibatkan satu proses yang rumit di mana kita memerlukan disiplin dalam politik dan sosial harian sebagai satu panduan untuk membuat dan melakukan perubahan. Oleh itu, kita lupa dan mengabaikan pembangunan ataupun melakukan pembangunan secara sambil lewa. Bagi saya pembangunan memerlukan satu kesungguhan yang sebenarnya. Satu daya pemikiran mesti dirangka secara sungguh-sungguh untuk melakukan perubahan kepada masyarakat bagi meningkat kehidupan mereka. Oleh itu, pembangunan adalah kunci kepada usaha-usaha kita demi masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, politik tanpa pembangunan akan menjadi satu cerita yang berpanjangan dan mengandungi pembohongan dan kaunter pembohongan. Ia menjadi per-

mainan ahli-ahli politik di mana masyarakat menjadi penontonnya. Sebagai pemimpin yang dipilih dari rakyat adalah kita sudah mempunyai kekuatan untuk melakukan kerja ini. Inilah keadaan sebenarnya yang akan menentukan sama ada kita boleh memerintah negara ini atau sama ada di akhirnya nanti kita hanya memamaskan tempat duduk setahun dua kali, akhirnya kita bukan sahaja melupakan sejarah tetapi generasi yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada 30hb ini Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah pun membuat satu tuduhan di Dewan yang mulia ini yang mengatakan bahawa saya menggunakan kerusi parti PBDS. Saya ingin menggunakan peluang ini untuk membuat record straight. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Simunjan, Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun dipilih pada tahun 1982 menggunakan kerusi atau mewakili parti SNAP dan saya memenangi pilihanraya 1982 menang tanpa bertanding. Pada tahun 1986 saya sekali lagi menjadi wakil yang mewakili parti SNAP dan tuduhan Yang Berhormat dari Simunjan itu adalah tidak berasas. Ini adalah menunjukkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Simunjan tidak faham keadaan politik di negeri Sarawak kerana beliau telah lama menjadi Menteri di Kuala Lumpur ini, Tuan Yang di-Pertua.

Sejarah di Sarawak menunjukkan bahawa saya mengakui bahawa saya adalah memasuki parti PBDS dalam tahun 1983 kerana pada masa itu ada dipercayai bahawa apa yang diperlukan pada masa itu adalah Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak telah mengatakan bahawa beliau mahu iaitu "the intellectual Dayak", Tuan Yang di-Pertua, dapat bersama-sama di dalam kabinet Negeri Sarawak supaya dapat mengambil peranan untuk membuat polisi-polisi untuk

kebaikan kaum Dayak. Malangnya, perkara ini tidak diikuti dan selepas itu parti PBDS telah pun bergabung dengan parti PERMAS untuk menjatuhkan Kerajaan yang dipimpin oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan selepas itu pada pilihanraya tahun 1987 bahawa Barisan Tiga telah memenangi pilihanraya tersebut. Jadi, ini bermakna bahawa sejarah politik di negeri Sarawak telah dilihat dari segi bahawa Barisan Tiga telah pun membuat satu kompromi dengan semua parti politik di negeri Sarawak, tetapi malangnya ada golongan yang tertentu yang tamak kuasa, yang ingin merompak Kerajaan Negeri Sarawak telah pun kalah. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita nampak Yang Berhormat dari Simunjan tidak lagi duduk untuk menjadi Menteri atau Timbalan Menteri Pendidikan tetapi kesalahan ini bukanlah kesalahan sesiapa kerana beliau sendiri telah memutuskan bahawa beliau telah bergabung dengan parti Pembangkang di Sarawak untuk menjatuhkan parti Kerajaan tetapi parti beliau gagal, siapa yang salah?

Saya berharap Yang Berhormat dari Simunjan janganlah menggunakan Dewan yang mulia ini untuk menjahat-jahatkan Ketua Menteri Sarawakkah, saya sendirikah atau ahli politik yang lain. Tidak ada siapa-siapa di Sarawak, Tuan Yang di-Pertua, yang menyuruh parti PBDS atau PERMAS menyingkirkan diri dari Kerajaan. Mereka sendiri dengan sukarejanya lari daripada Barisan Nasional hendak mengambil kuasa, tamak kuasa, selepas itu kalah. Itulah cerita politik, kerana kebanyakan rakyat negeri Sarawak pada masa sekarang mahu Barisan Tiga iaitu parti PBB, parti SNAP dan parti SUPP memerintah negeri Sarawak. Dan pada saya kemenangan satu-satu parti bukanlah begitu mustahak. Apa yang mustahak ialah cara mana parti politik di negeri Malaysia ini dapat

berganding bahu di mana negara kita Malaysia ini adalah terdiri dari berbagai kaum. Dan apa yang perlu, Tuan Yang di-Pertua, hak untuk bersuara atau hak untuk menyuarakan masalah Dayak bukanlah hak parti PBDS sahaja, hak menyuarakan hal orang Dayak, hak menyuarakan masalah orang Dayak adalah hak Kerajaan keseluruhannya. Masalah yang dihadapi oleh orang-orang Dayak seperti masalah yang dihadapi oleh orang-orang lain adalah masalah kita bersama. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk membuat record straight supaya tidak ada satu parti di Malaysia ini berhak sahaja untuk menyuarakan masalah orang Dayak. Saya sebagai orang tulin Iban pun ada hak. Jadi, saya harap perkara atau parti-parti politik janganlah memainkan isu racialist ini untuk kepentingan politik sendiri dan memberi gambaran-gambaran yang salah kepada orang yang di Kuala Lumpur ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat, sila gulung. Masa sudah cukup.

**Tuan Justine anak Temenggong Jinggut:** Ya. Sekianlah, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong Rang Undang-undang itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

5.30 ptg.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang kerana sejak dua hari saya bangun, baru hari ini boleh bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, di samping saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan Dato' Paduka Daim Zainuddin

tentang Belanjawan 1990, saya rasa inilah satu Belanjawan yang sungguh menggembirakan. Sejak akhir-akhir ini betullah kalau pada pendapat umum yang mengatakan inilah satu Belanjawan yang sungguh baik berbanding dengan Belanjawan-belanjawan yang lalu. Walaupun ada orang mengatakan bahawa Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa Belanjawan ini mudah bagi orang ramai tidur, saya rasa tidaklah diuliti oleh mimpi-mimpi yang mengghairahkan sangat. Saya rasa bahawa belanjawan ini ialah satu belanjawan yang sungguh menguntungkan semua pihak dan tidak mencederakan mana-mana pihak. Ini kesemuanya adalah bergantung kepada kestabilan politik yang diasaskan atas rasa tanggungjawab mengekalkan keharmonian dalam negara kita. Kerana kestabilan inilah, dan keharmonian inilah, segala usaha yang dibuat oleh Kerajaan dari masa ke semasa mendapat tempat yang baik dan memberi manfaat kepada negara dan rakyat.

Sejak Belanjawan ini dibentangkan dua-tiga hari ini dalam perbahasan yang sungguh kadangkala mencuit hati kita dan menimbulkan kemarahan di antara satu pihak dengan pihak yang lain, oleh kerana lahirnya daripada emosi dan perasaan yang begitu meluap-luap yang menimbulkan tuduhan-tuduhan dan fitnah-fitnah terutama kepada pemimpin-pemimpin dan Kerajaan. Bukan sahaja datangnya dari golongan pembangkang, yang kita memang tahu pembangkang ini sengaja menimbulkan satu keadaan yang tidak begitu disenangi, tetapi rasa kecewa bahawa ada juga di kalangan anggota-anggota komponen Barisan Nasional sendiri yang mempermainkan isu-isu yang tidak patut dilahirkan semula dalam Dewan yang mulia ini. Sedangkan Barisan Nasional mempunyai Majlis Tertinggi atau "Supreme Councilnya" sendiri yang

boleh dirujuk satu-satu perkara. Apakah forum di sini dapat menyelesaikan masalah-masalah dalam kekeluargaan Barisan Nasional sendiri? Apakah di sini dapat merupakan satu tempat yang boleh menonjolkan satu hujah yang mencuit hati dan perasaan di antara kaum dalam negara kita? Cukuplah di Dewan Parlimen, Dewan yang mulia ini, pada tiap-tiap tahun kita mendengar hujah-hujah yang datangnya dari kekeruhan hati, kecurigaan dan berbagai-bagai lagi masalah yang wujud di kalangan kita sendiri dalam anggota-anggota komponen.

Sebagai sebuah negara yang demokrasi kita bersyukur di negara kita banyak parti wujud dan dibenarkan mengikut undang-undang. Kewujudan ini memberikan peluang dan satu hak demokrasi yang tulen kepada rakyat. Apa sahaja parti yang hendak ditubuhkan, dia boleh ditubuhkan dengan tidak ada batasan sepertimana parti-parti di negara lain yang hanya ada dua-tiga buah parti sahaja yang ada di dalam sesebuah negara itu. Amalan demokrasi yang begitu baik telah dilaksanakan di negara kita ini yang sudah dipraktikkan dan walaupun sama ada dia parti besar atau parti kecil, jikalau dia berpeluang menduduki di Parlimen dia akan dapat melahirkan sesuatu untuk apa yang dibentangkan, dengan harapan. Ada yang ikhlas, ada yang tidak ikhlas, ada yang cuba hendak memancing undi dalam pilihanraya depan dan ada yang hendak mempertahankan kedudukannya dan sebagainya dan bermacam-macam lagi kareneh yang ada dalam Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kepada Ahli-ahli Parlimen khasnya kita harus sedar bahawa dalam membentuk sebuah masyarakat dalam masyarakat majmuk ini, masyarakat yang berlainan bahasa, kebudayaan, bangsa dan keturunan

dan sebagainya ini, kita harus waspada tentang setiap patah ucapan kita. Tiap-tiap orang yang menyentuh perasaan-perasaan ini juga akan tercuit di hati. Kalau tersinggung perkara ini, kalau selama ini kita membina suatu benteng yang kukuh kekuatan perpaduan kita, tetapi kalau seringkali diketuk, benteng yang kukuh juga akan roboh kelak.

Tuan Yang di-Pertua, mengalih saya kepada Ucapan Belanjawan ini berhubungan dengan sektor pertanian, di mana saya rasa banyak orang sentuh bidang lain, saya hendak sentuh pertanian kerana kawasan saya di Kedah ialah kawasan pertanian. Negeri Kedah menjadi miskin pun kerana pertanian. Kerana sektor pertanian ini, kawasan saya mengandungi pesawah, nelayan, pekebun kecil getah. Inilah manusia-manusia yang wujud dalam kawasan saya, yang hidup kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Kemiskinan adalah satu pusaka yang telah ada dalam kawasan saya.

Biarlah saya sentuh soal mereka. Sektor pertanian telah menjadi asas ekonomi negara kita ini. Saya amat berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam pembentangan Belanjawannya telah memberi satu peruntukan yang sungguh menggembirakan. Dalam peruntukan 1990, kira-kira \$1,693 juta diberi untuk Perbelanjaan Pembangunan bagi Kementerian Pertanian. Saya minta maaf, kalau ada perkara-perkara yang saya akan sentuh di bawah Kementerian ini lebih banyak teguran kerana ini saya melahirkan kehendak-kehendak rakyat di kawasan saya sendiri. Kita sedar bahawa dalam peruntukan ini ialah dalam usaha pembangunan tanah dan pemulihan tanah-tanah terbiar, dan berbagai-bagai rancangan penanaman semula. Dalam hal ini, rakyat di desa-desa di

kawasan-kawasan luar bandar, bukanlah memiliki tanah yang besar-besar, malahan sebahagian besar mereka bukan tuantanah. Mereka hanya penyewa-penyewa kepada tuan-tuan tanah. Kadang-kadang mereka juga telah menjadi mangsa kepada tuan-tuan tanah apabila tanah sewa itu telah dijual dan sebagainya. Mereka hanya ada harta yang ada pada mereka iaitu tenaga tangan dan kaki mereka sahaja. Nampaknya tuan-tuan tanah ini, apabila projek-projek pembangunan dan perumahan semakin hebat dan itulah satu hasil yang baik, maka mereka lebih rela menjual tanah, kawasan-kawasan pertanian semakin pupus. Apabila ruang-ruang tanah ini digunakan untuk pembangunan perumahan dan sebagainya, kawasan-kawasan pertanian semakin dihapus dan mereka telah kehilangan pekerjaan. Kalaulah di kawasan sawah padi di Kedah sebahagian besarnya manusia di situ bergantung kepada hasil padi, kawasan mereka telah habis apabila projek-projek pembangunan yang lain telah naik. Kalaulah projek-projek pembangunan itu dapat mendatangkan manfaat kepada mereka sendiri alangkah baiknya.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini jugalah Kerajaan harus memberikan perhatian. Kalau ada sebahagian tanah yang dahulunya dikenali sebagai Tanah Simpanan Melayu (Malay Reservation). Kalaulah pengambilan tanah ini untuk dimajukan, yang dihabiskan atau dicabutkan Malay Reservation ini, maka Kerajaan harus gantikan kawasan tanah yang lain supaya dapat angka yang sama dengan tanah pengambilan Tanah-tanah Simpanan Melayu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terima kasih kepada Kerajaan yang telah memberi peruntukan dalam membantu penanam padi dengan menambahkan subsidi harga padi. Walaupun ini suatu subsidi kalau pada

satu-satu nisbah yang lain barangkali rasa malu juga penanam-penanam padi hanya bergantung kepada subsidi. Tetapi kalau tidak mendapat subsidi ini, mereka mengabdikan diri mereka dalam tanah-tanah sawah mereka tidak mendapat hasil yang sewajarnya. Apatah lagi dengan keadaan harga padi yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Oleh yang demikian, dengan subsidi ini dinaikkan pula sehingga \$84 juta, kita amat alu-alukan. Apa yang saya perlukan di sini, ditegaskan di dalam Dewan yang mulia ini, dalam pemberian kupon-kupon subsidi padi ini di mana petani-petani akan dapat menerusi kaunter-kaunter LPN, di Kompleks LPN harus pihak LPN mengkaji semula sistem kupon ini supaya sistem ini dapat benar-benar memberi satu jalan yang mudah kepada penanam padi untuk mendapat wang sumbangan Kerajaan subsidi kepada harga padi mereka. Janganlah pula membuatkan sesuatu yang menyulitkan mereka. Umpamanya kalaulah di Kedah pada satu relung tanah yang boleh dapat sehingga 20 hingga 25 guni padi apabila hendak mendapat kupon subsidi ini nampaknya LPN sangat berat mengeluarkannya. Kerana kadar yang dinisbahkan oleh LPN mungkin di antara 16 hingga 18 guni padi sahaja. Apabila lebih daripada itu menyebabkan ada separuh yang tidak dapat mengambil semula wang subsidi mereka.

Rakyat amatlah rasa gelisah dalam hal ini dan saya menyeru kepada LPN supaya dapat memberi perhatian kepada mereka, berilah kelonggaran dan kemudahan dan pastikan kalau MARDI dan kalau badan-badan lain telah mewujudkan benih-benih padi yang baik yang boleh mendapat hasil yang banyak maka jangan diragukan. Tidak ada padi yang boleh datang daripada Thailand untuk dijual dalam negara kita untuk mendapat subsidi padi.

Saya rasa penanam-penanam padi di Kedah amat ikhlas dalam soal ini. Mereka juga ada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang boleh mengesahkan bahawa mereka benar-benar mendapat hasil yang betul-betul daripada tanah sawah mereka. Tetapi nampaknya pihak LPN masih meragukan lagi tentang hasil usaha yang baik daripada tanaman yang baik oleh penanam padi kita.

Itulah harapan saya kepada LPN. Cubalah cari jalan yang dapat memberi kemudahan dalam menyalurkan bantuan subsidi padi yang diberikan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh dalam bidang pertanian ini juga, saya ingin menyentuh tentang perkara pasaran buah-buahan.

Nampaknya di Kedah walaupun kawasan MADA itu luas, tetapi ada banyak kawasan-kawasan yang terbiar, bukan sahaja kepunyaan rakyat yang terbiar, kawasan yang dimiliki oleh agensi Kerajaan juga terbiar. Yang sepatutnya kawasan ini juga harus ditanam dengan pohon-pohon buah-buahan yang sesuai dengan keadaan iklim dan tanah di kawasan itu.

Kita tahu bahawa buah-buahan kita telah pun mendapat pasaran di luar negeri di mana usaha-usaha kita mengeksport buah-buahan kita seperti mana pisang emas, belimbing besi dan lain-lain lagi yang mendapat perhatian di pasaran-pasaran luar negeri.

Kita tahu MARDI telah berusaha menjalankan kegiatan bungkus dan sebagainya yang baik dan menjaga buah-buahan ini supaya lebih baik dan segar apabila tiba di pasaran. Kita juga harus memberi perhatian. Kementerian Pertanian harus memberi galakan kepada mereka yang dapat mencipta usaha-usaha yang baik dalam memajukan teknologi di bidang pertanian. Janganlah pegawai-pegawai

itu hanya membuat sedikit memberi pujian, ucap terima kasih, tahniah sahaja; kita beri satu imbuhan kepada mereka. Kalau mereka dapat mencipta sesuatu yang lebih berkesan dan baik yang mendatangkan faedah kepada negara, kepada petani-petani kita, apatah salahnya kita memberi imbuhan yang kedudukan mereka yang baik sama ada sumbangan merupakan mata-benda dan sebagainya atau kenaikan pangkat dan menambahkan imbuhan-imbuhan yang sesuai dengan penonjolan satu-satu ciptaan mereka bagi menghasilkan satu teknologi yang baik dalam bidang pertanian ini.

Saya tidak pernah dengar selama ini yang ahli-ahli pertanian kita mendapat sumbangan yang baik daripada Kerajaan atas usaha mereka menciptakan sesuatu yang berfaedah kepada petani-petani kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian yang telah memperkenalkan air kelapa muda yang dulunya air kelapa muda banyak orang takut dengan kelapa muda ini kononnya pada orang-orang yang sakit urat dan mengurangkan kekuatan tenaga batin. Tetapi air kelapa muda semakin dipopularkan dan sudah menjadi hidangan di hotel-hotel kita. Malahan tamu Ketua-ketua Negara kita juga telah pun disumbangkan dengan air kelapa muda.

Menteri kita juga telah memperkenalkan pula ulam yang selama ini ulam hanya yang ada di Chow Kit untuk manusia-manusia yang datang daripada kampung sahaja yang boleh makan. Untuk kelas-kelas bawahan sahaja. Tetapi hari ini sudah disalurkan menerusi hotel-hotel kita, di coffee house-coffee house serta di restaurant-restaurant yang besar, sudah ada ulam-ulam ini. Ini kejayaan yang dibuat oleh Menteri kita.

Dan baru-baru ini pula khasiat daripada ulam-ulam ini belum lagi dikenali oleh umum sama ada ulam-ulam ini seperti mana apa yang dikenali sekarang dengan Tongkat Ali pula yang diperkenalkan oleh sebuah universiti.

Kita beri terima kasih kalau Menteri pula boleh mengisytiharkan "Tongkat Ali"lah satu akar kayu yang baik, yang boleh memberi kekuatan kepada tenaga-tenaga lelaki ini. Ada lagi akar-akar kayu di hutan macam di Perak ada sebut dalam Dewan Negerinya "Kacip Siti Fatimah". Ini juga satu bahan-bahan yang boleh dimajukan dan sekarang kita lihat bahawa di kaki-kaki lima, di pasar banyak sudah tabib-tabib tradisi yang memperkenalkan "Tongkat Ali" dan semakin maju. Dan ini juga patut diberi pujian kepada mereka yang telah mengusahakan ini kalau usaha ini benar-benar berjaya.

Yang saya hendak perkatikan di sini kalau sudah dua tiga perkara sudah diwujudkan, saya tertarik hati dengan suatu lagi ucapan Menteri baru-baru ini dengan adanya satu projek yang dikenali dengan nama "Estet Ikan". Estet Ikan ini, saya sungguh alu-alukan. Apabila saya pandang kepada ikan kita akan nampaklah laut dan lautan yang biru dan nelayan yang bertungkus lumus yang datang daripada pantai, turun ke laut mencari rezeki untuk anak-anak dan isteri. Dan kita lihat bahawa mereka memperjudikan nasib mereka di tengah samudera luas. Nelayan-nelayan ini amat kecewa sekali dalam peruntukan Belanjawan 1990 tidak ada apa pun peruntukan yang begitu istimewa untuk nelayan ini. Kepada penanam padi telah dapat subsidiya. Kepada pekebun kecil dan lain-lain lagi tetapi kepada nelayan saya tidak nampak satu Butiran yang menunjukkan usaha-usaha pembangunan nelayan ini benar-benar diadakan.

Dalam keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya merayulah kepada Kementerian dan kepada Kerajaan

khasnya, berilah perhatian kepada nelayan. Sekurang-kurangnya sejumlah 160,000 keluarga nelayan yang masih wujud di Semenanjung kita, yang masih lagi "kais pagi makan pagi, kais petang makan petang".

Saya terima kasih walau pun ada usaha pihak Kementerian dalam memajukan tangkapan ikan di laut dalam tetapi berapa gelintir anak nelayan ini yang dapat mengharungi laut yang sebegitu luas. Dan kita tahu adanya Akta Perikanan yang baik, tetapi dalam akta ini usaha-usaha tidaklah baik. Tidak ada usaha yang membangunkan nelayan. Usaha-usaha yang tercatat dalam akta ini banyak penguatkuasaan (enforcement).

Kita pun terima kasih, sudah banyak juta ringgit wang denda kerana pencerobohan daripada nelayan-nelayan luar. Kalau kita bandingkan nelayan yang kena denda lebih banyak nelayan daripada dalam negeri kita sendiri. Tidakkah dalam Akta ini dapat mewujudkan satu usaha pembangunan perikanan ini dalam bentuk lain yang dari bidang teknologi perikanan ini, macam mana kita hendak menaikkan lagi hasil kepada nelayan-nelayan ini. Saya sudah dua tiga kali menimbulkan di dalam Dewan ini tentang persoalan saya ini.

Kita dapati bahawa nelayan ini sudahlah mereka ini miskin dan mereka diabaikan walaupun pernah dahulu diberi subsidi kepada nelayan-nelayan tradisi, tetapi sejak tahun 1986 sehingga hari ini, walaupun keadaan ekonomi yang sudah mulai berkembang, subsidi ini sepatutnya dihidupkan semula. Bantulah mereka, carilah nelayan-nelayan yang betul-betul memerlukan dan membekukan lesen-lesen pukut tunda, dan yang selama ini dibekukan haruslah dibuka semula. Kalau nelayan tradisi hendak mengubah cara hidup mereka dengan cara baru yang lebih baik keadaannya yang bekerja di persisiran pantai, maka

mereka harus juga diberi kesempatan untuk mengubah cara hidup mereka dengan cara baru. Kalau mereka berusaha dapat mengubah cara tradisi mereka dengan menggunakan bot yang lebih besar sedikit ke bawah 25 tan, mereka dapat menambahkan pendapatan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, sedangkan keadaan nelayan yang lazimnya tinggal di pantai, mereka bukan mudah mendapat kemudahan yang baik bagi anak-anak mereka dengan keadaan hidup mereka yang jauh ketinggalan daripada tempat-tempat persekolahan yang baik. Mereka patut diberi pertimbangan yang khusus dengan memberi tambahan subsidi dan mengadakan kawasan-kawasan bagi nelayan-nelayan ini, kerana di Kedah saya tidak nampak lagi penempatan nelayan ini wujud. Kita tahu bahawa di Kedah hanya usaha yang ditonjolkan sangat-sangat oleh Kementerian ini ialah 28 unit sangkar ikan yang ada di Sungai Merbuk. Setakat berapa keluarga nelayankah yang boleh mendapat faedah daripada 28 unit sangkar ikan ini? Sedangkan nelayan di Kedah ada hampir lebih 10,000 keluarga yang sepatutnya usaha-usaha lain juga dibuat.

Saya menyarankan kalau Kementerian Pertanian dapat memberi pertimbangannya, kerana di Kedah ada segugusan pulau-pulau, rangkaian 4 buah pulau yang berada di negeri Kedah yang boleh dijadikan satu kawasan estet ikan tadi, hendaklah diadakan satu usaha mengadakan benteng pemecah ombak, hadangan daripada pecahnya ombak yang boleh dibuat di antara pulau-pulau ini. Dari situlah usaha ternakan air ini sama ada hendak mengadakan perusahaan sudu, kupang, kerang dan lain-lain lagi yang boleh menambahkan hasil nelayan. Tetapi malangnya ada lagi sebuah pulau yang digunakan oleh Tentera Udara Di Raja kita yang dijadikan tempat latihan mengebom. Kalau kita hendak membuat kawasan perikanan

ini, maka haruslah pulau-pulau yang boleh membisingkan bagi kegiatan nelayan ini harus diubah. Biarlah kita gunakan kawasan nelayan yang betul-betul kawasan yang sepi yang ikan mudah dapat hidup dengan banyak dan ini yang patut diberi perhatian oleh Kementerian.

Dalam kezaman ini, kita harap kalau bolehlah kita tonjolkan penempatan nelayan, macam mana kita buat kepada rancangan-rancangan FELDA. Kalau di FELDA kita boleh menempatkan peneroka-peneroka daripada pekebun-pekebun kecil dan penanam padi, maka apa lagi kepada nelayan-nelayan ini kalau penempatan ini betul-betul direncanakan dengan betul daripada ahli-ahli yang bijakpandai dalam soal ini, Saya rasa nelayan akan dapat menikmati skim ini.

Tuan Yang di-Pertua, estet ikan yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian ini harus benar-benar dilaksanakan dan kita mahu melihat kejayaan ini betul-betul wujud dan manfaat kepada nelayan-nelayan kita. Biarlah nelayan-nelayan kita akan memimpikan satu harapan yang begitu cerah kepada jenerasi mereka untuk hidup lebih baik daripada apa yang mereka lalui selama ini sebagai nelayan-nelayan yang berada di pantai-pantai. Yang demikian, usaha-usaha yang lebih dinamis dalam bidang ini harus diberi penumpuan bukan sahaja dari Kementerian Pertanian tetapi Kementerian-kementerian lain juga yang ada sangkut-paut penglibatannya dengan penghidupan nelayan-nelayan ini dan kebajikan mereka harus diberi perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah berhubung dengan zon-zon perikanan tangkapan ikan yang banyak diadakan. Sekarang sejak wujudnya zon ini, beratus buah bot yang telah ditangkap dan ditahan kerana zon-zon ini. Ini harus dikaji

semula, kerana kadang-kadang zon ini juga akan memerangkap nelayan kita sendiri dan merosakkan kedudukan nelayan kita sendiri bukan sahaja menyekat kemasukan nelayan-nelayan dari negeri jiran tetapi nelayan-nelayan kitalah yang menjadi mangsa. Mereka sekarang menjadi mangsa kepada pegawai-pegawai penguatkuasa di dalam laut, kerana laut tidak ada boya-boya atau tiada tanda-tanda yang menunjukkan sejauh manakah kawasan-kawasan zon yang ditetapkan. Mereka ini selalunya menjadi mangsa kepada pegawai-pegawai penguatkuasa dan nelayan-nelayan ini dikenakan denda lebih daripada \$6,000 bagi setiap orang yang pendapatan mereka satu hari hanya \$5 atau \$10. Mereka tidak sepatutnya hendak membayar denda kalau mereka dihukum dan mereka lebih rela masuk penjara. Ini apa yang telah berlaku dalam kawasan saya sendiri. Menangis anak isteri, baru kali pertama suaminya turun ke laut, suaminya sudah ditangkap kerana zon perairan ini yang kononnya telah dikuatkuasakan dan mahkamah telah menghukumkan denda \$6,000 kepada mereka tiap-tiap seorang, apakah yang hendak dibayarkan. Mereka tiada harta pada isterinya yang hendak digadaikan, tiada rumah yang boleh disewakan dan tiada punca-punca lain yang hendak membayar denda-denda ini. Saya harap dalam keadaan zon-zon ini juga harus dikaji semula. Berilah kesempatan kepada mereka.

Dengan sebab itu, saya merayu dalam Dewan yang mulia ini supaya pihak Perikanan harus mengkaji keadaan ini, janganlah memerangkap nelayan kita yang kecil yang hanya hidup kais pagi makan pagi ini menjadi mangsa daripada penguatkuasaan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sila gulung.

**Tuan Haji Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih banyak dalam usaha Kerajaan mengadakan infrastruktur kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar kerana kawasan saya ini kawasan luar bandar. Dalam keadaan ini kita masih memerlukan lagi jalan-jalan dan titi-titi kepada penduduk-penduduk di luar bandar. Dalam hal ini juga saya suka mengingatkan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya memberi peruntukan yang lebih banyak kepada kawasan-kawasan luar bandar ini, kerana di luar bandar masih lagi memerlukan jalan-jalan yang lebih sempurna bukan sahaja jalan yang hanya boleh digunakan oleh basikal, motosikal sahaja tetapi juga boleh dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat sekalipun dan kenderaan yang bertaraf baik atau sekurang-kurangnya satu jalan ladang. Para penduduk luar bandar juga amat sukar untuk mendapatkan kelas-kelas pra sekolah bagi anak-anak mereka. Yang demikian KEMAS dalam Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar harus mengadakan lebih banyak lagi kelas-kelas pra persekolahan bagi memudahkan anak-anak di luar bandar memasuki ke dalam kelas-kelas Tadika yang dianjurkan oleh KEMAS.

Sekarang ini saya tengok di kawasan saya pun tidak berapa buah sahaja. Eloklah dipergiatkan lagi. Anak-anak luar bandar amat payah mendapat pelajaran asas begini. Oleh yang demikian, saya merayulah supaya Kementerian ini akan memberi perhatian sepenuhnya dalam memperbaiki taraf hidup penduduk luar bandar. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohammed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

6.01 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang):**

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 1990 telah disifatkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sebagai satu Belanjawan untuk setiap rakyat Malaysia. Saya tidak menafikan bahawa dalam beberapa cara tertentu Belanjawan ini membantu mengurangkan kesusahan rakyat Malaysia tetapi hakikatnya tidak dikenakan cukai-cukai baru dan pengurangan cukai dan pengecualian cukai tidak semestinya bermakna bahawa setiap rakyat Malaysia memperolehi faedah terutamanya golongan miskin dan berpendapatan rendah.

Dalam aspek memberi faedah ketara ataupun tangible benefits, dengan izin, yang sebenar kepada rakyat banyak yang boleh dilakukan oleh Kerajaan pada masa kini kerana kedudukan kewangan Kerajaan telah bertambah baik. Pengurangan duti import dan duti eksais serta penghapusan cukai pokok 5% ke atas serangkaian barang makanan dan barang keperluan rumah dan setengah-setengah barang pengguna, walaupun dialu-alukan tidak akan secara automatik menghasilkan pengurangan harga barang-barang dan perkhidmatan sebagaimana yang telah dibuktikan dalam Belanjawan yang lalu. Sebagai contoh, pengecualian cukai jualan ke atas bahan binaan untuk rumah terutamanya rumah kos rendah pada masa lalu tidak berakhir dengan penurunan harga rumah untuk mereka yang memerlukan rumah. Apakah jaminan para pemaju akan mengurangkan harga rumah terutama rumah kos rendah dengan pengecualian cukai jualan yang diberi kepada bahan-bahan seperti concrete dan building bricks and blocks, dengan izin. Jadi, keseluruhan pengurangan cukai dan pengecualian tidak bermakna ke

pada rakyat Malaysia dan membayar cukai melainkan Kerajaan berupaya menjalankan pemeriksaan dan mengambil langkah yang perlu bagi memastikan bahawa faedah sampai kepada pengguna.

Belanjawan 1990 patut mengandungi cadangan-cadangan untuk pelepasan cukai yang tinggi bagi pembayar-pembayar cukai, isteri mereka dan anak-anak jika Kerajaan hendak melihat faedah jenis ketara yang boleh dinampak dan dirasai oleh rakyat Malaysia. Sebagai contoh, pelepasan cukai yang ditetapkan 10 tahun yang lalu harus disemak semula dan dinaikkan. Dalam cara ini, pencari nafkah biasa akan mendapat faedah dalam bentuk lebih banyak simpanan.

Pada pandangan saya, pelepasan jenis perseorangan iaitu \$5,000 hendaklah dinaikkan kepada \$6,000 untuk isteri dinaikkan kepada \$3,000 diikuti oleh satu kenaikan untuk pelepasan anak-anak dari sekarang \$650 ke \$1,500 untuk anak pertama, dari \$750 ke \$1,250 untuk anak yang kedua dan dari \$800 ke \$1,000 untuk anak yang ketiga. Ini patut dipertimbangkan sebagaimana belanja membesarkan anak dan memelihara mereka semakin bertambah.

Berhubung dengan pengurangan cukai jalan bagi jenis motosikal, saya berasa Kerajaan patut menimbang kepentingan sebahagian besar pemilik motosikal dengan mengurangkan cukai jalan motosikal berkuasa jenis kuda 75 ke 250. Dengan mengurangkan cukai jalan bagi motosikal antara 250 cc ke 500 cc dari \$150 ke \$100 setahun, Kerajaan hanya membantu sebahagian kecil pengguna dan tidak akan mempunyai kesan penting ke atas orang biasa seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Lebih-lebih lagi kapasiti enjin motosikal yang besar adalah diimport. Enjin motosikal yang mempunyai kapasiti kecil adalah untuk mereka

yang berpendapatan rendah dan saya rasa Kerajaan patut menimbangkan pengurangan cukai jalan bagi golongan pengguna ini.

Sebuah Kerajaan yang memeningkan pekerja Malaysia terutama mereka yang telah diberhentikan kerja hendaklah juga mengambil langkah menghapuskan cukai ke atas pembayaran faedah pemberhentian kerja kepada golongan berkenaan.

Mengenai perkara penswastan, saya ingin menggesa supaya diadakan perbincangan awam yang penuh mengenai plan induk penswastan Kerajaan sebelum ianya dilaksanakan memandangkan beberapa kontroversi timbul dari Dasar Penswastan Kerajaan terutama penswastan kemudahan awam seperti Telekom diikuti oleh Lembaga Letrik Negara dan Keretapi Tanah Melayu. Dasar Penswastan Kerajaan hendaklah dibincangkan sepenuhnya oleh pertubuhan kepentingan awam, masyarakat profesional dan orang ramai yang mengambil perhatian berat kerana sesetengah projek yang diluluskan untuk diswastakan pada masa yang lalu telah menimbulkan persoalan etika dan "integrity". Sebagai contoh, penswastan Lebuhraya Utara/Selatan. Memandangkan cadangan Kerajaan untuk menyegerakan program penswastan telah menyenaraikan sejumlah 246 perusahaan milik Kerajaan yang bernilai lebih kurang \$16.33 bilion untuk diswastakan adalah perlu supaya perkara ini dikaji sepenuhnya sebelum dilaksanakan.

Saya menyeru Unit Perancang Ekonomi memberitahu yang manakah syarikat milik Kerajaan yang hendak diswastakan untuk kepentingan orang ramai oleh kerana mereka mempunyai hak untuk mengetahui apakah syarikat-syarikat itu, Dasar penswastan Kerajaan juga merupakan satu bidang yang mendapat

perhatian berat kakitangan-kakitangan sektor awam mengenai syarat pekerjaan mereka dan lain-lain faedah serta sistem perhubungan perusahaan. Adalah satu kenyataan yang diketahui umum bahawa banyak kesatuan perkhidmatan awam tidak bersetuju dengan Dasar Penswastan Kerajaan dan kesan ke atas syarat-syarat, pekerjaan kakitangan perkhidmatan awam. Untuk memastikan bahawa penswastan berjalan dengan tidak bertentangan dengan kepentingan awam adalah perlu mempunyai satu mekanisme peraturan yang baik untuk menyekat kewujudan monopoli dan mencegah campurtangan Kementerian secara *ad hoc* untuk membentasi amalan yang tidak adil. Saya menyeru Kerajaan untuk menubuhkan pihak berkuasa peraturan yang baik bagi mencegah monopoli oleh syarikat-syarikat swasta yang sedang berjalan. Kos perkhidmatan ekoran penswastan mestilah berpatutan dan mutu perkhidmatan tidak dikorbankan untuk keuntungan.

Belanjawan 1990 membuat peruntukan sejumlah \$9,257 juta untuk belanja pembangunan. Daripada peruntukan pembangunan ini \$2,656 juta adalah untuk sektor sosial dan sejumlah \$113 juta ialah untuk perumahan. Mengenai perumahan saya terpaksa menyatakan perasaan amat dukacita malah perasaan yang kecewa bahawa ratusan ribu keluarga yang tidak berupaya memiliki rumah sendiri terpaksa terus tinggal dalam tempat kediaman yang disewa atau rumah-rumah setinggan. Setelah meneliti rekod Rancangan Malaysia Kelima dan prestasi pelaksanaan program khas perumahan kos rendah prestasi Kerajaan dalam menyelesaikan keperluan perumahan untuk rakyat terutama golongan miskin dan berpendapatan rendah adalah jauh dari memuaskan.

Saya sering menyatakan bahawa kita tidak boleh bergantung kepada sektor swasta untuk menyelesaikan keperluan

perumahan bagi golongan miskin. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyelesaikan keperluan perumahan golongan miskin dan tidak melepaskan tanggungjawab itu kepada pemaju swasta yang hanya berminat mencari keuntungan. Penyelesaian kepada keperluan perumahan golongan miskin adalah terletak dalam dayausaha Kerajaan untuk melaksanakan satu program perumahan besar-besaran, untuk membina rumah yang berharga kurang dari \$25,000 untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah, terutama untuk Kuala Lumpur dan bandar besar yang lain. Perumahan kos rendah dalam lengkongan \$15,000 hendaklah dibina secara besar-besaran dengan penyertaan semua Kerajaan Negeri untuk memberi secebis harapan kepada rakyat yang telah hilang harapan untuk memiliki tempat perlindungan.

Dari peruntukan pembangunan sektor sosial, bahagian yang terbesar peruntukan diberikan kepada pendidikan yang menelan belanja \$1,623 juta. Dasar-dasar pendidikan mempunyai kesan yang serius, tidak sahaja untuk meningkatkan sumber tenaga manusia, tetapi juga menggalakkan keharmonian, persefahaman dan perpaduan. Pendidikan ialah satu perkara yang menerima perhatian yang berat dan minat kepada ramai orang dan oleh itu mesti diputuskan setelah masa dan peluang mencukupi diberikan untuk perundingan demokratik dengan semua golongan masyarakat Malaysia.

Sekarang Kerajaan sedang dalam proses mengkaji semula Akta Pelajaran Tahun 1961, bagi memastikan bahawa sistem pendidikan boleh menyediakan orang muda untuk menghadapi cabaran-cabaran pembinaan negara pada masa yang akan datang. Saya suka menggesa Kerajaan supaya berunding dengan

semua lapisan masyarakat Malaysia dan bersedia memenuhi keperluan semua masyarakat.

Apa juga dasar ke atas pendidikan dan latihan dalam dasar ekonomi selepas tahun 1990 mesti menggabungkan semangat progresif dan maju dengan tujuan untuk menggalakkan perpaduan antara berbagai kaum menerusi demokrasi sosial dan kebudayaan. Secara lebih khusus hak dan peluang pendidikan ibunda serta peluang-peluang lebih besar bagi golongan miskin di Malaysia mestilah disediakan secukupnya. Memandangkan belanjawan pembangunan pendidikan yang besar untuk tahun 1990 yang perlu dialu-alukan, maka hendaklah disediakan lebih banyak peluang untuk pendidikan tinggi dengan tujuan untuk meningkatkan taraf akademik dan profesional rakyat bagi memenuhi keperluan pembangunan negara. Untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat dalam pelajaran tinggi, Kerajaan patut membenarkan penubuhan universiti-universiti dan maktab bukan Kerajaan yang mempunyai sumbangan terpenting dan dalam mendidik dan melatih sumber tenaga manusia.

Sistem kuota pengambilan pelajar yang berasaskan kaum itu ke dalam pelbagai pusat pengajian tinggi tempatan hendaklah digantikan dengan satu sistem baru yang berasaskan keperluan sosio-ekonomi dan kelayakan. Daripada menghadkan tempat di bawah sistem kuota, dasar pendidikan hendaklah digerakkan ke arah membuka lebih banyak peluang seberapa boleh untuk rakyat Malaysia bagi menguasai pendidikan tinggi. Kita boleh belajar dari negara-negara maju yang mana institusi pendidikan tinggi tumbuh dengan banyaknya bagi membolehkan warganegara mereka "celik huruf" dan lebih mahir dalam profesion mereka. Kerajaan juga hendaklah membina lebih banyak maktab teknik, politeknik dan sekolah

vokasional bagi memastikan kelicinan kemajuan perindustrian. Berbagai institusi yang dibiayai oleh wang awam seperti ITM, Maktab Rendah Sains MARA, sekolah-sekolah berasrama dan sebagainya hendaklah dibuka kepada semua rakyat Malaysia yang layak diambil tanpa mengira kaum.

Kerajaan hendaklah menimbang semula untuk memberi bantuan kepada Sekolah-sekolah Menengah Cina persendirian, oleh kerana sekolah-sekolah ini telah memainkan peranan yang bukan kecil dalam membantu meningkatkan sumber tenaga manusia dan pembangunan, kebudayaan dan pendidikan dalam negara kita. Sijil Peperiksaan Bersama hendaklah diiktiraf untuk kemasukan ke dalam institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan perkhidmatan awam, terutamanya pelajaran-pelajaran lepasan sekolah persendirian hendaklah dibenarkan memasuki Maktab-maktab Latihan Perguruan supaya mereka boleh membantu mengatasi masalah kekurangan guru-guru dalam sekolah-sekolah SRJK yang mendesak. Kerajaan boleh membantu sekolah-sekolah ini menerusi Tabung Wang Latihan Guru, Pembinaan dan Pembesaran Sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam membincangkan perkara kemiskinan, saya ingin menyentuh keadaan sekumpulan orang miskin bandar dalam Kuala Lumpur dan mereka ialah pemandu-pemandu teksi. Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam mengumumkan dalam pertengahan tahun ini bahawa Kabinet telah memutuskan tidak akan mengeluarkan apa-apa permit teksi lagi kepada orang perseorangan yang menjadi pemandu teksi, akan tetapi hanya dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

Saya membantah keputusan Kabinet kerana ianya jelas adalah tidak adil kepada ratusan malah ribuan pemandu teksi yang telah menunggu

bertahun-tahun dengan harapan untuk memohon dan memiliki sendiri permit mereka. Ramai pemohon ini adalah terdiri daripada bekas perajurit dan ramai telah memandu teksi bagi tempoh selama 10 ke 20 tahun, akan tetapi masih terus membayar sewa teksi yang mereka pandu kerana mereka tidak berjaya dalam permohonan masing-masing. Apa yang sangat merunsingkan ialah hakikat bahawa Lembaga berkenaan dalam Kementerian telah baru-baru ini meluluskan sebuah syarikat persendirian bernama "Saujana Car Hire Sdn. Bhd." dan telah mengeluarkan 200 permit untuk disewa kepada pemandu teksi di Kuala Lumpur. Syarikat persendirian berkenaan mengambil kesempatan dari kelulusan Kementerian untuk menyewakan permit ini kepada pemandu-pemandu teksi pada kadar yang tinggi dan tertakluk kepada berbagai-bagai syarat yang menekan. Mana-mana pemandu teksi perseorangan yang berminat untuk menyertai Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd., perlu mematuhi syarat-syarat yang berikut:

- (i) dikehendaki menandatangani satu perjanjian 6 tahun;
- (ii) semasa menandatangani perjanjian pemandu teksi dikehendaki membayar \$3,000 sebagai deposit;
- (iii) bayaran \$45 dikenakan untuk sewa harian, permit dan tidak termasuk lain-lain bayaran yang dikehendaki;
- (iv) selepas perjanjian 6 tahun berakhir kereta teksi itu ialah Proton Saga 1.5 menjadi milik pemandu teksi akan tetapi bukan permit.

Ini bermakna pemandu teksi akan terpaksa membayar lebih kurang \$98,550 untuk sewa kepada syarikat sepanjang tempoh perjanjian, tidak termasuk bayaran lain sebelum mereka boleh memiliki sebuah Proton Saga

yang mana jika dibeli baru hanya berharga lebih kurang \$30,000. Ini adalah satu eksploitasi yang jelas kepada pemandu teksi dan Kementerian yang berkenaan patut mengambil tindakan demi kepentingan pemandu teksi yang miskin. Kementerian berkenaan patut menerangkan bagaimana Syarikat Saujana Car Hire Sdn. Bhd., diberikan 200 permit teksi untuk beroperasi yang memakai teksi Proton Saga berwarna merah dan putih semasa berada di atas jalanraya. Dan saya juga ingin meminta pihak berkuasa yang berkenaan untuk menyiasat aduan mengenai pembayaran di bawah kaunter kepada syarikat yang berkenaan sebelum sesuatu permohonan dapat diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan pembangunan yang diperuntukkan bagi keselamatan negara dalam tahun 1990, berjumlah \$725 juta. Dari jumlah itu, sebanyak \$390 juta ialah untuk pertahanan dan \$335 juta untuk keselamatan dalam negeri. Mengenai perkara pertahanan, saya ingin membangkitkan perkara kapal selam. Dalam bulan Julai tahun ini Timbalan Menteri Pertahanan mengumumkan bahawa Kementerian Pertahanan akan mengenal pasti kapal selam yang akan dibeli untuk pertahanan. Beliau berkata lima negara iaitu Britain, Perancis, Sweden, German Barat dan Belanda dijemput mengemukakan cadangan dan sebut harga kepada Kementerian berkenaan. Saya mengambil peluang ini untuk bertanya Kerajaan sama ada terdapat benar-benar satu keperluan bagi Malaysia mempunyai kapal selam. Saya tidak menentang pembelian peralatan pertahanan jika memang satu kemestian dibuat demikian, tetapi apabila ditimbang komitmen tegas Malaysia terhadap ZOPFAN, seseorang terpaksa bertanya sama ada inilah masanya bagi kita memiliki kapal selam.

Pada pandangan saya, memang tidak terdapat keperluan sebenar bagi Malaysia mempunyai sebuah kapal

selam atau beberapa buah dan alasan-alasan untuk menyokong kes pembelian kapal selam tidak meyakinkan. Kapal selam itu memang mahal untuk dibeli dan untuk diselenggarakan. Memanglah prospek ekonomi negara telah bertambah baik baru-baru ini, tetapi patutlah kita belanjakan begitu besar untuk senjata yang boleh menimbulkan lebih ketegangan dan ketidakjaminan atau patutkah digunakan untuk mengurangkan hutang negara atau digunakan untuk hal lain yang membina.

Malaysia baru-baru ini telah menyuarakan tidak bersetuju kepada mana-mana cadangan menubuhkan satu pangkalan tentera di Singapura bagi Amerika Syarikat dan dengan tindakan sedemikian, adakah Malaysia hendak melibatkan diri dalam masa hadapan yang bergelora dan hendak memperkenalkan serangkaian kapal selam ke dalam Asia Tenggara.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa saya tidak mencadangkan Malaysia patut menghentikan kemampuan pertahanannya ataupun membekukan rancangan permodenan pasukan pertahanan ini. Apa yang dikehendaki ialah perkara ketenteraan tidak patut diasingkan dari implikasi politik dan ekonominya. Implikasi politik mencadangkan bahawa Malaysia patut sekurang-kurangnya menunggu beberapa negara Asia Tenggara yang lain mengambil dayausaha untuk memiliki kapal selam jenis sendiri. Langkah untuk memiliki kapal selam sendiri membangkitkan banyak perbalahan. Tidak lama dahulu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia sendiri melahirkan kepercayaannya bahawa faktor penting yang akan menentukan dunia hari ini dalam dekad-dekad akan datang bukanlah perjuangan ketenteraan atau ideologi tetapi ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan perasmian di Konvensyen

Kesepuluh Persatuan Ekonomi Malaysia pada awal Ogos tahun lalu menegaskan bahawa Dasar Ekonomi Baru telah gagal sebahagian kerana ia telah digunakan sebagai satu ke-selesaian atau "convenience" dengan izin, dan bukan satu dasar. Beliau menyatakan bahawa baik bumiputera dan bukan bumiputera menyifatkan DEB bukan sebagai satu alat ataupun satu jentera sosial dan ekonomi tetapi sebagai satu cara menjadi kaya.

Dalam mengakui secara terbuka sebahagian kegagalan DEB Yang Amat Berhormat tidak memberitahu kebenaran menyeluruh mengenai kelemahan dan kekurangan yang serious dalam DEB yang menyebabkan kegagalan DEB tidak sahaja dalam dua cara pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat, tetapi apa yang lebih penting ialah mencapai perpaduan negara.

Satu hakikat serious yang tidak disentuh oleh Yang Amat Berhormat ialah bagaimana DEB menerusi perlaksanaannya tidak sahaja meningkatkan pembahagian kaum dalam pemikiran dan kesedaran rakyat Malaysia, tetapi juga mewujudkan pemecahan rakyat Malaysia ke dalam kelompok bumiputera dan bukan bumiputera yang tidak wujud selama DEB dalam tahun 1970. Selepas 19 tahun DEB berjalan, sekarang jelas bahawa pembinaan rakyat Malaysia ke dalam bumiputera dan bukan bumiputera telah menjadi satu ciri tetap masyarakat Malaysia.

Kelemahan serious DEB ialah baik dari mula dirumus dan melepasi tempoh 19 tahun perlaksanaannya, ia dilihat, dihayati dan difahami dari segi perkauman bukan dari segi keMalaysiaan. Inilah sebabnya mengapa parti DAP dan lain-lain pertubuhan yang mengambil berat hal ehwal negara telah berulang kali berkata bahawa dari segi

menggalakkan perpaduan negara, DEB telah gagal mencapai objektifnya. Inilah satu tragedi dan pada akhirnya boleh hanya diertikan bahawa dripada mewujudkan perpaduan negara yang menjadi matlamat DEB, Kerajaan yang tidak bersedia mencari jalannya tidak akan berupaya menggerakkan semua rakyat Malaysia ke dalam usaha bersama untuk membangun sepenuh potensi negara. DAP telah menyeru dan akan terus menyeru supaya ditamatkan DEB dalam tahun 1990 oleh kerana pengurusannya akan memburukkan lagi polarisasi kaum, melembapkan pertumbuhan ekonomi dan satu halangan serious terhadap perpaduan negara.

Dasar ekonomi selepas tahun 1990 hendaklah diasaskan kepada kelayakan ataupun merit dan keperluan sosio-ekonomi yang akan merangsang dan mengilhamkan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum kepada penyertaan sepenuhnya dalam usaha bersama untuk membangunkan sepenuh potensi negara.

Dalam membincangkan sektor keselamatan juga, saya juga ingin membangkitkan keperluan perumahan dan tempat penginapan anggota polis dan anggota tentera. Saya berharap bahawa dari jumlah \$725 juta yang diperuntukkan untuk sektor keselamatan peruntukan akan dibuat untuk membina lebih banyak rumah untuk anggota tentera dan polis terutama untuk anggota-anggota yang berkhidmat dalam Bandaraya Kuala Lumpur.

Bagi anggota pasukan polis yang berpangkat Inspektor ke bawah dan yang tidak boleh ditempatkan dalam quarters polis, saya menyeru Kerajaan menambah elaun perumahan mereka. Elaun perumahan sekarang untuk anggota polis terutama sekali mereka yang berkhidmat dalam bandaraya seperti Kuala Lumpur sememangnya

tidak mencukupi dan patutlah ditambah. Konstabel polis sekarang ini adalah dibayar \$85 sebagai elaun perumahan bulanan manakala mereka yang berpangkat Koperal, Sarjan, Sarjan Mejar dan Sub-Inspektor dibayar \$138. Bagi Inspektor, elaun perumahan ialah \$260 sebulan. Memandangkan kos sara hidup yang tinggi dalam bandaraya, saya mencadangkan bahawa elaun perumahan ini ditambah. Pada pandangan saya, untuk konstabel, elaun perumahan \$85 itu sekarang patut ditambah menjadi \$150, manakala pangkat lain dinaikkan daripada \$138 kepada \$200. Bagi Inspektor, elaun perumahan hendaklah dinaikkan dari \$260 kepada \$350.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut sedikit mengenai buruh. Yang Berhormat Menteri Buruh dilaporkan berkata bahawa Kerajaan telah memulakan satu kajian ke atas aliran keluar pekerja Malaysia bagi mencegah kekurangan gunatenaga yang dijangkakan pada tahun 2000. Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa negara kita dijangkakan menghadapi kekurangan 150,000 pekerja pada akhir abad ini. Keadaan pengaliran keluar pekerja Malaysia sangat serius dan sepatutnya mendapat perhatian berat daripada Kerajaan.

Apa yang saya fahami bahawa lebih dari 200,000 rakyat Malaysia bekerja di luar negeri dan bilangan ini akan bertambah setiap hari jika Kerajaan tidak mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk membendung masalah ini. Jika ia tidak diselesaikan. . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup. Sila Yang Berhormat gulung perbincangan.

**Tuan Lee Lam Thye:** Sebagai menggulung ucapan saya, saya ingin menggesa pihak Kementerian yang berkenaan untuk membuat satu kajian yang mendalam mengenai masalah pekerja khususnya masalah tentang pengaliran tenaga keluar negeri. Saya harap bahawa apabila kajian ini disediakan akan dapat diumumkan untuk kepentingan orang ramai. Pada akhirnya juga saya ingin menitikberatkan mengenai betapa pentingnya supaya satu tabung ditubuhkan bagi tujuan membolehkan latihan gunatenaga untuk negara kita. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*